

"NIKMAT keamanan yang kita kecapi adalah berpunca daripada usaha-usaha kerajaan menangani keselamatan negara. Namun keamanan saja belum melaikan memadaikan tanpa pembangunan yang dapat dinikmati oleh rakyat." - Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2005.



"SESUNGGUHNYA Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana disebabkan kesalahan mereka sendiri, maka tidak sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada Nya." - Surah Ar-Ra'd ayat 11.

SAMBUTAN PERAYAAN UNTUK MENGHORMATI RAJA THAILAND

Liputan Haji Timbang Bakar
timbang.bakar@information.gov.bn
dari Bangkok, Thailand

BANGKOK, Selasa, 13 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyampaikan sambutan perayaan adalah untuk menghormati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej dan juga riwayat hidup baginda sebagai Ketua Negara Thailand.

Baginda bertitah, sambutan perayaan ini juga adalah untuk menghormati pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej dan usaha-usaha baginda dalam membangunkan Thailand yang telah membuat rakyat baginda bangga dengan warisan dan identiti mereka. Mereka juga menyampaikan tahniah kepada Raja Thailand.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan demikian ketika menyampaikan titah penghormatan untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej di Majlis Santap Malam di Balai

Singgahsana Chakri Mahaprasart.

Penghormatan yang diberikan terhadap baginda bagi menyampaikan penghormatan tersebut, kerana baginda adalah sebagai raja yang terkanan selepas Raja Thailand bagi pihak tetamu-tetamu diraja yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama raja-raja asing dan wakil raja-raja lain berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej telah diakui oleh masyarakat antarabangsa. Ini telah dibuktikan dengan penganugerahan United Nations Development Programme Lifetime Achievement Award ke hadapan majlis baginda oleh Pertubuhan-pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menurut baginda, 60 tahun bukan sekadar 60 tahun dalam sejarah Thailand. Ia adalah pelbagai cara, sejarah masa kita, baik dan buruk, kegembiraan dan kesedihan, rang-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej dan Permaisuri Sirikit serta lain-lain kerabat diraja Thailand di Majlis Mengalu-alukan Raja-raja dan Wakil Raja-raja Sempena 60 Tahun Raja Thailand Menaiki Takhta. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar. (Lagi berita dan gambar di muka 4).

sangan dan desakan.

Baginda juga memuji sikap keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej yang tidak berenggang daripada kehidupan rakyat baginda dan berkongsi kegembiraan, kesedihan dan kekecewaan mereka.

Terdahulu sebelum itu, ketibaan baginda berdua di majlis berkenaan dijunjung oleh Grand Chamberlain Thailand, Kwankeo Vajradaya; Timbalan Setiausaha Sulit Utama Di-Raja, Jirayu Israngkul Na Ayutthaya dan bekas Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darus-

salam, Prasart Mensuwan.

Di depan Balai Singgahsana Chakri Mahaprasart, baginda berdua dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Puteri Mahkota Maha Vajiralongkorn serta Duli Yang Teramat Mulia Puteri Srirasmi dan Duli Yang

Teramat Mulia Puteri Maha Chakri Sirindhorn.

Semasa Majlis Santap Malam itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej juga menyampaikan titah alu-aluan yang kemudiannya diikuti dengan Lagu Kebangsaan Thailand.



ANTARA YANG MENARIK

Lawatan Rasmi
DPMM dan YTM ke
Republik Perancis
- Muka 8 & 9

Haluan :
Pindaan dan
Perubahan Peraturan
Lembaga Pengelola
dan Majlis
Perundangan Mukim
dan Kampung berkuat
kuasa pada 1 Mei 2006
- Muka 10 & 11

Analisis:
Mengamalkan
membaca Al-Qur'an
membuahkan usaha
yang baik dan akhlak
mulia
- Muka 11

Seruan Suci:
Menanamkan sifat
bertanggungjawab
faktor utama
keselamatan
di jalan raya
- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

"HASIL kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan pada tahun 2005 telah menunjukkan bahawa penduduk negara ini telah mengeluarkan sisa buangan berjumlah kira-kira 350 metrik tan sebulan. Kajian juga menunjukkan penduduk negara ini mengeluarkan kadar sisa buangan yang tinggi iaitu 1.4 kilogram seorang sehari, jika dibandingkan dengan kadar pengeluaran di negara-negara jiran seperti Thailand 1.3 kilogram, Singapura 0.9 kilogram dan Malaysia 1 kilogram." - Sumber dari ucapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2006.

Dikurnia gelaran DYTMM Pengiran Isteri



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini Pengerusi Majlis Mesyuarat Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam bahawa mulai Jumaat, 12 Jamadilawal 1427 bersamaan dengan 9 Jun 2006, maka Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar menjadi 'Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar'.

Pengumuman khas tersebut disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara melalui Radio dan Televisyen Brunei malam tadi (9 Jun 2006).

PENDAFTARAN HAJI DITUTUP 29 JUN 2006

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita memaklumkan bahawa penerimaan pendaftaran haji bagi musim haji tahun 1427 Hijrah/2006 - 2007 Masihi di Pusat Pendaftaran Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong akan ditutup kepada orang ramai pada hari Khamis, 3 Jamadilakhir 1427 Hijrah/29 Jun 2006 Masihi jam 11.20 pagi.

Sehubungan dengan perkara tersebut, mereka yang berhasrat untuk membuat pendaftaran haji di Daerah Belait, Tutong dan Temburong hendaklah mendapatkan pendaftaran mereka sebelum tarikh tutup berkenaan.

Walaupun bagaimanapun setelah tarikh tutup berkenaan, mereka masih berpeluang untuk membuat pendaftaran haji di Pusat Pendaftaran Utama di Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan, Jabatan Haji, Blok A (A - 20), Bangunan Perdagangan Baitul Mal, Majlis Ugama Islam, Jalan Kota Batu BD 1517, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Khamis, 10 Jamadilakhir 1427 Hijrah/6 Julai 2006 jam 11.30 pagi.

HASRAT NEGARA



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-45 pada 3 Jamadilawal 1427/31 Mei 2006.

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Alameen, Wabih-ee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasah-bihee Ajma'een, Waba'du.

Dengan hati yang tulus jernih, marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memelihara negara kita menjadi sebuah negara yang aman lagi sejahtera.

Keamanan bukanlah barang yang boleh dibeli, melainkan semata-mata suatu kurnia besar daripada Allah.

Mengapa kita dikurniakan keamanan?

Kerana adanya 'sifat dalaman' yang luhur yang dimiliki oleh bangsa.

Sifat dalaman yang beta maksudkan itu ialah keimanan dan ketakwaan. Apabila tahap keduanya itu tinggi, maka mudahlah kita memetik buahnya.

Cuba kita perhatikan, berapa banyak negara di dunia - kecil mahupun besar - yang menginginkan keamanan? Tetapi siapakah yang berjaya mencapai keinginan itu?

PENUBUHAN JABATAN AGAMA MENINGKATKAN KEUPAYAAN ANGKATAN BERSENJATA

Ini adalah satu lagi bukti, bahawa keamanan itu bukanlah komoditi, atau pun sesuatu yang boleh dibina seperti kita membina bangunan. Tetapi ia wujud dan lahir tersendiri dengan izin Allah.

Negara, apabila pemerintah dan rakyatnya menaati Allah, maka insya-Allah akan tegaklah keamanan itu.

Jadi dapatlah dirumuskan di sini, bahawa keamanan dan kestabilan tidak bersumber dari sesiapa, melainkan ia adalah terbit dari rahmat Allah semata-mata. Tanpa rahmat, adalah mustahil untuk memperoleh keamanan dan kestabilan.

Jika demikian itu keadaannya, maka wajiblah kita istiqamah dalam beragama, supaya kita mendapat kasih sayang daripada Allah. Kerana hanya golongan yang dikasihi oleh Allah sahaja yang akan mendapat pertolongan-Nya.

Menyebut tentang pertolongan Allah ini, pada

hemat beta, tidak ada pihak yang lebih memerlukan itu melainkan Angkatan Bersenjata.

Kerana itu mereka perlu ingat, bahawa 'pertolongan langit' ini bukannya datang bergolek, tetapi mesti diusahakan dengan usaha-usaha besar serta juga doa yang berterusan.

Jadi sehubungan itu, wajar rasanya jika beta mengucapkan tahniah dan syabas kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kerana langkahnya menubuhkan Jabatan Agamanya baru-baru ini.

Beta yakin, dengan penubuhan itu, akan menambatkan lagi keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi meningkatkan motivasinya serta juga memartabatkan disiplin ketenteraan yang berteraskan iman dan takwa.

Satu lagi tanda peralihan dan pemodenan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ialah dengan adanya penubuhan Institut Pengajian Pertahanan dan

Strategik, pembentukan Akademi Tentera dan penganugerahan Skim Biasiswa bagi penuntut-penuntut cemerlang dalam peperiksaan peringkat 'O' dan 'A'.

Langkah ini tidak syak lagi bakal menjana dan melahirkan generasi pemimpin serta warga tentera yang dinamik di masa depan.

Untuk akhirnya, beta ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-45 kepada seluruh anggota yang masih berkhidmat dan yang telah bersara, keluarga mereka, serta juga mana-mana kakitangan yang turut menyumbang kepada pertahanan negara selama ini. Semoga sumbangan suci itu akan membawa kepada kejayaan yang berpanjangan, sama ada bagi diri penyumbang, mahupun lebih-lebih lagi bagi negara.

Sekian Wabillahi Tawfik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MENINGGIKAN TARAF MPUSB

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pembentukan dua buah jawatankuasa bagi meninggikan taraf Maktab Perguruan Uqama Seri Begawan (MPUSB) menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam. Jawatankuasa itu mengandungi Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Merancang bagi meninggikan taraf maktab tersebut yang kini telah mencapai usia 33 tahun sejak ditubuhkan pada tahun 1972 lagi.

Pembentukan jawatankuasa itu diumumkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pandu Bagi Meninggikan Taraf MPUSB baru-baru ini. Kedua-dua jawatankuasa itu dibentuk bertujuan untuk meninggikan mutu akademik dan latihan dalam bidang-bidang yang ditawarkan. Dan yang penting ianya juga bertujuan bagi menjadikan maktab berkenaan sebagai pusat penyelidikan agama dan perkhidmatan Islam di negara ini.

Sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB), penubuhan institusi itu akan dapat meningkatkan pengisian yang lebih berkesan dan bermakna kepada falsafah negara yang telah kita amalkan dan uar-uar-kan sejak zaman-berzaman berlandaskan, akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Syafie. Ianya juga mendukung kerasmian agama Islam yang telah menjadi agama rasmi di negara ini menurut Perlembagaan 1959 lagi.

Sesungguhnya pembentukan jawatankuasa tersebut sudah kena pada tempatnya dalam usaha kita untuk melahirkan institusi pengajian tinggi Islam yang terulung di negara ini. Sememangnya inilah matlamat pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang meninggikan pendidikan agama yang sempurna. Dalam waktu yang sama negara juga berhasrat untuk mempunyai rakyat yang berilmu, beriman dan bertakwa.

Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Islam itu nanti sudah setentunya akan menjadi 'batu loncatan' ke arah menubuhkan sebuah universiti Islam yang bertaraf dunia lagi tulen. Inilah sebenarnya yang menjadi cita-cita pemimpin kita setelah baginda berjaya berhasil menubuhkan Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 1985 yang kini telah menghasilkan ribuan cerdik pandai. Cita-cita baginda itu baginda titahkan sempena Konvokesyen UBD Ke-16 pada tahun 2004.

Pada tahun 2005 sempena Konvokesyen UBD Ke-17 sekali lagi baginda tegaskan mengenai dengan penubuhan sebuah lagi institusi pengajian tinggi itu. Antara lain baginda bertitah menegaskan "Sekarang biarlah saya jelaskan bahawa institusi pengajian tinggi yang saya maksudkan ialah universiti Islam tulen. Ia akan berfungsi untuk menampung keperluan-keperluan masa kini dan datang, di samping mercu tanda kegemilangan kepada negara."

Sebenarnya, hasrat kita untuk menubuhkan sebuah universiti Islam bukanlah satu perkara yang mustahil untuk direalisasikan. Kita sedia ada mempunyai asas yang cukup kuat untuk diterjemahkan. Segala-galanya sudah lengkap kita miliki. Cuma masa sahaja yang akan menentukan bila ianya direalisasikan. Perkara ini diakui sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda yang antara lain menegaskan "Saya berharap ianya akan segera difikirkan. Dan saya yakin, bahawa dasarnya sudah pun ada, tinggal sahaja lagi, bilakah saat untuk kita mengorak langkah."

Maka kita melihat, penubuhan kedua-dua jawatankuasa itu merupakan jawapan kepada penubuhan universiti Islam itu. Cuma secara berperingkat-peringkat kita naikan taraf MPUSB menjadi Institusi Pengajian Tinggi Islam. Dari sana, kita akan bergerak bagi menubuhkan universiti Islam yang menjadi idaman semua rakyat dan penduduk negara ini.

Penaikan taraf MPUSB sebagai Institusi Pengajian Tinggi Islam perlu mendapat kerjasama semua pihak. Sebagai rakyat dan penduduk negara ini kita sepatutnya berterima kasih di atas kebijaksanaan dan keprihatinan baginda untuk meninggikan syiar Islam di negara sebanding dengan negara-negara Islam yang lain yang sudah sedia mempunyai pusat pengajian tinggi dan universiti Islam yang terkenal di dunia.

Apa pun, kita penuh percaya, kedua-dua jawatankuasa itu akan berhasil menjadikan MPUSB menjadi Pusat Pengajian Tinggi Islam yang terulung di negara ini. Dengan kepakaran, kegigihan dan komitmen semua jawatankuasa berkenaan, perlaksanaannya akan bergerak seiring dengan hasrat pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Angan-angan yang kita 'pasang' itu akan tetap menjadi realiti. Pokoknya, setiap kita perlu memberikan kerjasama yang padu kepada jawatankuasa berkenaan dalam proses mempercepat lagi langkah ke arah merealisasikan Pusat Pengajian Tinggi Islam sebagai langkah yang tepat dalam memastikan maktab berkenaan kekal dalam agenda pembangunan negara.

Penyakit jantung pembunuh utama

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

SERIA, Ahad, 11 Jun. - Penyakit jantung merupakan pembunuh utama di Negara Brunei Darussalam diikuti penyakit barah dan kencing manis yang ber-

punca dari gaya hidup moden.

Kajian menunjukkan, punca utama kematian di negara ini dalam tempoh 30 tahun kebelakangan adalah



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi berucap di Simposium Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit anjuran Syarikat Minyak Brunei Shell. - Foto : Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidup.

disebabkan oleh perubahan penyakit dengan bertambahnya penyakit berjangkit, manakala penyakit-penyakit kronik seperti barah dan kardiovaskular pula menurun.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi berkata, ke arah itu Kementerian tersebut telah menganjurkan pelbagai aktiviti berkaitan dengan kehidupan moden dengan penekanan kepada menangani masalah kegemukan serta menggalakkan amalan pemakanan sihat dan senaman yang kerap sejajar dengan keprihatinan masyarakat sejagat.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan menubuhkan Lembaga Promosi Kesihatan ke arah meningkatkan keupayaan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian promosi kesihatan

serta program-program pendidikan kesihatan.

Berucap di Simposium Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit, Menteri Kesihatan seterusnya menjelaskan, usaha memerangi tabiat merokok juga merupakan perkara yang menjadi perhatian kementerian berkenaan dengan mengadaptasi pelbagai pendekatan melalui pendidikan umum dan penglibatan masyarakat.

Simposium Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit anjuran Syarikat Minyak Brunei Shell yang merupakan usaha berterusan Pusat Kesihatan Penaga berlangsung di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) di sini.

Dalam ucapan alu-aluannya, Timbalan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali berkata, syarikat berkenaan akan sentiasa proaktif dalam mengurus kesihatan para pekerjaannya

yang merupakan aset syarikat tersebut.

Ke arah itu syarikat itu memberikan motivasi kepada para pekerja supaya menjaga kesihatan dan keselamatan melalui beberapa inisiatif seperti program gaya hidup sihat dan piagam gaya kerja yang seimbang.

Beliau menjelaskan, mercu tanda program syarikat itu ialah acara tahunan 'Langkah Sihat' merangkumi larian waktu pagi sejauh lima hingga tujuh kilometer di persekitaran Ibu Pejabat Syarikat Minyak Brunei Shell.

Simposium yang disertai oleh para doktor jururawat, paramedik dan petugas kesihatan itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit-penyakit berpunca dari gaya hidup moden dan kesihatan serta langkah-langkah pencegahan yang dapat dilakukan secara individu atau syarikat.

DPPW menerima mengadap Duta Besar Arab Saudi yang akan menamatkan perkhidmatan dan dua perwakilan asing yang baru dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Esam A. Abid Al-Thagafi, Duta Besar Arab Saudi yang akan menamatkan perkhidmatannya. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Tuan Yang Terutama Esam A. Abid Al-Thagafi berkhidmat sebagai Duta Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan Mei 2003.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima mengadap dua perwakilan asing yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam; Tuan Yang Terutama Md. Hedayetul Islam Chowdhury, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh dan Nan Sy, Duta Besar Kemboja.

Sebelum lantikan ini, Tuan Yang Terutama Md. Hedayetul Islam Chowdhury adalah Duta Besar di Kementerian Hal Ehwal Luar Republik Rakyat Bangladesh.

Tuan Yang Terutama Nan Sy sebelum ini merupakan Utusan Khas kepada Samdech Krom Preah, Yang Dipertua Dewan dan Presiden Parti Funcinpec.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Esam A. Abid Al-Thagafi, Duta Besar Arab Saudi yang akan menamatkan perkhidmatannya (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Perwakilan Asing yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Nan Sy, Duta Besar Kemboja.



DULI Yang Teramat Mulia juga menerima mengadap dua Perwakilan Asing yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Md. Hedayetul Islam Chowdhury, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh.

Berangkat menghadiri sesi perbincangan Seminar Program Pembangunan Keluarga

Oleh Zakiah Abdullah

BERAKAS, Rabu, 7 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim berkenan berangkat ke sesi perbincangan Seminar Program Pembangunan Keluarga anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia, di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat dan Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Adina.

Di seminar itu Yang Teramat Mulia, berkenan mendengar kertas kerja pertama bertajuk, 'Senario Permasalahan Keluarga dan Kanak-kanak Di Ne-

gara Brunei Darussalam yang dibentangkan oleh Awang Mohd. Husaini bin Abdullah.

Seminar bertemakan 'Keluarga Bahagia Penjana Kehidupan Harmoni' sempena Hari Antarabangsa Keluarga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diraikan setiap 15 Mei merupakan usaha untuk memberikan kefahaman mengenai hal ehwal keluarga.

Tiga isu utama, iaitu kemahiran keibubapaan, kemahiran berkomunikasi dan pengurusan kewangan keluarga menjadi fokus dalam seminar yang bertujuan untuk menambah dan meningkatkan kefahaman peserta mengenai peranan dan tanggungjawab ber-keluarga serta memberi kesedaran akan pentingnya institusi keluarga diperkukuhkan bagi kesejahteraan ahli-ahlinya.

Seminar yang disertai oleh pegawai dan kakitangan yang tempoh perkahwinan mereka di bawah lima tahun itu menyediakan panduan dalam men-

jalani kehidupan berkeluarga dan memberi maklumat mengenai gejala sosial yang timbul daripada kelalaian ibu bapa.

Di samping itu ia memberi peluang untuk berkongsi pengalaman dan maklumat bagi mewujudkan masyarakat penyayang dan bertanggungjawab serta menghindarkan masalah sosial,

khususnya melibatkan keluarga.

Sebanyak enam kertas kerja berkaitan dengan kemahiran keibubapaan dari sudut agama, pengurusan kewangan keluarga dan kemahiran berkomunikasi dibentangkan di seminar yang dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan itu.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika merasmikan Seminar Program Pembangunan Masyarakat. - Foto: Abdullah Awang Damit.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim berkenan berangkat ke sesi perbincangan Seminar Program Pembangunan Keluarga anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat. - Foto: Abdullah Awang Damit.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyaksikan pameran di majlis tersebut. - Foto: Abdullah Awang Damit.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Sirikit bersama raja-raja dan wakil raja-raja berangkat bagi sesi bergambar ramai selepas majlis mengalu-alukan keberangkatan raja-raja dan wakil raja-raja.



BAGINDA berdua bersama Kebawah DYMM Raja Bhumibol Adulyadej dan Permaisuri Sirikit ketika berangkat di Balai Singgahsana Ananda Samakhom.

Berangkat hadiri perayaan ulang tahun pertabalan Raja Thailand

BANGKOK, Ahad, 11 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat tiba di ibu negara Thailand, bagi lawatan empat hari atas jemputan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej bagi sambutan perayaan ulang tahun ke-60 pertabalan baginda menaiki takhta.

Berangkat sama mengiringi baginda berdua ialah puteri-puteri baginda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakilah Hayatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah. Juga berangkat Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Keberangkatan tiba baginda dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Pangkalan Tentera Udara Diraja Thai, dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn dan Duli Yang Teramat Mulia Puteri Srirasm, isteri kepada Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn.

Turut mengalu-alukan keberangkatan baginda berdua ialah, Timbalan Perdana Menteri, Tuan Yang Terutama Dr. Surakiat Sathiratai, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Tuan Yang Terutama Dr. Kanthathi Suphanmangkorn, Menteri-menteri Kabinet Thailand yang lain; Ketua Protokol, Tuan Yang Terutama Somsakdi Suriyawongse; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand Tuan Yang

Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Shariffuddin bin Pengiran Haji Yusuf dan Datin; Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sornslip Polteja dan isteri.

Dari lapangan terbang, baginda berdua dan rombongan diraja dijunjung berangkat ke salah sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Bangkok, di mana baginda berdua akan bersempayan sepanjang lawatan ini.

Semasa berada di Thailand baginda berdua bersama raja-raja dan wakil raja-raja dari 25 buah negara lain yang diundang akan menghadiri Upacara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-60 Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej Menaiki Takhta di Ananda Samakhom Throne Hall.

Salah satu acara kemuncak perayaan ini ialah Perarakan Bahtera Diraja di sepanjang Sungai Chao Phraya yang bermula dari

BANGKOK, Isnin, 12 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat bersama-sama raja-raja dan wakil raja-raja negara lain menghadiri Upacara Hari Pertama Perayaan Ulang Tahun Ke-60 Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha

Institut Tentera Laut Diraja Thailand, di mana baginda berdua bersama tetamu diraja dan wakil-wakil raja yang lain akan menyaksikan perarakan tersebut.

Baginda berdua juga akan menyaksikan pameran di Royal Thai Navy Convention Hall, mengenai kegiatan-kegiatan dan projek-projek Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej selama 60 tahun baginda menaiki takhta. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Thailand juga akan meraikan tetamu-tetamu diraja baginda itu dengan Majlis Santap Malam yang akan diadakan di Chakri Throne Hall. Di majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi pihak raja-raja asing dan wakil raja-raja lain telah berkenan untuk bertitah mengenai pencapaian seumur hidup Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej.

Acara mengalu-alukan raja-raja dan wakil raja

Laporan
Haji Timbang Bakar
timbang.bakar@information.gov.bn
Foto : Pg. Bahar Pg. Haji Omar,
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Mulia Raja Bhumibol Adulyadej Menaiki Takhta di Balai Singgahsana Ananda Samakhom di sini.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Baginda berdua, memulakan acara hari itu dengan menghadiri majlis bagi mengalu-alukan semua raja-raja dan wakil raja-raja di Balai Singgahsana Ananda Samakhom. Keberangkatan tiba baginda berdua dialu-alukan oleh Perdana Menteri Thailand Tuan Yang Terutama Thak-

sin Sinawatra dan isteri, Puan Khunying Potjaman.

Seterusnya baginda berdua dijunjung ke Balai Singgahsana dan dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Sirikit; Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn serta Duli Yang Teramat Mulia Puteri Srirasm, isteri kepada Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn; Duli Yang Teramat Mulia Puteri Maha Chakri Sirindhorn; Duli Yang Teramat Mulia Puteri Chulabhorn Walailak dan Duli Yang Teramat Mulia Puteri Ubol Ratana.

Selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Sirikit bersama raja-raja dan wakil raja-raja lain dijunjung ke Dewan Luar bagi sesi foto.

Majlis tersebut diakhiri dengan sembah ucapan penghormatan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej oleh Perdana Menteri Thaksin Sinawatra. Ini diikuti dengan titah balasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej sebelum lagu kebangsaan Thailand dimainkan.



KEBERANGKATAN tiba baginda berdua di Terminal Udara, Tentera Udara Diraja Thai dijunjung oleh DYTMM Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn dan DYTMM Puteri Srirasm, isteri Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn.

LAWATAN KERJA DYTMM DAN YTM KE REPUBLIK JERMAN

Kerjasama Brunei - Jerman dalam pelbagai bidang

MUNICH, Khamis, 8 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri melahirkan harapan supaya Brunei Darussalam dan Republik Jerman khususnya Bavaria akan dapat mempertingkatkan kerjasama lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan, pelancongan, perdagangan dan pelaburan.

DYTM melahirkan harapan tersebut ketika mengadakan perjumpaan bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Bavaria, Tuan Yang Terutama Dr. Gunther Beckstein pada majlis yang berlangsung di Odeonplatz 3.

Pada perjumpaan itu DYTM juga melahirkan rasa puas hati di atas hubungan persahabatan yang begitu mesra di

antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Jerman.

Semasa perjumpaan itu juga, DYTM melahirkan penghargaan kepada TYT di atas sambutan dan layanan yang disebarkan kepada DYTM dan rombongan.

DYTM juga menyampaikan ucapan tahniah kepada TYT dan penduduk Bavaria yang menjadi tuan rumah Perlawanan Akhir Bola sepak

Liputan
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@infor-
mation.gov.bn
Foto: Masri Osman
dari Jerman

Piala Dunia FIFA 2006.

Terdahulu DYTM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat tiba di Bandar Munich bagi lawatan kerja ke Republik Jerman.

Sejurus keberangkatan tiba di Lapangan Terbang Franz Josef Munich, DYTM dan YTM dijunjung oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Jerman, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Hassan, Pegawai Protokol Kementerian Hal Ehwal Luar Jerman dan para pegawai dari Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jerman.

Berangkat sama mengiringi DYTM dan YTM ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Sementara itu pada sebelah malam DYTM berkenan berangkat menghadiri Majlis Jamuan Santap Malam yang disebarkan oleh TYT Dr. Gunther Beckstein berlangsung di Restoran Garden, Hotel Bayerischer Hof, Munich tempat DYTM dan YTM bersemayam sepanjang berada di Munich.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat tiba di Lapangan Terbang Franz Josef, Munich.

Pembangunan Sukan, HRD dan ekonomi dibincang

MUNICH, Jumaat, 9 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Persekutuan Republik Jerman, Tuan Yang Terutama Tuan Wolfgang Schauble membincangkan beberapa bidang kerjasama khususnya pembangunan sukan, pembangunan tenaga manusia (HRD) dan kerjasama ekonomi.

Perkara tersebut dibincangkan semasa DYTM mengadakan perjumpaan dengan TYT berlangsung di Hotel Kempinski, Munich dalam rangka lawatan kerja ke Jerman.

Dalam perjumpaan itu, DYTM dan TYT juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama antara kedua-dua buah negara.

Di samping itu DYTM dan TYT juga berpuas hati dengan kemajuan kerjasama dua hala dan bersetuju mempertingkatkan lagi hubungan rapat dan mesra yang sedia wujud di antara kedua-dua buah negara.

Turut berangkat di perjumpaan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



DYTM ketika berkenan mengadakan kunjungan muhibah bersama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Bavaria, TYT Dr. Gunther Beckstein di Odeonplatz 3.

Meneruskan lawatan ke Frankfurt

MUNICH, Sabtu, 10 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat meninggalkan Munich menuju Frankfurt bagi meneruskan lawatan kerja hari ketiga ke Republik Jerman.

Sebelum berangkat balik meninggalkan Hotel Bayerischer Hof, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon.

Mengucapkan selamat belayar kepada DYTM dan YTM di Lapangan Terbang Franz Josef ialah Ketua Protokol Kerajaan Tempatan Bavaria, Tuan Axel Bartlet dan pegawai-pegawai ke-

dutaan besar di Jerman.

Turut berangkat mengiringi DYTM dan YTM ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Pesawat khas yang

membawa DYTM dan YTM selamat tiba di Lapangan Terbang Frankfurt kira-kira jam 11.00 pagi waktu Jerman.

Sepanjang berada di Frankfurt, DYTM dan YTM bersemayam di Hotel Reinhartshausen Kempinski.



DYTM dan YTM berangkat turun dari pesawat kapal terbang bagi meneruskan lawatan kerja ke Frankfurt, Republik Jerman.



DYTM mengadakan kunjungan bersama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Persekutuan Republik Jerman, TYT Wolfgang Schauble di Hotel Kempinski, Munich.

DYTM berangkat bagi mengadakan perjumpaan dengan TYT di Hotel Kempinski, Munich.



Menteri-menteri Belia Komanwel bincang pelan tindakan hapus kemiskinan

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Isnin, 29 Mei. - Pelan Tindakan Ke Arah Memperkasa Belia 2006-2015 (PAYE) sejajar dengan 'Millennium Development Goals' (MDGs) dalam menyediakan rangka kerja pembangunan belia Komanwel bagi menghapuskan kemiskinan merupakan antara cadangan yang dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel (CYMM) di Nassau, Bahamas.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud semasa sidang media di ruang ketibaan VIP di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Yang Berhormat berkata, selain cadangan memberi peluang seimbang antara lelaki dan perempuan, 'good Governance', HIV/AIDS dan persamaan gender juga dipersetujui semasa CYMM itu.

CYMM juga bersetuju mencadangkan bagi penguasaan Ketua Negara dan Kerajaan Komanwel (CHOEG) iaitu 'youth mainstreaming' sebagai pendekatan utama ke arah pelaksanaan Rancangan Tindakan Bagi Memperkasa Belia (PAYE) dan Rancangan Strategi CYP selain bersetuju supaya kerajaan Komanwel

menjurus pembangunan dan memperkasa belia dalam semua pembuatan dasar.

Selain dari itu, ia juga menekankan mengenai perancangan dan pelaksanaan program dalam semua aspek termasuk politik, undang-undang, ekonomi dan sosial.

"Rancangan strategi Pembangunan Belia Komanwel (CYP) bagi tahun 2006 - 2008 memfokuskan kepada tiga bidang utama, iaitu 'Youth Enterprise and Sustainable Livelihoods: Governance, Development and Youth Network; and Youth Work, Education and Training,'" jelas Yang Berhormat.

Selain dari itu juga dipersetujui dalam CYMM ialah mekanisme indeks pembangunan belia (YDI) untuk memantau dan menilai serta menyukat perkembangan program pembangunan belia di negara Komanwel dengan kerjasama rakan kongsi antarabangsa juga turut dipersetujui dalam CYMM.

Mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel yang berlangsung selama dua hari bermula pada 24 hingga 26 Mei 2006 dihadiri oleh 23 menteri dari 43 buah negara Komanwel dan wakil dari badan antarabangsa, antaranya Badan Penasihat Sukan Komanwel (CABOS) dan UNICEF.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad selepas menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel (CYMM) di Nassau, Bahamas. - Foto Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Yang Berhormat menjelaskan, selaras dengan itu, Negara Brunei Darussalam sedang menilai semula dasar belia negara terutama definisi belia di mana Komanwel menghadkan umur belia kepada 15 hingga 29 tahun.

CYMM tahun ini bertepatan 'Youth Empowerment for the Eradication of Poverty, Crime and Violence and HIV/AIDS dan CYMM tahun 2008 dijangka berlangsung di Sri Lanka.

Tempoh lesen perniagaan dipinda kepada dua hingga lima tahun

GADONG, Selasa, 30 Mei. - Tempoh lesen perniagaan di bawah Peraturan-peraturan Lesen Rampaian dan Akta Lembaga Bandaran dipinda hadnya dari yang sedia ada kepada tempoh dua hingga lima tahun mulai 1 Jun ini.

Bagaimanapun tempoh lesen-lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen Lembaga Bandaran dan jabatan-jabatan daerah itu tertakluk kepada kriteria-kriteria tertentu seperti tempat atau premis perniagaan dan jenis perniagaan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan membuat makluman itu ketika berucap di Majlis Penyampaian Sumbangan dan Tajaan Bagi Acara-acara Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 di sebuah hotel di sini.

Katanya, kadar bayaran setiap tahun adalah tidak berubah tetapi bayaran tahunan dikenakan mengikut tempoh lesen perniagaan yang diberikan.

"Adalah juga mustahak mereka yang dikeluarkan lesen perniagaan berkenaan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dan jika gagal mematuhi syarat-syarat tersebut akan ditarik balik atau dibatalkan," jelasnya.

Tambahnya, pindaan itu dibuat atas perhatian dan keprihatinan dalam usaha memberikan kemudahan serta mudah cara urusan-urusan perniagaan dan aktiviti per-ekonomian di negara ini.

Jelasnya, ia juga bagi memperbaiki dan mengemas-kinkan pemprosesan permohonan bagi mendapatkan lesen-lesen perniagaan di bawah Akta Lesen-Lesen Rampaian Penggal 127 dan Akta Lembaga Bandaran Penggal 57 yang dikeluarkan oleh jabatan-jabatan daerah dan Lembaga Bandaran di negara ini.

"Pengusaha atau peniaga di negara ini dikehendaki untuk mendapatkan atau membarui lesen perniagaan mereka pada setiap tahun di mana perkara itu sudah tentunya akan menyulitkan dan menambatkan kerja dan 'paperwork' kerana terpaksa dipohonkan pada setiap tahun," katanya.

Mengenai sambutan perayaan, tambahnya, setiap daerah telah pun menyenaraikan acara yang akan dilangsungkan sepanjang sambutan

ulang tahun keputeraan.

Menurutnya, acara Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan penduduk di negara ini merupakan acara kemuncak selain beberapa acara lain seperti Majlis Ilmu, Persembahan Bunga Api, Tatoo Antarabangsa Brunei 2006, Malam Serumpun Seri 60, Ekspo Produk Halal Antarabangsa, Konsert Dirgahayu Emas dan Majlis Kesyukuran dan Menyembahkan Ikrar Taat Setia.

Di majlis itu Yang Berhormat menerima sumbangan dan tajaan lebih \$341 ribu dari sektor-sektor swasta termasuk Brunei Shell Petroleum (BSP), Brunei Shell Tankers (BST), Brunei Shell Marketing (BSM) yang menyumbangkan \$50 ribu termasuk sumbangan dari orang perseorangan.

Majlis Ramah Mesra memupuk hubungan kerja dan persefahaman

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 25 Mei. - Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata Majlis Ramah Mesra Bersama Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang seluruh negara bertujuan untuk bersuai kenal dengan pegawai kanan di kementerian berkenaan selain dapat mengukuhkan hubungan persaudaraan, meningkatkan jalinan kerja dan memupuk kefahaman di antara kedua-dua pihak.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, majlis berkenaan juga sebagai saluran bagi Kementerian Kewangan berkongsi sama mengenai peranan dan tanggungjawab ter-

masuk wawasan dan bidang tugas kementerian berkenaan, di samping mengetengahkan beberapa inisiatif dan perkembangan langkah yang diusahakan oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat, me-



MENTERI Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

nyatakan perkara tersebut pada Majlis Ramah Mesra bersama penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang seluruh negara berlangsung di Kementerian Kewangan.

Antara inisiatif yang dimaksudkan ialah pengubahan pelan strategik Kementerian Kewangan yang akan menentukan hala tuju kementerian itu dalam jangka 10 tahun akan datang, dasar dan peraturan yang digubal dan dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan termasuk pengenalan beberapa Akta baru dan usaha kerajaan melalui Kementerian Kewangan, menerbitkan Suku Al-Ijarah dan penggabungan dua buah bank Islam yang dihasratkan untuk menjadikannya sebagai Bank Islam terbesar di negara ini.

Menurut Yang Berhormat, dengan mengongsi maklumat berke-

naan, semua penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang diharapkan akan dapat menyebarkan maklumat mengenai kementerian itu secara tepat dan jelas kepada anak buah kampung supaya dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap dasar dan langkah kerajaan.

Majlis diikuti dengan taklimat mengenai Kementerian Kewangan yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Metassim Momin.

Acara diteruskan kesesudah petang disusuli dengan beberapa siri taklimat dari jabatan di bawah Kementerian Kewangan termasuk taklimat Jabatan Perbendaharaan dan Tabung Amanah Pekerja TAP.

Jadikan institusi muzium sebagai gedung ilmu

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

KOTA BATU, Khamis, 18 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad, menarakan agar pihak pengurusan kemuzium menyusun program-program yang relevan dengan kemuzium untuk menanamkan minat dan kesedaran warga muda terhadap institusi muzium sebagai gedung ilmu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menarakan perkara tersebut di Majlis Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2006 berlangsung di Dewan Legar Muzium Brunei di sini.

"Mereka inilah yang bakal menjadi generasi pewaris karyawan muzium atau setidak-tidaknya akan menjadi generasi pengunjung muzium yang setia dan berilmu," jelas Yang Berhormat.

Dengan demikian tambah Yang Berhormat, peranan muzium selaku institusi ilmu yang menyimpan dan memelihara warisan bangsa akan lebih mudah terserap dalam kehidupan masyarakat sebagai salah satu keperluan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan terutamanya di kalangan warga muda di institusi-institusi pendidikan.

Yang Berhormat berkata, usaha bersepadu juga hendaklah ditingkatkan untuk menarik lebih ramai pengunjung warga muda ke muzium-muzium dan galeri-galeri pameran dengan mengadakan banyak program yang relevan dengan pembangunan golongan warga muda yang mencintai budaya



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika menyampaikan hadiah Anugerah Pekerja Contoh 2006, Jabatan Muzium-Muzium Brunei bagi Bahagian III kepada Awang Ahmad bin Damit. - Foto : Masri Osman.

dan warisan khazanah bangsa.

"Program lawatan ke muzium-muzium atau galeri-galeri pameran bukan sahaja sebagai suatu rekreasi tetapi lebih penting sebagai salah satu cara untuk mendapatkan sumber pengetahuan dan pembelajaran," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat percaya usaha itu akan berjaya dan lebih bermakna sekiranya diwujudkan rangkaian kerjasama bersepadu dengan institusi pendidikan di negara ini yang disokong oleh semua pihak yang berkepentingan dalam pembangunan warga muda.

Majlis pagi itu juga diselenggarakan dengan penyampaian Anugerah Pekerja Contoh 2006 di Jabatan Muzium-Muzium Brunei bagi Bahagian III, IV dan V kepada tiga orang penerima terdiri dari Awang Ahmad bin Damit bagi Bahagian III, Dk Hajah Rokiah binti Pg. Tejudin bagi Bahagian IV

dan Dayang Pazidah binti Haji Pudir bagi Bahagian V.

Yang Berhormat, seterusnya menyaksikan Pameran dan Demonstrasi Sekolah Menengah yang terlibat dalam acara hari itu iaitu Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiyah dan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Kampong Lumapas yang mempamerkan kegiatan pembelajaran mereka yang ada kaitannya dengan pemeliharaan warisan.

Selain itu, dua buah buku bertajuk Buku Panduan Kehidupan Liar Haiwan Akuatik Di Tasek Merimbun dan Koleksi Bedil Jabatan Muzium-Muzium juga turut dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa, disambut setiap tahun pada 18 Mei dan tema sambutan Hari Muzium Antarabangsa Tahun 2006 'Muzium dan Warga Muda'.

Noraisah juara Pilihan Akira 2006

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman menyampaikan hadiah kepada Dayang Noraisah binti Osman juara Pertandingan Pilihan - Akira Talentime 2006. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Mei. - Lagu 'Beautiful' yang dibawakan oleh Dayang Noraisah binti Osman membawa tuah kepada dirinya apabila muncul sebagai juara Pertandingan

Pilihan-Akira Talentime 2006 yang diadakan di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB) di sini.

Beliau menerima hadiah wang tunai \$1,500.00, LCD

Tv Akira 20 inci dan piala iringan, manakala tempat kedua, disandang oleh Hajah Dewi Hairani binti Haji Thani dengan lagu 'Get Here' dengan menerima wang tunai \$1,000.00; CTV 29 inci dan piala iringan.

Sementara tempat ketiga, dimenangi oleh Tengku Syifaa Erna binti Tengku Zainal dengan lagu 'Reflection' yang menerima hadiah wang tunai \$500.00, Kamera Digital Akira dan Piala iringan, manakala tujuh lagi pemenang saguhati menerima hadiah berupa CTV 21 inci dan piala iringan.

Seramai 10 peserta berbakat terdiri dari Tengku Syifaa Erna binti Tengku Zainal, Hajah Dewi Hairani binti Haji Thani, Dayang Masita binti Tamil, Awang Norhidayat bin Haji Ahim, Dayang Nadia Farhana binti Halim Mohd Yusof, Ampuan Nurhafizah binti Ampuan Haji Yaakub, Awang Suhyvesant Freddie, Dayangku Siti

Sabariah binti Pengiran Haji Idris, Dayang Noraisah binti Osman dan Dayang Lena Safwanah binti Abdullah bertanding pada malam itu.

Setiausaha Tetap, Kementerian Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman selaku tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam pertandingan itu.

Juga hadir di majlis itu, Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Abdul Rahman dan Penolong Pengurus Besar Intracorp (B) Sendirian Berhad, Awang Lau Kok Siang.

Acara turut diserikan lagi dengan persembahan penyanyi undangan dari Malaysia, Jaclyn Victor yang mempersembahkan lagu 'Gemilang' dan sebuah lagu duet bersama penyanyi artis tempatan Awang Fakhru Razi Haji Ibrahim.

Menerima kunjungan muhibah



JALAN KEBANGSAAN, Khamis, 25 Mei. - Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar menerima kunjungan muhibah dari Pengarah Agung bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelajaran, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO), Tuan Yang Terutama Koichiro Matsuura di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas).

Dalam perjumpaan tersebut Yang Mulia Dato Paduka dan Tuan Yang Terutama membincangkan mengenai bidang kebudayaan.

Pengarah Agung UNESCO berada di negara ini dalam rangka lawatan dua hari.

Belia-belie banyak terlibat kemalangan

Oleh Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

GADONG, Sabtu, 27 Mei. - Belia-belie dalam lingkungan umur di antara 18 - 39 tahun banyak terlibat dalam kemalangan di jalan raya di negara ini.

Mengikut statistik pada tahun 2004 mencatatkan sebanyak 4,635 kes di kalangan belia lingkungan umur tersebut. Diikuti oleh mereka yang berumur di antara 40 - 59 tahun sebanyak 689, manakala 290 kes kemalangan bagi mereka berumur di antara 59 - 78 tahun. Sementara pada tahun 2005 kesalahan 'speeding' merupakan jumlah kes tertinggi yang dikompaun.

"Sebagai sebuah negara yang berpenduduk kecil, perangkaan ini menjadikan bilangan kemalangan di negara kita secara 'relative' adalah tinggi jika dibandingkan dengan negara lain," jelas Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Mat Zahri di Majlis Penyerahan Poster Majlis Keselamatan Jalan Raya di Dewan Serbaguna Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) di sini.

Katanya, WHO telah menganggarkan pada tahun 2002, seramai 1.2 juta orang terbunuh dan 20 - 25 juta tercedera disebabkan oleh kemalangan jalan raya, dan sekitar lima juta orang mengalami kecacatan seumur hidup. Jika tidak dibendung, angka kematian akibat kemalangan jalan raya dianggarkan akan meningkat 80 peratus menjelang tahun 2020.

Menurutnya, pada peringkat ASEAN, isu keselamatan jalan menjadi kebimbangan dan masalah besar terhadap ekonomi dan kestabilan, di mana kajian awal oleh Asian Development Bank mendapati lebih 70,000 orang mati dan dianggarkan 4.6 juta tercedera akibat kemalangan jalan raya.

"Dari jumlah ini, anggaran kerugian melebihi AS\$14 bilion setiap tahun yang menyumbang kepada 2.1 peratus pendapatan jumlah kasar dalam negeri," jelasnya.



PENGARAH Pengangkutan Darat, Awang Haji Mat Zahri. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Beliau berkata, fakta berkenaan adalah sejajar dengan penumpuan terhadap perhatian kepada golongan muda dan sangat tepat untuk menggunakan pendekatan yang menjurus ke arah berkenaan.

Jabatan berkenaan juga telah berusaha melaksanakan mengikut program keselamatan jalan raya termasuk mengadakan ceramah ke sekolah-sekolah dan badan-badan swasta, di samping mengadakan rondaan dan sekatan jalan raya bersepadu yang melibatkan JPD dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDRB).

Bagaimanapun, katanya, Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) masih mendapati pemandu-pemandu yang tidak mengendahkan

aspek keselamatan jalan raya seperti tidak menggunakan tali pinggang keselamatan, mengubah suai kenderaan, menggunakan telefon bimbit semasa memandu, memandu laju dengan tidak mengikut had laju yang ditetapkan walaupun di waktu hujan.

Kekhuatiran juga timbul semasa Perlawanan Piala Dunia dilangsungkan, tentunya ada yang tidur lewat malam, malah sampai awal pagi yang mana keadaan ini akan menimbulkan suasana yang tidak selesa dan mengantuk semasa memandu untuk pergi kerja dan urusan peribadi. Keadaan sedemikian, menurut Pengarah Pengangkutan Darat akan membawa risiko kemalangan, apatah lagi jika memandu dengan laju.

Poster berkenaan telah diserahkan oleh Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Mat Zahri selaku Timbalan Pengerusi II MKJR kepada pengurus-pengurus penderas kenderaan, ahli-ahli MKJR, pengusaha-pengusaha sekolah-sekolah memandu, pengusaha-pengusaha pengangkutan bermotor dan juga orang ramai.

Poster berkenaan merupakan salah satu cara MKJR dalam memupuk kesedaran orang ramai, sekali gus sebagai landasan kepada perubahan sikap pengguna jalan raya kepada lebih bertanggungjawab.



PENGARAH Pengangkutan Darat, Awang Haji Mat Zahri menyempurnakan poster Majlis Keselamatan Jalan Raya. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Pelancaran Projek Jejak Kesultanan

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub ketika menyempurnakan Majlis Perlepasan (Flag Off) Projek Jejak Kesultanan Penyelidikan dan Pengumpulan Sejarah Brunei Di Borneo. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

GADONG, Khamis, 1 Jun. - Kumpulan penyelidikan yang terdiri daripada pakar-pakar sejarah, arkeologi, kaji bangsa, kesenian dan bahasa mengunakahkan Projek Jejak Kesultanan Penyelidikan dan

Pengumpulan Sejarah Brunei Di Borneo.

Projek penyelidikan Pusat Sejarah yang dihasratkan untuk menjejaki warisan pengaruh Kesultanan Brunei di Borneo, berbentuk tradisi lisan, ma-

nuskrip-manuskrip lama dan monumen-monumen serta artifak-artifak sejarah yang mempunyai hubungan dengan sejarah Kesultanan Brunei dilancarkan hari ini.

Timbalan Menteri Ke-

budayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub menyempurnakan Majlis Perlepasan (Flag Off) projek berkenaan yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

Bahan-bahan sejarah yang dipercayai masih banyak tersimpan di kalangan penduduk Borneo khususnya yang mendiami kawasan persisiran yang suatu ketika dahulu pernah berada di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei.

Projek selama 20 hari yang diusahakan dengan kerjasama beberapa pihak termasuk Persatuan Pacuan Empat Roda Brunei Darussalam dan beberapa jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Universiti Brunei Darussalam menjadikan Serian, Sarawak sebagai perhentian pertama sebelum meneruskan pengembaraan ke kawasan persisiran Borneo meliputi Wilayah-wilayah Kalimantan, Republik Indonesia.

Menurut Penyelaras Projek, Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman projek yang melibatkan hampir 50 peserta mempunyai matlamat untuk menjadikan negara ini sebagai Pusat Kajian Borneo.

Di samping itu, Pusat Sejarah juga akan membuat lanjutan projek dengan menerbitkan buku mengenai Kesultanan Brunei dan Empayarnya di Borneo dan seterusnya menjadikan negara ini sebagai Pusat Kajian Borneo.

Kempen Kebersihan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia

Oleh Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

MUARA, Ahad, 4 Jun. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Syarikat PSA Muara Container Terminal Sendirian Berhad mengadakan Kempen Kebersihan di Pantai Peranginan Muara sempena Hari Alam Sekitar Sedunia yang jatuh pada 5 Jun 2006.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Mohd. Zakaria bin Haji Sarudin.

Pengerusi Eksekutif Syarikat PSA Muara Container Terminal Sendirian Berhad, Awang Haji Mohd. Razali Johari berkata, pihak syarikat berbesar hati menyumbangkan papan tanda dan tempat letak BBQ di kawasan Pantai Muara yang diharapkan akan dapat dipergunakan dengan sebaiknya

oleh pengunjung pantai tersebut.

Pegawai-pegawai, kakitangan dan ahli keluarga dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Syarikat PSA Muara Container Terminal Sendirian Berhad juga hadir untuk sama-sama menjayakan kempen tersebut di Pantai Peranginan Muara.

Acara lain ialah penanaman pokok kelapa oleh Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Pengerusi Eksekutif Syarikat PSA Muara Container Terminal Sendirian Berhad.

Aktiviti kempen kebersihan merupakan langkah awal bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kebersihan persekitaran, di samping dapat mengeratkan perhubungan yang sedia ada di antara pegawai, kakitangan dan keluarga.



PENANAMAN pokok kelapa oleh Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Mohd. Zakaria dan Pengerusi Eksekutif Syarikat PSA Muara Container Terminal Sendirian Berhad. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.



SEBAHAGIAN mereka yang hadir sama-sama bergotong-royong membersihkan Pantai Peranginan Muara. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

LAWATAN RASMI DPMM DAN YTM KE REPUBLIK PERANCIS



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah menyaksikan bahan pameran di Muzium Louvre Muzium.



DYTM dan YTM disambahkan taklimat mengenai potret 'Mona Lisa' oleh Puan Nicole Salinger.

Berangkat ke Ibu Pejabat Thales

PARIS, Selasa, 6 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, meneruskan lawatan ke Ibu Pejabat Thales.

Ia merupakan sebuah Kumpulan Syarikat Thales yang berurus nia-

ga sebagai syarikat elektronik global yang memberikan perkhidmatan kepada pasaran industri penerbangan, pertahanan dan teknologi maklumat di seluruh dunia tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba DYTM, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli

Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dijunjung oleh Naib Presiden Eksekutif Kanan Kumpulan Syarikat Thales, Tuan Jean - Paul Perrier dan Tuan Bruno Rambaud.

Sejurus keberangkatan tiba DYTM, berkenan menghadiri sesi taklimat mengenai Strategi Pelaburan Thales di Brunei Darussalam, yang disampaikan oleh Naib Presiden Jualan Eksport Bahagian Tanah dan Sistem Bersepadu Kumpulan Syarikat Thales, Tuan Marc Dufrot.

Kemudian DYTM berkenan menyaksikan demonstrasi senario, demonstrasi meriam 2R2M dan 'simulator Truk 3D' yang dicipta khusus oleh Thales dalam mempromosikan produk yang dihasilkan.

Dulu Thales lebih dikenali dengan nama 'Thomson-CSF' sebelum tahun 2000 sebaik saja Racal Electronic Plc sebuah syarikat elektronik pertahanan United Kingdom diambil alih.

Thales sekarang dimiliki sebahagiannya oleh kerajaan dan beroperasi di 50 buah negara dengan jumlah pekerja melebihi 60 ribu orang dan perolehan pendapatan lebih

Keberangkatan ke Muzium Louvre

Liputan Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
Foto : Masri Osman

PARIS, Selasa, 6 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah petang hari ini berkenan berangkat melawat ke Muzium Louvre.

Keberangkatan tiba, DYTM dan YTM di Muzium Louvre dijunjung oleh Pentadbir Umum Muzium, Tuan Didier Selles dan Pegawai Muzium, Puan Nicole Salinger.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Muzium Louvre dibina oleh Philippe Auguste dalam tahun 1204 yang pada asalnya merupakan sebuah rumah besar diraja dan kemudiannya antara tahun 1364 - 1380 diubah bentuknya oleh Charles Ke-V dan dibina semula sepenuhnya bermula dari zaman Francois I hinggalah ke abad 19.

Namun pada awalnya Louvre merupakan istana raja-raja dan permaisuri-permaisuri Perancis tetapi kini Louvre menjadi Is-

tana Kesenian yang merupakan salah sebuah muzium yang mempunyai koleksi terkaya di dunia salah satunya termasuklah potret 'Mona Lisa' yang tulen.

DYTM dan YTM juga dijunjung melawat ke Galeri Kesenian Islam yang mempamerkan bahan-bahan koleksi kewujudan pengaruh Islam di Perancis satu ketika dulu, antaranya alat-alat pembedahan Islam, batu nisan, kepingan

kayu yang tertulis potongan ayat-ayat Al-Quran, tembikar Islam, permata, senjata, mangkuk tembaga dan banyak lagi khazanah kesenian Islam.

Setelah itu DYTM dan YTM dijunjung ke Galeri Salle des Etats yang mempamerkan banyak lukisan bernilai tinggi - 'priceless' antaranya potret 'Mona Lisa' yang dilukis oleh pelukis terkenal dari Itali Leonardo da Vinci disim-

pan di dalam kaca khusus dengan kawalan sistem keselamatan canggih.

Selain menyimpan potret Mona Lisa, Muzium Louvre juga memiliki lebih ratusan buah lukisan yang tiada nilainya, antaranya termasuklah lukisan gambar King Louis XIV yang terkenal dan mahkota asli serta barangan permata yang pernah dimiliki oleh Raja Perancis terdahulu.

Dari Salle des Etats DYTM dan YTM mengakhiri lawatan di sebelah petang di Paris.



DYTM dan YTM menyaksikan mahkota asli serta barangan permata yang pernah dimiliki oleh Raja Perancis suatu ketika dulu.



KEBERANGKATAN tiba DYTM dijunjung oleh Naib Presiden Eksekutif Kanan Kumpulan Syarikat Thales, Tuan Jean - Paul Perrier.



DYTM berangkat ke beberapa bahagian yang terdapat di Ibu Pejabat Syarikat Thales.



DYTM berkenan mendengar taklimat mengenai strategi Pelaburan Thales di ruang khas, Ibu Pejabat Thales.

LAWATAN RASMI DYMM DAN YTM KE REPUBLIK PERANCIS

Berangkat ke Bilik Operasi pasukan Polis Perancis

PARIS, Selasa, 6 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Bilik Operasi Pasukan Polis Kebangsaan Perancis yang memantau keselamatan dan kawalan lalu lintas kota Paris selama 24 jam sepanjang tahun.

Keberangkatan tiba DYTM di bilik itu dijunjung oleh Ketua Polis Daerah, Tuan Pierre Mutz dan beberapa pegawai kanan polis Paris.

Sebelum melawat ke beberapa buah Bilik Operasi Polis Paris, DYTM yang diiringi oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malik dan Yang

Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi disembahkan taklimat mengenai fungsi dan kegiatan Pasukan Polis Kebangsaan.

Dari sana DYTM kemudian dibawa melawat ke Bilik Operasi Paris yang dilengkapi dengan sistem komputer dan kamera kawalan jauh diletakkan di semua kawasan di Paris sebagai sistem keselamatan dan kawalan.

Di kota Paris saja lebih 317 buah kamera diletakkan di bangunan-bangunan yang diarahkan ke tempat-tempat awam, jalan raya, bangunan kerajaan, di Menara Eiffel, stesen kereta api dan sebahagian kawasan pusat membeli belah yang terkenal, di mana kesemua kamera tersebut disambungkan di beberapa

buah Bilik Operasi Polis Paris.

Selain disediakan dengan alat kamera bagi memantau keselamatan penduduk di Paris berjumlah lebih tujuh juta orang itu terdapat juga lebih 33 ribu anggota polis yang sedia berkhidmat dan ditugaskan secara bergilir-gilir dalam masa 24 jam sehari di kota Paris saja.

Pasukan Polis Kebangsaan Perancis merupakan agensi penguat kuasa undang-undang awam Perancis dengan bidang kuasa utama di kota-kota dan bandar-bandar besar di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan jumlah keseluruhan seramai 150 ribu orang.

Liputan Abdullah Asgar
abdullah.asgar@
information.gov.bn

Foto : Masri Osman
dari Republik Perancis



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri menyaksikan tugas-tugas yang dijalankan di Bilik Operasi Polis Paris (atas), sementara gambar bawah, DYTM menyaksikan monitor televisyen yang memperlihatkan suasana Kota Paris melalui kamera keselamatan.



DYTM berkenan mencuba sendiri sistem komputer yang digunakan di Bilik Operasi Polis Paris (kiri).

DYTM menyaksikan secara dekat kemudahan yang terdapat pada Bilik Operasi Pasukan Polis Paris (kanan).



Menamatkan lawatan rasmi

PARIS, Khamis, 8 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah petang ini berangkat meninggalkan Paris setelah menamatkan lawatan rasmi empat hari ke Republik Perancis.

Berada di Lapangan Terbang Charles De Gaulle untuk menyampaikan ucapan selamat berangkat kepada DYTM dan YTM ialah Pegawai Protokol Kanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Perancis, Moseur Alain Aumis.

Turut berada di lapangan terbang bagi menyampaikan ucapan selamat berangkat ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Perancis, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Zaini bin Haji Sidup dan pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam.

Berangkat mengiringi DYTM dan YTM sepan-

jang berada di Paris ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Sebelum berangkat meninggalkan Hotel Le Meurice, Paris doa selamat dibacakan, oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon.

Di Lapangan Terbang Charles de Gaulle, DYTM dan YTM disembahkan dengan barisan kawalan kehormatan oleh para anggota tentera Perancis.



SUASANA Bilik Operasi Polis Paris sentiasa sibuk dan kemudahan yang terdapat serta digunakan mereka semakin canggih.

HALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULLILAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik, hidayah dan limpah kurnia-Nya jua membolehkan kita sama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Perjumpaan Ahli-ahli Lembaga Pengelola Bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Tujuan perjumpaan pada pagi ini ialah untuk memberikan penjelasan tentang peraturan baru bagi Lembaga Pengelola dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (2006), di samping bertukar-tukar fikiran dan pandangan serta mendeengar apa jua permasalahan yang membantutkan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk berfungsi dengan bergerak aktif seperti yang dihasratkan.

Dalam majlis ini, sukacita dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pindaan dan perubahan ke atas Peraturan Lembaga Pengelola dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang telah dikuatkuasakan pada tahun 1996 kepada Peraturan Lembaga Pengelola dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (2006) yang mana mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2006. Baginda juga telah memperkenalkan bagi perantikan Ahli-ahli Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang terdiri daripada:

Pengerusi:
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri;

Timbalan Pengerusi:

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli-ahli:

Peguam Negara; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri; Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan; Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pegawai-pegawai Daerah.

Empat (4) orang ahli yang dilantik daripada kalangan Penasihat-penasihat Majlis Perundingan Mukim.

Perlantikan bagi Ahli-ahli Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini adalah bagi tempoh lima (5) tahun.

Tujuan utama bagi perubahan dan pindaan Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (2006) ini ialah bagi memantapkan dan menggerakkan tujuan penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung secara lebih efektif dan efisien selaras dengan kehendak, perkembangan dan cabaran semasa dan yang akan datang di mana seperti yang kita sedia maklum dan seperti yang termaktub di dalam Peraturan Lembaga Pengelola dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (2006), tujuan Penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah seperti berikut:

* Mengukuhkan keberkesanan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi;

* Memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan

* Merancang serta mengusahakan rancangan-rancangan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

KEWUJUDAN Majlis Perundingan Mukim dan Kampung
seharusnya dilihat sebagai tulang belakang dalam memperkesakan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan mengadakan permesyuaratan-permesyuaratan pada tempoh masa yang telah ditetapkan, mengadakan perbincangan-perbincangan bagi menyelesaikan permasalahan anak-anak kampung dan juga untuk bertukar-tukar fikiran serta merangka dan melaksanakan program-program kerja sama ada yang berbentuk perekonomian, kemasyarakatan, keagamaan dan kesukuan bagi faedah, kemanfaatan dan kesejahteraan penduduk-penduduk kampung. Dengan yang demikian dan dengan adanya persefahaman dan kerjasama yang erat lagi jitu ini akan dapat mengurangkan masalah-masalah setempat dan rakyat dan penduduk akan terus menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan.

Pindaan dan Perubahan Peraturan Lembaga Pengelola dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berkuat kuasa pada 1 Mei 2006



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Majlis Perjumpaan Ahli-ahli Lembaga Pengelola Bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung pada hari Selasa, 18 Rabiul-akhir 1427/16 Mei 2006 di Jabatan Bomba dan Penyelamat, Berakas.

Di samping itu tujuan pindaan dan perubahan terhadap Peraturan Lembaga Pengelola dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung 1996 adalah seperti berikut:

* Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bukan sahaja berperanan untuk menubuhkan Majlis-majlis Perundingan di mukim-mukim dan kampung-kampung dan bertindak selaku Pengerusi tetapi yang mustahak ialah mengembangmajukan dan mengaktifkan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung di kawasan masing-masing selaras dengan peranannya sebagai pertubuhan yang utama di peringkat akar umbi yang sentiasa berusaha untuk memperting-

katkan kemajuan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk khususnya di kawasan setempat.

* Bagi membolehkan membuat perancangan dan program yang lebih komprehensif dan bersistematik oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan perubahan tempoh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dari dua tahun ke lima tahun.

* Selaras dengan misi dan perancangan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang mana menekankan untuk memangkin perpaduan dan kerjasama di kalangan masyarakat, di samping ber-

sama pelbagai pihak memangkin pembangunan sisoekonomi dan keselamatan masyarakat serta memelihara keselamatan masyarakat.

* Bagi memenuhi kehendak dan ketetapan resolusi Seminar Kebangsaan Bagi Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang Seluruh Negara Tahun 2005 yang telah diungayahkan pada 14 hingga 17 November 2005 lalu, di mana menghendaki Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung selaku Pengerusi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk menggerakkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebagai wadah penyertaan rakyat dan penduduk dalam proses pembangunan dan kemajuan negara.

Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah merupakan satu landasan atau 'platform' bagi rakyat dan penduduk di negara ini untuk bersama-sama terlibat dalam hal ehwal kesejahteraan, kemasyarakatan, kebajikan dan perekonomian dan juga bagi kemanfaatan masyarakat setempat khususnya dan negara amnya. Penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sepatutnya diambil perhatian yang serius dan didukung sepenuhnya dan hendaklah ianya digerakkan dan diaktifkan. Justeru saya menyeru kepada Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang selaku Pengerusi kepada Majlis-majlis Perundingan Mukim atau Kampung supaya akan berperanan dan bertindak sebagai nadi penggerak dalam mewujudkan persepaduan, persefahaman, kemajuan dan permufakatan yang padu dan jitu. Majlis-majlis Perundingan hendaklah bergiat aktif dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan segenap lapisan masyarakat mukim dan kampung. Kerjasama perlu disemai di kalangan anak-anak mukim dan kampung dalam menangani isu-isu sosial yang negatif yang mampu

mengganggu gugat ketenteraman dan kesejahteraan mukim dan kampung. Pemantauan yang berterusan haruslah dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin akar umbi mukim dan kampung dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta anak-anak buah kampung agar aktiviti-aktiviti yang kurang sihat itu dapat dibendung dan ditangani bersama.

Kewujudan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seharusnya dilihat sebagai tulang belakang dalam memperkesakan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan mengadakan permesyuaratan-permesyuaratan pada tempoh masa yang telah ditetapkan, mengadakan perbincangan-perbincangan bagi menyelesaikan permasalahan anak-anak kampung dan juga untuk bertukar-tukar fikiran serta merangka dan melaksanakan program-program kerja sama ada yang berbentuk perekonomian, kemasyarakatan, keagamaan dan kesukuan bagi faedah, kemanfaatan dan kesejahteraan penduduk-penduduk kampung. Dengan yang demikian dan dengan adanya persefahaman dan kerjasama yang erat lagi jitu ini akan dapat mengurangkan masalah-masalah setempat dan rakyat dan penduduk akan terus menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan.

Di samping itu, saya juga ingin berseru di majlis ini supaya Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung sewajarnya jangan salah faham dan beranggapan negatif terhadap Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Kewujudan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah untuk membantu dan mempermudah peranan dan tugas-tugas Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dalam memeduli dan mengalinga kebajikan dan kesejahteraan dalam mengatasi masalah setempat dengan permuakatan dan permufakatan dengan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Perlu juga diambil perhatian bahawa Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung bukanlah medan berunsur politik tetapi semata-mata sebagai landasan atau 'platform' dalam melibatkan rakyat dan penduduk di kawasan setempat pada bersama-sama menyumbangkan khidmat bakti dan pengorbanan demi kemajuan dan kesejahteraan dalam memeduli hal ehwal mukim dan kampung di Negara Brunei Darussalam serta berganding bahu dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai kemajuan, kecemerlangan dan berperanan dalam menjaga keamanan, ketenteraman dan keselamatan negara. Adalah juga disarankan kepada para ilmuwan, cendekiawan, profesional, Ahli-ahli Eksekutif, ahli-ahli korporat, peniaga-peniaga, pemimpin-pemimpin belia dan pegawai-pegawai kanan kerajaan bagi sama-sama menyumbangkan tenaga dan khidmat bakti dalam melibatkan diri dalam Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung kepada masyarakat setempat dan negara khususnya bagi bersama-sama berperanan aktif dalam meningkatkan kesejahteraan dan mengembangmajukan masyarakat dan kawasan setempat khususnya dan negara umumnya.

Untuk makluman bersama juga, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah menubuhkan Sekretariat secara sepenuh masa yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Ketua Eksekutif bersama pegawai-pegawai kanan di Kementerian ini bagi memastikan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung di bawah naungan Lembaga Pengelola bergerak aktif dalam mengukayahkan aktiviti-aktiviti yang berunsur perekonomian, kemasyarakatan, keagamaan, sosial, kesukuan dan lain-lain, di samping

Mengamalkan membaca Al-Qur'an membuahkan usaha yang baik dan akhlak mulia

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengulangi titah baginda di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan agar pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan membaca Al-Qur'an sebelum lagi mereka memulakan tugas atau pekerjaan.

Pegawai dan kakitangan khususnya elok bagi mereka itu melazimkan diri masing-masing untuk membuka dan membaca Al-Qur'an walaupun setakat beberapa ayat dari surah-surah tertentu pada tiap-tiap hari, iaitu sebelum memulakan tugas dan pekerjaan masing-masing dengan maksud mudah-mudahan apa juga khidmat dan pe-

kerjaan yang kita lakukan untuk negara ini akan sentiasa mendapat keberkatan dan terpinpin serta dipandu oleh petunjuk serta hidayat Allah Subhanahu Wata'ala.

Di negara ini, titah baginda lagi jalan untuk mendekatkan diri kepada Al-Qur'an adalah terbuka luas. Ia wujud sama ada melalui institusi pendidikan, masjid dan balai ibadat serta juga tidak ketinggalan pejabat-pejabat dan rumah-rumah persendirian.

Baginda sendiri seringkali menasihati supaya Al-Qur'an dibaca oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan sebelum lagi mereka itu memulakan tugas dan pekerjaan.

Mengapa baginda menghendaki demikian? Kerana tidak lain ialah untuk mendapat keberkatan. Keberkatan itu insya Allah setentunya mampu membuahkan usaha yang

baik serta akhlak yang mulia. Kerana bukannya Al-Qur'an itu sebagai suluh dan petunjuk ke jalan lurus?

Keberkatan yang dimaksudkan di sini terjaud dari sikap laknat, tidak jujur, ego, khianat, membuang masa dan melalailaikan sesuatu pekerjaan. Al-Qur'an sendiri juga mengandungi cerita dan sejarah umat-umat yang terdahulu seperti peristiwa Nabi Noh Alaihissalam dengan bahteranya serta orang-orang yang tenggelam mengingkari seruannya, cerita Fir'aun yang mengingkari keesaan Allah yang bersikap bongkak dan kejam yang akhirnya terkubur di dalam dasar laut bersama bala tenteranya. Begitu juga sikap Qarun yang sombong dengan kekayaannya yang telah ditelan oleh bumi bersama-sama dengan hartanya.

ANALISIS

Oleh Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Dalam suasana kehidupan yang penuh dengan cabaran dan dugaan, kita juga terhibur dengan kerancakan yang ada di sekeliling kita, setentunya kita alpa dan lalai apa lagi kehangatan dunia ketika ini dengan perlawanan bola sepak dunia yang menjadi ingauan berjuta peminat termasuk negara kita. Kita tidak ketinggalan menontonnya sampai ke pagi. Apa akan jadi, setentunya kita mengantuk dan hilang minat dalam pekerjaan. Jangan pasal bola dedikasi kerja tiada, rugi negara.

Apa lagi ketika ini cakap-cakap bola ... kita menonton sampai ke pagi jangan keseronokan kita pula lalai dan memudarat-

kan kesihatan kita sebagai pekerja. Jangan pasal bola dedikasi kerja tiada ... rugi negara. Jangan menonton terlampau luan, takut kerajaan tiada staminanya.

Keberkatan mengamalkan membaca Al-Qur'an sebelum memulakan insya Allah setentunya mampu membuahkan usaha yang baik serta akhlak yang mulia. Kita dapat menyelesaikan masalah kerana mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah. Kita akan diberikan tenaga untuk bekerja, memberikan mentaliti yang progresif dan dinamik untuk meningkatkan lagi prestasi, kualiti dan produktiviti pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan

Awam Negara Brunei Darussalam dan setentunya akan mencapai objektif-objektif bagi rancangan pentadbiran dengan lebih berkesan.

Kita bersyukur negara kita dengan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam penghayatan ajaran Islam terutama dalam pembacaan Al-Qur'an amat meluas dan bersemarak sekali di kalangan umat Islam di negara ini.

Ini terbukti bila kita lihat setiap Kementerian, Kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sebelum memulakan pekerjaan bagi mendapatkan keberkatan itu dengan membaca Al-Qur'an. Kita selaku umat Islam faham yang Al-Qur'an itu mempunyai berbagai hikmah, kisah-kisah

perjuangan para rasul dan nabi dan perkhayaban baik yang pastinya menjanjikan kejayaan, kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat jika benar-benar menghayati dan melaksanakan ajaran Islam seperti yang terkandung dalam Al-Qur'an.

Usaha lanjutan ini perlulah dibuat oleh institusi-institusi pendidikan serta juga setiap Kementerian atau jabatan menurut cara-cara yang bersesuaian.

Maka kerana itu, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai umat Islam untuk menjaga kesucian dan memelihara kesucian Al-Qur'an itu. Marilah sama-sama menjadikannya suluh dan penunjuk berkat itu di dalam semua pekerjaan kita. Kita jadikan ia panduan dan kekal sehingga bila-bila. Jika terlanjur membelakangnya, segeralah kembali kepada-Nya.

Pindaan dan Perubahan Peraturan Lembaga Pengelola dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berkuat kuasa pada 1 Mei 2006

Dari muka 10

melibatkan penyertaan rakyat dan penduduk di kawasan masing-masing. Begitu juga di peringkat jabatan-jabatan daerah yang mana telah ditubuhkan Sekretariat masing-masing bagi menyelaras dan memantau perkembangan dan aktiviti di daerah masing-masing. Sekretariat Lembaga Pengelola di peringkat Kementerian ini juga akan membuat penyelarasan dengan Sekretariat di peringkat daerah-daerah.

Dalam kesempatan ini, saya menyarankan kepada Pegawai-pegawai Daerah yang bertindak selaku Pengerusi Kepimpinan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung supaya akan dapat memantau dan memastikan perjalanan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi melaksanakan program serta masing-masing. Ini adalah selaras dengan tujuan penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang telah dianskan dalam Peraturan 2 dari Peraturan Lembaga Pengelola dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (2006). Saya seterusnya menaruh harapan kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung supaya akan memainkan peranan yang aktif dalam menggerakkan dan mengembangkan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan

Kampung sebagai wadah dalam memantapkan kehidupan bermukim dan berkampung dalam suasana harmoni, sejahtera, aman, makmur dan saling bekerjasama yang mana adalah teras kepada ketukuhan, keselamatan dan survival bangsa dan negara. Justeru mana-mana Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang akan mansuh tempohnya hendaklah diperbaharui. Manakala Majlis-majlis Perundingan yang tidak aktif hendaklah juga diaktifkan.

Seperti yang dimaklumi juga bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan peruntukan kewangan sejumlah \$100,000.00 bagi menggerakkan fungsi dan peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Sewajarnya peruntukan ini dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Justeru, Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung hendaklah memohonkan peruntukan berkenaan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui pegawai-pegawai daerah masing-masing dengan merangka program rancangan atau projek yang akan diunkayahkan.

Dalam pada itu, sesuai juga dengan salah satu tujuan penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung iaitu 'memupuk' semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita juga tidak mahu melihat Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dijadikan sebagai gelanggang perdebatan dalam menyampaikan satu-satu perkara

dan kampung ke tahap yang lebih cemerlang untuk mempertingkatkan kesejahteraan, kebajikan dan kecemerlangan di kawasan masing-masing khususnya dan negara yang kita cintai umumnya.

Dalam majlis ini, saya sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bagi kategori yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan negara, di antara syarat-syarat utama adalah antara lainnya seperti berikut:

(A) Pemohon yang di bawah kategori mereka yang menyumbang kepada perekonomian dan pembangunan negara dari segi

SEPERTI yang dimaklumi juga bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan peruntukan kewangan sejumlah \$100,000.00 bagi menggerakkan fungsi dan peranan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung. Sewajarnya peruntukan ini dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Justeru, Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung hendaklah memohonkan peruntukan berkenaan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui pegawai-pegawai daerah masing-masing dengan merangka program rancangan atau projek yang akan diunkayahkan.

atau isu untuk kepentingan peribadi atau 'personel interest'. Tetapi sebaliknya ia hendaklah menumpukan pada mengutamakan kepentingan negara (national interest) dan masyarakat. Kita mahu melihat Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu melaksanakan program-program kerja yang dapat menaikkan imej dan kredibiliti Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebagai landasan atau 'platform' masyarakat mukim

Brunei Darussalam telah mengurniakan perkenan bagi mempertingkatkan pemberian taraf Penduduk Tetap kepada kategori-kategori berikut:

i. Warganegara Asing Yang Menyumbang Kepada Perekonomian, Pembangunan dan Kemajuan Negara;

ii. Suami Warganegara Asing Yang Beristrian Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

perniagaan, mestilah dapat membuktikan sumbangan dari segi pelaburan kewangan dan juga sumbangan kepada perekonomian atau pembangunan negara. Dapat membuktikan bahawa pemohon melabur atau memiliki aset di negara ini sekurang-kurangnya berjumlah B\$500,000.00.

(B) Pemohon yang dikategorikan sebagai golongan profesional mestilah dapat membuktikan sumbangan dalam mana-

mana bidang profesional. Ini termasuklah membuktikan sumbangan-sumbangan dari profesinya sendiri untuk pembangunan serta dapat memberikan faedah dari segi kebajikan dan kesejahteraan khususnya kepada kepentingan masyarakat dan negara.

Syarat-syarat lain:

(i) Pemohon yang dilahirkan di negara ini hendaklah telah tinggal secara berterusan di negara ini sekurang-kurangnya dalam tempoh 10 tahun.

(ii) Pemohon yang dilahirkan di luar negara ini hendaklah telah tinggal secara berterusan di negara ini sekurang-kurangnya dalam tempoh 15 tahun.

(iii) Sumbangan/penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kenegaraan dan kebajikan.

(iv) Dinilai tidak membebaskan kerajaan dan negara.

(v) Mengetahui serba sedikit cara hidup ke-bruneian dan boleh bertutur atau menulis dalam Bahasa Melayu.

Tujuan dalam mempertimbangkan pemberian status Penduduk Tetap kepada mereka yang termasuk dalam kategori ini adalah bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan dan mereka yang mempunyai kemahiran profesional yang boleh menjana kemajuan dan perekonomian negara.

Manakala, bagi mempertimbangkan Kategori Suami Warganegara Asing Yang Beristrian Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di antara syarat-syarat utama adalah seperti berikut:

(i) Jika dilahirkan di Negara Brunei Darussalam, pemohon hendaklah tinggal secara sah dan menjadi sebagai pasangan suami isteri di negara ini selama 15 tahun;

(ii) Jika dilahirkan di luar Negara Brunei Darussalam, pemohon hendaklah tinggal secara sah dan menjadi sebagai pasangan suami isteri di negara ini selama 20 tahun;

(iii) Mengetahui cara hidup ke-bruneian dan boleh bertutur atau menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik;

(iv) Tidak membebaskan negara.

Tujuan dalam mempertimbangkan pemberian status Penduduk Tetap kepada mereka yang termasuk dalam kategori ini adalah antara lain untuk mewujudkan kebahagiaan dan keharmonian institusi kekeluargaan bagi mereka yang berkenaan.

Pengurniaan bagi pemberian status Penduduk Tetap bagi kategori-kategori yang dimaksudkan mula berkuat kuasa mulai 15 Mei 2006.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



KEBERANGKATAN tiba baginda dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama J. Saville; Penasihat Pertahanan, Kapten R. Thoburn; Pemerintah Brunei Garison dan Pegawai Pemerintah Batalion Kedua Royal Gurkha Rifles, Leftenan Kolonel C. D. Wombell.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Brunei Garison bagi Majlis Perpisahan Tentera dan Keluarga Batalion Kedua The Royal Gurkha Rifles yang akan menamatkan tempoh penempatan mereka ke negara ini.

KEBAWAH DYMM BERAR

SERIA, Rabu, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Brunei Garison bagi Majlis Perpisahan Tentera dan Keluarga Batalion Kedua The Royal Gurkha Rifles yang akan menamatkan tempoh penempatan mereka ke negara ini.

Dari sana baginda seterusnya dijunjung berangkat ke upacara rasmi sambutan yang diadakan di Kompleks Sukan Garison. Sebaik tiba di kompleks tersebut baginda menerima hormat diraja, seterusnya dijunjung memeriksa kawalan barisan kehormatan terdiri daripada 77 anggota Pasukan Gurkha termasuk anggota platoon, serunai dan tambur di bawah pimpinan Kapten E Janvrin.

nyaksikan aktiviti latihan keupayaan batalion. Mula-mula baginda dijunjung menyaksikan pameran senapang, peralatan memburu dan keupayaan bot bagi tujuan pertempuran. Baginda seterusnya berkenan menyaksikan pertunjukan operasi yang dijalankan semasa Pasukan Royal Gurkha Rifles berada di Afghanistan yang menghadapi rusuhan tahun lalu dan tahun sebelumnya. Pasukan tersebut menghantar kira-kira 200 anggotanya ke negara yang bergolak itu.

Mengikut sejarah penglibatan tentera Gurkha dalam tentera British, mereka merupakan anggota tentera yang berada di barisan depan dan berkhidmat di beberapa negara dan kawasan yang dilanda peperangan.

Baginda juga berkenan mencuba sendiri menembak menggunakan senapang pemedih mata yang digunakan untuk meleraikan rusuhan. Ba-

Pesawat khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia mendarat di Heli-pad Kompeni Bantu Brunei Garison kira-kira jam 9.00 pagi. Sebaik turun dari pesawat, baginda dijunjung oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama J Saville; Penasihat Pertahanan, Kapten R. Thoburn; Pemerintah Brunei Garison dan Pegawai Pemerintah Batalion Kedua Royal Gurkha Rifles, Leftenan Kolonel C. D. Wombell.

Baginda kemudian dijunjung berangkat me-



BAGINDA berkenan menyempurnakan penyampaian Pingat Kerja Lama dan Kerja Baik (LSGC) kepada tiga orang anggota Royal Gurkha Rifles (atas).

BAGINDA berkenan menyaksikan pertunjukan operasi Pasukan Royal Gurkha Rifles sewaktu berada di Afghanistan (kiri).



BAGINDA berkenan menyaksikan pameran senapang sambil disebarkan penerangan mengenai setiap peralatan senjata yang digunakan (kanan).



SEORANG pegawai menyampaikan taklimat ke hadapan majlis baginda mengenai peralatan senjata (kiri).

SALAH satu alat pengesan musuh menarik perhatian baginda untuk mencubanya (atas).

PERALATAN memburu dan keupayaan bot sewaktu bertempur menarik perhatian baginda (kanan).



AT KE BRUNEI GARISON

liputan
dah Pg. Haji Omaralli
i@information.gov.bn
ahar Pg. Haji Omar,
g. Dato Paduka Haji
Haji Masmaleh
Mohd. Ali



ke-
er-
an
se-
an.
ra
an
atu
ni
ni
an
an
ni
m-
ri-

Baginda mengakhiri keberangkatan dengan menyaksikan persembahan kebudayaan Nepal seperti peralatan muzik tradisional, keperluan rumah, bertenun kain dan cara tradisional memproses padi dan gandum untuk dijadikan tepung sebagai makanan utama mereka yang disembahkan oleh beberapa kumpulan 'etnik sherpa' yang terdapat di Nepal.

Baginda juga berkenan menyaksikan murid-mu-

rid Sekolah Rendah Hornbill yang terdiri daripada anak-anak anggota Pasukan Askar Gurkha yang mempersembahkan tarian kebudayaan Nepal. Tarian tersebut selalunya dipersembahkan di majlis-majlis tertentu seperti mengalu-alukan kedatangan pelawat.

Sejurus selepas itu baginda dijunjung berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari. Batalion Kedua Royal Gurkha Rifles yang dianggotai lebih 600 orang yang akan menamatkan penempatan mereka di negara ini pada bulan Ogos depan setelah mengambil alih khidmat Batalion Pertama pada

tahun 2003 lalu. Penglibatan tentera Gurkha dan tentera British mula wujud di awal kurun abad ke 19 di India. Keanggotaannya semakin bertambah apabila mereka dihantar berjuang di beberapa negara termasuk dalam Perang Dunia I dan II.

Antara yang hadir di upacara tersebut Pementah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman.



BAGINDA berkenan memeriksa barisan kawalan kehormatan terdiri daripada 77 anggota Pasukan Gurkha di Brunei Garrison Seria.



MENEPATI SASARAN ... Baginda berkenan mencuba sendiri senapang pemedih mata.



BAGINDA disembahkan kepada pegawai-pegawai kanan Batalion Kedua Royal Gurkha Rifles (kanan).

MENARIK PERHATIAN ... Baginda menyaksikan cara memproses tepung gandum dan padi menggunakan alat tradisional (kiri).



BAGINDA mengarahkan tembakan terhadap sasaran melalui radio (atas).

AKSI SEWAKTU RU-SUHAN ... Pertunjukan operasi ketika Pasukan Royal Gurkha Rifles menangani rusuhan di Afghanistan (bawah).



MPUSB menjadi Institusi Pengajian Tinggi Islam

Oleh Hariyani Haji Ali dan Zakiah Abdullah

JALAN TUTONG, Isnin, 5 Jun. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dua jawatankuasa telah dibentuk ke arah pelaksanaan meninggikan taraf Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam di negara ini.

Jawatankuasa itu terdiri daripada Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Merancang bagi Meninggikan Taraf MPUSB bertujuan meninggikan mutu akademik dan latihan dalam bidang-bidang yang ditawarkan seterusnya sebagai Pusat Penyelidikan Pendidikan Ugama dan Perkhidmatan Islam di negara ini.

Ia juga bagi meningkatkan pengisian yang berkesan

dan bermakna kepada falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' yang berlandaskan Aqidah Ahli Sunnah Wal-jama'ah dan Mazhab Imam Syafi'e serta mendukung ke-ramisan agama Islam menurut Perlembagaan.

Selain itu ia juga dihasratkan meningkatkan mutu profesionalisme graduan yang dilahirkannya agar benar-benar memahami Islam, berilmu, berkemahiran, beramal dan bertaqwa, memiliki cara berfikir yang sihat, kesedaran dan keinsafan serta rasa tanggungjawab kepada negara mengikut prinsip-prinsip, falsafah dan pemikiran Islam.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menjelaskan perkara itu

ketika mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pandu Bagi Meninggikan Taraf MPUSB di dewan maktab tersebut hari ini.

Usaha meninggikan taraf MPUSB adalah sebagai langkah yang tepat dalam memastikan maktab itu kekal dalam agenda pembangunan negara sesuai dengan kematangan usianya yang sudah mencapai 33 tahun dan sehingga kini telah mengeluarkan seramai 3,691 orang Guru Agama Terlatih.

Sejak ditubuhkan pada 1972, MPUSB telah berkembang maju seiring dengan tuntutan dan cabaran semasa terutamanya pendidikan perguruan agama yang berkualiti dan terus kukuh menjadi pegangan serta amalan kuat di kalangan masyarakat Islam.

AGAMA



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Merancang Bagi Meninggikan Taraf Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) ke arah pelaksanaan meninggikan taraf MPUSB sebagai Institusi Pengajian Tinggi Islam di negara ini. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Al-Qur'an panduan hidup yang universal

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

JERUDONG, Khamis, 18 Mei. - Kitab suci Al-Qur'an merupakan sebuah kitab panduan hidup yang universal dan sesuai digunakan sepanjang zaman serta diamalkan oleh semua umat Islam.

Ajaran Al-Qur'an tidak pernah menghalang umat-Nya daripada mengikut perkembangan zaman, malah mengamalkan setiap umat Islam agar berusaha memperbaiki diri dan pencapaian masing-masing tidak ketinggalan daripada bangsa-bangsa lain.

Dengan cara mendampingi diri dengan Al-Qur'an iaitu dengan membacanya dan memahami isi kandungannya ia akan dapat terus memimpin jiwa umat Islam ke jalan yang benar.

Inisiatif Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah, Kampong Jerudong dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid menganjurkan Pertandingan Menghafaz Surah Yaa Siin dan Surah As-Sajdah Kali Kedua Bagi Pegawai-pegawai Masjid

Senegara adalah untuk meningkatkan lagi kualiti penghafalan dan bacaan Al-Qur'an pegawai-pegawai masjid.

Pertandingan kali kedua yang dianjurkan telah disertai oleh sembilan orang peserta telah dijuarai oleh Awangku Mohd. Noh bin Pengiran Haji Sabri yang mewakili Masjid Al-

Ameerah, Kampong Jerudong.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah yang berlangsung di Masjid Al-Ameerah, Kam-

pong Jerudong di sini.

Naib juara disandang oleh Awang Haji Mohd. Zahid bin Haji Mohd. Zain yang mewakili Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Lambak Kiri dan tempat ketiga ialah Pengiran Mohd. Fakh-rin bin Pengiran Mohd. Dani mewakili Masjid Kampong Bukit Pangga Tutong.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyampaikan piala kepada juara Pertandingan Menghafaz Surah Yaa Siin dan Surah As-Sajdah Bagi Pegawai-pegawai Masjid Senegara, Awangku Mohd. Noh bin Pengiran Haji Sabri yang mewakili Masjid Al-Ameerah Kampong Jerudong. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Syeikh Al-Azhar adakan perjumpaan

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

JERUDONG, Khamis, 1 Jun. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain mengadakan perjumpaan bersama TYT Fadhilah Syeikh Dr. Mohammad Sayyid Al-Azhar Asy-Syarif, Syeikh Al-Azhar di sebuah hotel di sini.

Hadir di perjumpaan itu Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji

Ishaaq dan beberapa orang pegawai kanan KHEU.

TYT Syeikh Al-Azhar Fadhilah Syeikh Dr. Mohammad Sayyid Al-Azhar Asy-Syarif sedang dalam rangka lawatan 10 hari ke negara-negara ASEAN.

Semasa berada di negara ini, Fadhilah Syeikh Dr. Mohammad, juga mengadakan perjumpaan bersama bekas penuntut Universiti Al-Azhar serta guru-guru dan masyarakat Mesir yang berada

di negara ini.

Fadhilah Syeikh Dr. Mohammad menghafaz Al-Qur'an sejak mendapat pendidikan asas di kampungnya dan pada tahun 1944 melanjutkan pengajian di Ma'had Ugama Al-Iskandariyyah.

Pada tahun 1958, beliau memperoleh ijazah dalam Kuliah Usuluddin dan Ijazah Kedoktoran Pangkat Cemerlang dalam jurusan Tafsiran Hadis pada tahun 1966.



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah menyampaikan hadiah pelajar terbaik Bimbingan Tilawah Al-Qur'an Remaja. - Foto Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Teruskan membaca kitab suci Al-Qur'an

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Mei. - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Ishaaq mengingatkan para peserta Skim Bimbingan Tilawah Al-Qur'an Remaja supaya terus membaca kitab suci itu, malah jika boleh memahami maksudnya agar dapat diamalkan isi kandungannya.

Menurutnya, para peserta skim berkenaan merupakan para remaja yang beruntung kerana mereka itu dianggap yang berkecayaan, mempunyai bakat dan berpotensi untuk menjadi qari dan qariah

negara sedikit masa lagi.

Beliau menekankan perkara itu di Majlis Penamat dan Penyampaian Sijil Bimbingan Tilawah Al-Qur'an Remaja Ke-7 2004 - 2005 di Dewan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah.

Tambahnya, perkara yang penting juga yang diwajibkan dalam Islam yang perlu diamalkan ialah kebersihan kerana hal itu banyak disebutkan di dalam Al-Qur'an dan Allah Subhanahu Wata'ala sendiri menyukai orang-orang bersih.

Oleh itu, jelasnya, pihak KHEU telah memperkenalkan

Program 3K pada bulan April yang lalu sebagai kaedah pendidikan melalui program praktikal bagi melatih murid-murid menjaga kebersihan.

Kebersihan, kesihatan dan keindahan, katanya merupakan elemen yang penting untuk dicapai dalam Program 3K, di mana ia termasuk menjaga dan memelihara keadaan fizikal bangunan dan kawasan sekolah yang indah dan bersih seperti blok bangunan, bilik darjah dan bilik air.

Skim bimbingan yang bermula sejak tahun 2004 lalu, disertai oleh 107 peserta ter-

diri para pelajar lelaki dan wanita dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Tutong, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria dan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

Mereka terdiri dari 43 orang pelajar lelaki dan 64 orang pelajar wanita dengan Ahmad Zulwaqar bin Suhaila dipilih sebagai pelajar terbaik bagi sesi kali ini, sementara Syariah binti Haji Salim dan Nasrul Amirun bin Haji Hasim sebagai penerima kedua dan ketiga.

PENDIDIKAN

Siri lawatan kerja Menteri Pendidikan

KUALA BELAIT, Sabtu, 27 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman telah mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Menengah Pengiran Haji Abu Bakar di Daerah Belait.

Di sesi lawatan tersebut, Yang Berhormat telah diberikan taklimat oleh pengetua sekolah mengenai usaha-usaha serta inisiatif yang telah dan sedang diambil terutama di dalam memperkembangkan lagi

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

pembelajaran dan pengajaran penuntut-penuntut di sekolah tersebut.

Selain itu, perbincangan terbuka mengenai isu-isu pengurusan dan pentadbiran sekolah termasuk pemeliharaan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan sekolah juga turut dibincangkan.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat telah diberikan taklimat mengenai Sistem

SMART (School Management & Academic Record Tracking System) yang mana sekolah berkenaan telah mendapat tempat kelima dalam Pertandingan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Senegara pada tahun 2004.

Yang Berhormat juga diberikan taklimat ringkas mengenai Kempen SME (Speak More English) yang sedang diunkayahkan di

sekolah itu.

Selepas mengadakan perbincangan bersama pengetua dan pihak sekolah, Yang Berhormat telah merasmikan Taman Meteorologi Sekolah / Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Taman itu adalah merupakan satu inisiatif yang dikendalikan oleh Jabatan Geografi sekolah tersebut dengan tujuan untuk memberikan peluang pendedahan kepada penuntut-penuntut mengenai kaji cuaca.

Penubuhan taman ini adalah atas kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kaji-cuaca, Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat juga berkesempatan untuk membuat tinjauan ke beberapa buah bilik makmal, bilik-bilik darjah, kantin dan asrama.

Ikut menyertai lawatan kerja tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

Terdahulu sebelum itu pada 25 Mei yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah meng-



MENTERI Pendidikan meninjau salah sebuah makmal sekolah semasa mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar di Daerah Belait.

adakan lawatan kerja ke Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampung Salambigar.

Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat mengadakan perjumpaan dengan pengetua dan juga ketua-ketua jabatan sekolah tersebut.

Dalam perjumpaan tersebut, Yang Berhormat telah diberikan taklimat oleh pengetua sekolah berkenaan yang menyentuh mengenai perkembangan sekolah dan seterusnya membincangkan

mengenai isu-isu serta pencapaian peperiksaan, kemudahan-kemudahan di sekolah, hal ehwal kesejahteraan penuntut dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan pembelajaran dan pengajaran termasuk budaya membaca di kalangan penuntut, penggunaan teknologi dan infokomunikasi dan sebagainya.

Di samping itu juga, isu-isu seperti kebersihan sekolah, pembiasaan kawasan sekolah dan keselamatan keseluruhan sekolah turut

dibincangkan.

Seterusnya, Yang Berhormat membuat tinjauan ke atas kemudahan-kemudahan yang ada di sekolah berkenaan, antaranya infrastruktur bangunan sekolah, bilik-bilik darjah dan guru, bilik-bilik makmal, padang permainan termasuk kawasan bersukan, perpustakaan dan sebagainya bagi memastikan sentiasa terpelihara dan mencukupi bagi menjaga kesejahteraan penuntut-penuntut.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman meninjau keadaan bilik belajar dan kemudahan yang terdapat di dalamnya semasa mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampung Salambigar.

Wawasan baru menyediakan pendidikan yang berkualiti

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

GADONG, RIMBA, Khamis, 1 Jun. - Kementerian Pendidikan menggariskan wawasan baru untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti ke arah negara yang membangun, aman dan makmur, di samping menyediakan satu peta strategi hala tuju bagi jangka masa lima tahun (2006 hingga 2010).

Misi Kementerian Pendidikan pula untuk menyediakan pendidikan yang menyeluruh bagi mencapai potensi semua pelajar.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Daud bin Haji Mahmud menjelaskan perkara tersebut di Majlis Konvensyen Kualiti Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pendidikan berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Katanya, bagi mencapai wawasan yang telah digariskan itu, Kementerian Pendidikan akan memfokuskan tiga tema strategik iaitu mempunyai sumber tenaga, manusia yang profesional dan akauntabel serta organisasi yang efisien.

Selain dari itu, tambahnya, menyediakan pendidikan yang berkualiti dan mewujudkan pengajaran serta pembelajaran yang cemerlang.

Menurut Awang Haji Daud, Kementerian Pendidikan berharap peta strategik yang digariskan itu akan dapat mencapai tujuh matlamat utama, pertama membina masyarakat yang tahan lasak, pemedulian dan penyayang; kedua, menyediakan sumber tenaga manusia yang diperlukan oleh ekonomi yang pelba-

gai.

"Ketiga, menyediakan banyak pilihan pendidikan; keempat, mengasuh pelajar secara menyeluruh; kelima, meningkatkan pencapaian pelajar; keenam, membina kemahiran belajar sepanjang hayat dan ketujuh, menyediakan pelajar dengan nilai dan kemahiran yang marketable," ujarnya.

Pertandingan KKC Kementerian Pendidikan dijuarai oleh kumpulan RIMA dengan tajuk projek 'Penyimpanan Data Pelajar Kurang Bersistematik', manakala Kumpulan Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong (SMMHT) menduduki tempat kedua dengan projek 'Juc Juk Jul'.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan.

Antara tujuan Pertandingan KKC ialah menjadikan konsep 'Syura' melalui kaedah 'Usrah' sebagai amalan di semua peringkat masyarakat dan negara, memaklumkan dan melaksanakan program-program KKC yang menjurus kepada Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada penghujung bulan September 2006.

Ia juga untuk mengekalkan penubuhan kumpulan-kumpulan KKC di semua agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menjadikan KKC sebagai 'budaya kerja' dalam memantap dan memajukan agensi.

Menjadikan para pelajar sebagai Mu'allim dan Mu'allimmah

Oleh Taty Rohaini Maidi dan Haryani Haji Ali

JALAN TUTONG, Isnin, 5 Jun. - Penghantaran pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITAQSH-HB) melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma di Darul Qur'an, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan landasan penting dalam menjadikan pelajar terpilih

untuk menjadi Mu'allim dan Mu'allimmah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin berkata usaha itu merupakan langkah awal bagi pelajar sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah dalam

bidang Hafaz Al-Qur'an.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu di Majlis Doa Kesyukuran Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Kepada Pelajar-Pelajar ITAQSHHB bagi melanjutkan pengajian ke Darul Qur'an, JAKIM berlangsung di Dewan Kuliyyah, ITAQSHHB.

Menurut Yang Berhormat, sebagai kumpulan pertama yang terpilih bagi melanjutkan pengajian di

Darul Qur'an, sebuah institusi yang diiktiraf dalam bidang Hafaz Al-Qur'an, masa depan adalah cerah dan peluang adalah terbuka bagi para pelajar jika rajin berusaha atas niat lurus untuk mendalami bidang pengajian Hafaz Al-Qur'an.

"Oleh itu, para pelajar yang terpilih seharusnya bersyukur pada nikmat yang dianugerahkan oleh Allah dan menggunakan peluang yang diberi dengan sebaik-baiknya," jelas Yang Berhormat.

Penganugerahan Biasiswa Kerajaan diberikan kepada lima orang pelajar institut berkenaan terdiri daripada Awangkku Fairuz Zakry bin Pengiran Rosley, Awang Mohd. Fikri bin Haji Sharbini, Dayang Najwa Iman Zahidah binti Haji Aspar, Dayang Noorimi binti Mohd. Salimi dan Dayang Norrabiatul Adawiyah binti Mohamed.

Hadir di majlis itu Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Is-haaq.



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan persembahan kepada seorang penuntut yang akan melanjutkan pelajaran peringkat Diploma di Darul Qur'an, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Daud ketika menghadiri Konvensyen Kualiti Kerja Cemerlang (KKC) di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba. - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.



TUAN Yang Terutama Sahibul Ma'ali Fadhilah Al-Imam Al-Azhar Syeikh Dr. Mohammad Sayyid Thanthawi, Syeikh Al-Azhar Asy-Syarif dan rombongan dialu-alukan semasa melawat ke Jabatan Mufti Kerajaan. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Lawatan Syeikh Al-Azhar merupakan penghormatan

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Jun. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menyifatkan lawatan Tuan Yang Terutama Sahibul Ma'ali Fadhilah Al-Imam Al-Azhar Syeikh Dr. Mohammad Sayyid Thanthawi, Syeikh Al-Azhar Asy-Syarif ke Darulifta sebagai satu penghormatan dan akan dapat mengeratkan lagi silaturahmi

antara kedua-dua buah institusi.

Yang Berhormat juga mengucapkan terima kasih di atas jasa dan sumbangan Kerajaan Mesir, khususnya menerusi Universiti Al-Azhar yang turut melahirkan ulama-ulama di negara ini.

"Kerajaan Mesir juga melalui Daruliftanya telah menerima pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan untuk mendapatkan latihan-latihan dalam bidang fatwa," jelas Yang Berhormat.

Mufti Kerajaan antara lain menyatakan perkara tersebut ketika mengalu-alukan lawatan pertama Syeikh Al-Azhar ke Jabatan Mufti Kerajaan di Darulifta.

Sementara itu Tuan Yang Terutama Syeikh Al-Azhar dalam ucapan balasnya antara lain menyifatkan bahawa jawatan Mufti sebagai satu amanah dan penting kepada umat Islam kerana antara tugas Mufti ialah memberitahu mana yang halal, haram dan harus serta tanpa Mufti semua ini akan menjadi kabur.

Tuan Yang Terutama Sahibul Ma'ali Fadhilah Al-Imam Al-Azhar Syeikh Dr. Mohammad Sayyid Thanthawi, Syeikh Al-Azhar Asy-Syarif dalam rangka lawatan selama tiga hari ke negara ini.

Terdahulu ketibaan Tuan Yang Terutama dan

rombongan dialu-alukan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, Timbalan Mufti Kerajaan dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Sejurus tiba Tuan Yang Terutama dan rombongan dibawa ke bilik Syura 2 bagi majlis mengalu-alukan lawatan Tuan Yang Terutama dan rombongan ke Jabatan Mufti Kerajaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Qur'an yang disampaikan oleh Penjemak Penerbitan Fatwa, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Abu Qassim bin Haji Ismail.

Dari bilik Syura 2, Tuan Yang Terutama dan rombongan kemudian melawat ke tingkat bawah bagi menyaksikan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Perpustakaan Islam Brunei.

Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah mempamerkan beberapa koleksi Mushaf Tulisan Tangan, Tongkat dan Tasbeih milik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan koleksi Manuskrip Islam yang unik dan nadir.

Balai Pameran Islam telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Ogos 2001 sempena Ekspo Islam Antarabangsa Pertama.

Tinjau perkembangan syiar Islam

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

JALAN MENTERI BESAR, Jumaat, 2 Jun. - Tuan Yang Terutama Sahibul Ma'ali Fadhilah Al-Imam Al-Azhar Syeikh Dr. Mohammad Sayyid Thanthawi, Syeikh Al-Azhar Asy-Syarif mengadakan lawatan ke bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengetahui secara lebih dekat mengenai kedatangan awal agama Islam ke Negara Brunei Darussalam dan perkembangannya.

Kunjungan Tuan Yang Terutama Syeikh Al-Azhar dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Seri Utama Dato Seri Haji Awang Mohd. Zain; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Setiausaha Tetap Kement-

terian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ishaaq.

Semasa kunjungan itu, Tuan Yang Terutama telah diberikan taklimat mengenai misi, visi dan fungsi serta pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam, Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tuan Yang Terutama meneruskan lawatan ke Pusat Da'wah Islamiyah dengan tumpuan di bilik pameran yang mempamerkan gambar-gambar penglibatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perkembangan agama Islam di negara ini.



TUAN Yang Terutama Syeikh Al-Azhar dan rombongan menyaksikan secara dekat bahan-bahan pameran di Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Perpustakaan Islam Brunei. - Foto: Haji Shahrin Haji Asmat.

Mendidik kanak-kanak istimewa merupakan tanggungjawab

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, Isnin, 29 Mei.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi berkata, mendidik kanak-kanak istimewa merupakan satu tanggungjawab moral, malah bagi umat Islam ia merupakan satu tanggungjawab beragama.

Ini kerana kita semua dituntut untuk membela dan membantu meringankan golongan yang lemah dan kurang bernasib baik dalam masyarakat, kata Yang Dimulikan.

Pemerintah ABDB menyatakan perkara tersebut pada Majlis Meraikan 50 Orang Anak-anak Istimewa anggota ABDB sempena sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-45 berlangsung di Mes Pegawai di sini.

Menurut Yang Dimulikan, dari kaca mata Islam anak-anak juga memiliki hak-hak khusus dan menghormati kedudukan serta kemuliaan mereka, lebih-lebih lagi anak-anak istimewa adalah perlu dalam apa jua bentuk

keadaan.

"Anak-anak adalah merupakan rahmat dan amanah Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib disyukuri dan kita pelihara," ujar Yang Dimulikan.

Keprihatinan dan pemedulian terhadap anak-anak istimewa yang sentiasa dipertingkatkan dari

masa ke semasa, baik oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta di negara ini patut diberikan sanjungan tinggi.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian cenderahati kepada anak-anak istimewa yang disempurnakan oleh Pemerintah ABDB.

Cenderahati disumbangkan oleh Tabung Kebajikan ABDB, Persatuan BAKTI dan syarikat-syarikat swasta.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan cenderahati kepada seorang anak-anak istimewa di Mes Pegawai Berakas. - Foto: Ramli Tengah.

BIMP - EAGA tingkatkan ekonomi

Oleh Hariyani Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Jun. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berkata, penubuhan Kawasan Pertubuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA) boleh meningkatkan lagi bidang perniagaan, pelaburan dan pelancongan seterusnya memperkembangkan sektor swasta bersama pihak kerajaan menyedaiakan kemudahan persekitaran yang kondusif.

Yang Berhormat menyatakan demikian ketika berucap memperingati Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Pengangkutan BIMP-EAGA berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Melalui inisiatif-inisiatif BIMP - EAGA, jelas Yang Berhormat, banyak kerjasama yang telah dilaksanakan, bagaimanapun masih banyak pihak swasta yang tidak berpuas hati disebabkan kurangnya inisiatif-inisiatif sektor tersebut di peringkat rantau kecil tidak terkecuali inisiatif di sektor pengangkutan.

Menurut Yang Berhormat, Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Kedua yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada Disember lepas meluluskan peta jalan pembangunan BIMP-

EAGA sebagai panduan strategi pelaksanaan program-program berterusan ke arah mencapai matlamat BIMP-EAGA bagi tempoh lima tahun dari sekarang.

Ke arah itu, tambah Yang Berhormat, ia jugat turut mempertanggungjawabkan kepada para delegasi untuk menyelaraskan keperluan dan mekanisme yang dapat menyediakan persekitaran rantau yang kondusif.

Pada Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan BIMP-EAGA itu, Yang Berhormat juga membangkitkan isu-isu yang telah ditimbulkan dalam mesyuarat tahunan BIMP-EAGA, Infrastruktur dan Perkembangan ICT, di samping usaha ke arah pembaikan dasar rangkaian pengangkutan dan infrastruktur.

BIMP-EAGA yang merupakan komponen ASEAN, jelas Yang Berhormat memerlukan pertubuhan serantau itu menjadi tuggak dalam membantu menguatkan dasar BIMP-EAGA.

Kawasan Pertumbuhan Asia Timur merangkumi Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina (BIMP-EAGA) ditubuhkan pada tahun 1994, hampir dua dekad yang lampau.

Teknik pembelajaran

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

MUARA, Sabtu, 27 Mei. - Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Dayang Hajah Aisah binti Haji Muhammad Husain menyeru kepada guru-guru untuk mempelbagaikan teknik pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan kebolehan, keperluan dan konteks pelajar-pelajar.

Hal ini, katanya, selaras dengan perubahan-perubahan pedagogi bahasa Inggeris terkini, guru-guru juga digalakkan untuk mengeksplorasi inovasi teknologi maklumat dan komunikasi melalui internet untuk mempelbagaikan teknik dan strategi pengajaran.

"Guru-guru haruslah mempraktikkan atau mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran yang telah diperolehi dalam pengajaran di bilik darjah masing-masing," jelas beliau.

Tambahnya, guru-guru besar sebagai 'instructional leaders' amat penting dalam sama-sama membantu dan membukakan peluang kepada guru-guru berkenaan menyalurkan ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui latihan dalaman dan menjadikannya sebagai perkembangan profesi berterusan kepada guru-guru itu sendiri.

Beliau membuat seruan itu ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Penerbitan Radio Sekolah dan

Sijil RELA di Sekolah Rendah Kapok, Brunei II, di sini.

Tegasnya, dengan adanya kerjasama yang proaktif seperti ini akan dapat mengurangkan keberangtungan pihak sekolah kepada pihak kementerian.

"Dalam usaha ini, Jabatan Perkembangan Kurikulum akan memastikan supaya khidmat nasihat bagi kepakaran dan teknikal dan pemantauan akan sentiasa diberikan mengikut keperluan," katanya.

Sejauh ini, tambahnya, sejak Bengkel Penerbitan Radio Sekolah diperkenalkan pada tahun 2000 lalu ia telah berjaya disertai oleh 63 buah sekolah rendah di Brunei dan Muara dan akan dilartatkan kepada semua daerah.

Sementara Program RELA, jelasnya, telah menjangkau usia ke 17 tahun dan telah berjaya melahirkan seramai 1,614 orang guru RELA terlatih keseluruhannya termasuk 17 orang pemudah cara Bengkel RELA.

Hari ini seramai 55 orang guru-guru tamat menjalani Bengkel RELA yang terdiri daripada 13 orang dari sekolah rendah bawah dan 42 mewakili sekolah rendah atas di sekitar kawasan Brunei dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Biasiswa 'Sultan's Scholar' kepada Awang Samuel Tay Zhi Jian.



DAYANG Zety Erwinna binti Haji Ali Adin berjaya menerima biasiswa setelah memperolehi keputusan yang cemerlang mendapat tiga 'A' dalam peperiksaan 'A' Level.



DAYANGKU Nur Hidayatul Fitri binti Pengiran Dato Paduka Haji Othman akan melanjutkan pelajaran dalam Jurusan Perubatan.

Kebawah DYMM anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar'

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan Biasiswa 'Sultan's Scholar' Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) kepada tiga orang penuntut berprestasi di Istana Nurul Iman.

Majlis penganugerahan bermula dengan bacaan doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan mengurniakan anugerah biasiswa 'Sultan's Scholar' kepada tiga orang penuntut yang berjaya terpilih bagi sesi pengajian tahun 2006/2007.

Mereka ialah Dayangku Nur Hidayatul Fitri binti Pengiran Dato Paduka Haji Othman penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara yang memperolehi 3 'A' level dalam mata pelajaran Biologi, Kimia, Matematik dan General Paper peringkat B.

Dayangku Nur Hidayatul Fitri akan mengambil jurusan Perubatan di Guy's & St. Thomas Hospital, King's College, Universiti of London, United King-

dom selama lima tahun.

Penerima kedua ialah Awang Samuel Tay Zhi Jian, penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Ali memperolehi keputusan peperiksaan 3 'A' peringkat 'A' Level, iaitu Biologi, Fizik, Matematik, Kimia dan pangkat B matapelajaran General Paper.

Awang Samuel Tay Zhi Jian akan mengambil jurusan 'Computer Aided Mechanical Engineering', selama lima tahun di School of Physical Sciences & Engineering, King's College, University of London, UK.

Penerima seterusnya ialah Dayang Zety Erwinna binti Haji Ali Adin penuntut Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang berjaya memperolehi keputusan 3 'A' dalam peperiksaan 'A' Level dalam mata pelajaran Biologi, Fizik, Matematik dan Kimia.

Beliau akan melanjutkan pengajian dalam jurusan perubatan di St. Georges Hospital, College of Medicine, University of London, UK.

Pada majlis itu Baginda kemudian berkenan bergambar ramai dan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para penerima dan keluarga mereka.

Penganugerahan Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB kepada penuntut yang menunjukkan penca-

paian yang terbaik dalam akademik, selaras dengan salah satu prinsip dan tujuan penubuhan YSHHB dalam bidang pendidikan.

Biasiswa 'Sultan's Scholar' merupakan biasiswa yang berprestij dan dianugerahkan kepada penuntut-penuntut yang telah dikenal pasti oleh YSHHB dan Kementerian Pendidikan sebagai penuntut yang cemerlang dalam bidang akademik dan kegiatan luar sekolah bagi melanjutkan pengajian mereka dalam pelbagai bidang ke peringkat ijazah atau yang sebanding dengannya di institusi-institusi pengajian tinggi yang dibenarkan oleh YSHHB dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Tujuan penyediaan biasiswa 'Sultan's Scholar' adalah untuk melahirkan individu yang berilmu, pengetahuan, berkemahiran, berdisiplin dan berbudi bahasa bagi kepentingan jangka masa panjang agama, raja dan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penganugerahan Biasiswa 'Sultan's Scholar' bermula pada tahun ini bagi sesi pengajian tahun 2006/2007.

Liputan
Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@
information.gov.bn

Foto:
Pg. Bahar
Pg. Haji Omar
Ramlil Tengah
Pg. Rafee Pg. Dato
Paduka Haji
Metassim



BAGINDA juga berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang hadir sama.



MEMOHON KEBERKATAAN ... Doa selamat dibacakan bagi memulakan majlis oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned di Istana Nurul Iman.



SEBAGAI KENANGAN ... Baginda bersama keluarga para penerima biasiswa 'Sultan's Scholar' sejeurus selesai majlis penganugerahan biasiswa tersebut.



BAGINDA berkenan beramah mesra bersama ibu bapa para penuntut penerima Biasiswa 'Sultan Scholar' YSHHB berlangsung di Istana Nurul Iman.

22 Pegawai Penerangan Malaysia lawat Jabatan Penerangan

Oleh Rusydina Haji Junaidi dan Fa'ezah Hayati Haji Abd. Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Mei. - Seramai 22 orang pegawai dari Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan, Kementerian Penerangan Malaysia telah mengadakan lawatan muhibah selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam bermula hari ini.

Rombongan terdiri daripada 14 orang pegawai Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diketuai oleh Pengarahnya, Puan Sabariah binti Mohd. Noor. Sementara lapan orang pegawai dari Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan diketuai oleh Pengarahnya, Tuan Saleki bin Amat Januri.

Sepanjang dua hari berada di negara ini, rombongan akan mengadakan lawatan ke beberapa buah jabatan kerajaan dan melawat ke tempat-tempat yang menarik di negara ini.

Pada sebelah pagi hari pertama lawatan, rombongan melawat ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan di Berakas dan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria serta pegawai-pegawai kanan jabatan tersebut.

Rombongan diberikan taklimat mengenai di Struktur Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi, di samping menyaksikan tayangan klip video Jabatan Penerangan serta dibawa melawat ke bahagian-bahagian di jabatan berkenaan.

Pada sebelah petang, rombongan meneruskan lawatan ke Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) serta mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah RTB, Awang Haji Yusof bin Haji Abd. Rahman dan seterusnya diberikan taklimat, selain dibawa melawat ke bahagian-bahagian di RTB.

Pada sebelah malamnya, rombongan diraikan dalam satu Majlis Jamuan Makan Malam di Jerudong Park Polo Club yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin.

Di hari terakhir lawatan, rombongan dibawa melawat ke Kampong Ayer dan singgah di salah sebuah rumah di Kampong Tamoi yang kemudiannya diraikan dengan jamuan makan tengah hari oleh Pemangku Pengarah Penerangan.

mangku Pengarah Penerangan.

Hubungan kerjasama di bidang penerangan telah lama terjalin antara Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Penerangan Malaysia, di mana lawatan muhibah dan lawatan kerja seperti ini benar-benar memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Lawatan ini juga menepati sasaran dalam usaha kedua-dua negara untuk meningkatkan dan mempererat kerjasama di bidang penerangan seperti yang dihasratkan melalui MOU Dalam Bidang Penerangan dan Penyiaran antara Kerajaan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 14 Februari 1992.

Dengan lawatan itu, hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua negara berjanji akan dapat dimanfaatkan untuk memupuk perasaan muhibah, di samping mengeratkan lagi tali silaturahmi di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan di kedua-dua agensi serta rakyat Negara Brunei Darussalam dan Malaysia amnya.

31 peserta terima sijil Kursus Penyiasatan Am

Oleh Zakiah Abdullah

BERIBI, Rabu, 24 Mei. - Seramai 31 orang peserta Kursus Penyiasatan Am anjuran Jabatan Siasatan Jenayah dan Bahagian Latihan, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan Pasukan Polis Diraja Brunei menerima sijil pada Majlis Penyampaian Sijil di Pusat Pembelajaran Berterusan Polis.

Penyampaian sijil kepada para peserta kursus disempurnakan oleh tetamu kehormat Pemangku Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah, Penguasa Kanan Polis Awang Haji Abdul Majid bin Haji Awang Damit.

Facilitator Kursus, DSP Dinah binti Amat Daud berkata, antara objektif kursus ialah untuk memberikan panduan penyiasatan asas, pengetahuan dan penggunaan undang-undang secara praktikal sesuai dengan kehendak semasa menjurus ke arah

penjanaan keperluan matlamat organisasi.

Pada masa yang sama, tambah beliau, kursus ini juga menekankan perkongsian pengalaman dan maklumat antara penyampai dengan peserta kursus yang sama-sama menyumbang kepada pembangunan keupayaan pasukan (Capacity Building).

Beliau menjelaskan, kejayaan mengendalikan kursus ini adalah hasil daripada sokongan dan kerjasama Pengarah Siasatan Jenayah, SAC Peng Eng Lee; Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah, S/Supt Pengiran Haji Abdul Wahab bin Pengiran Haji Omar; Pemangku Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah, S/Supt Awang Haji Abdul Majid bin Awang Damit, Pegawai pegawai Pemerintah Daerah Polis dan semua pegawai penyampai dan ahli Pangkat Rendah.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah, Penguasa Kanan Polis Awang Haji Abdul Majid bin Haji Awang Damit ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang mengikuti Kursus Siasatan Am berlangsung di Pusat Pembelajaran Berterusan Beribi, Gadong. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

Adalah menjadi harapan Jabatan Siasatan Jenayah agar peserta kursus yang mengikuti pembelajaran dalam konteks pengetahuan, sikap dan kemahiran akan menjurus ke arah

keperluan pasukan.

Jabatan Siasatan Jenayah akan terus berusaha untuk memperbaiki isi kandungan kursus dari masa ke semasa.

YSHHB sumbangkan lebih \$60 ribu

Oleh Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

KUMBANG PASANG, Jumaat, 26 Mei. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyumbangkan sejumlah \$60,900.00 kepada agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan serta institusi pengajian tinggi dalam menganjurkan program penyelidikan dan perkembangan bagi kepentingan kemajuan saintifik, teknologi dan kemasyarakatan.

Selain itu YSHHB juga menghulurkan bantuan kepada badan-badan sukarela dalam melaksanakan aktiviti gerakan masyarakat dan pembangunan masyarakat.

Dari jumlah tersebut sebanyak \$30,000.00 telah disumbangkan kepada Institut Perubatan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi forum antarabangsa mengenai bantuan bencana yang diterima oleh Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Jumlah itu adalah bagi menaja perbelanjaan kos logistik forum yang bertujuan menghimpunkan badan-badan yang berkaitan dengan kesihatan serta bantuan bencana untuk mengongsi pengalaman dan membina rangkaian

kerjasama dalam menghadapi bencana.

Forum berkenaan akan diadakan di negara ini selama tiga hari bermula pada 10 hingga 12 Julai depan.

Sumbangan tajaan kepada Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah bagi program Pertandingan Pencapaian Penyalahgunaan Dadah 2006 sejumlah \$20,700.00 turut diterima oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Dr. Haji Mahali bin Haji Momin.

Pusat Sejarah Brunei juga menerima sebanyak \$5,000.00 bagi membiayai kos pengendalian Projek Jejak Kesultanan dan Pengumpulan Sejarah Brunei di Borneo yang diserahkan kepada wakil Pusat Sejarah, Awang Haji Karim bin Haji Abd. Rahman.

Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA) menerima \$5,000.00 bagi membantu peraturan mengendalikan beberapa program yang diadakan sepanjang tahun ini yang diterima oleh Presiden persatuan, Dato Paduka Haji Zainal Abidin bin Haji Momin.

Majlis diteruskan dengan penyerahan

\$3,000.00 kepada Pengarah Institut Teknologi Brunei (ITB) bagi forum pelajar sempena ulang tahun ke-20 penubuhan ITB, \$2,200.00 pula disampaikan kepada Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Bagi Majlis Pertandingan Menghafaz Surah Yaa Siin dan As-Sajdah Bagi Pegawai Masjid Senegara 2006 dan diterima oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Zulkifli bin Haji Murad selaku Pengerusi Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

Masjid Kampong Binitan yang diwakili, Dr. Haji Mohd. Hadi bin Mohd. Melayang turut menerima sumbangan alat kelengkapan untuk kegunaan masjid dan perkakas penyempurnaan jenazah iaitu satu unit fail kabinet, empat unit almari buku bacaan dan Al-Qur'an serta lima set perkakas penyempurnaan jenazah termasuk batu nisan.

Kesemua sumbangan disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB di sini.

Oleh Zakiah Abdullah dan Hariyani Haji Ali

TUNGKU, Selasa, 30 Mei. - Pemangku Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit menerima kunjungan Pengarah Ke-

bangsaan Pertubuhan Persatuan Kebangsaan Pendidikan, Saintifik dan Budaya (UNESCO) New Zealand, Yang Berhormat Margaret Austin di Dewan Senat Canselor UBD.

Semasa perjumpaan tersebut Yang Berhormat diberi penerangan mengenai pentadbiran universiti termasuk kursus-kursus yang ditawarkan diikuti dengan tayangan video.

Juga hadir pada perjumpaan itu ialah para

dekan dan pegawai-pegawai UBD.

Yang Berhormat Margaret Austin kemudiannya diraikan dalam satu Majlis Makan Tengah Hari yang diberikan oleh Pemangku Naib Canselor di VVIP Lounge, Dewan Canselor.

Ibu bapa dan guru berperanan memupuk minat membaca pelajar

Oleh Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Jun. - Ibu bapa dan guru memainkan peranan penting dalam memupuk minat membaca di kalangan pelajar yang seterusnya akan menjadikannya sebagai hobi masa lapang mereka.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi berkata demikian di Majlis Pelancaran Kempen Bulan Membaca, Biro Bahasa dan Sastera 2006 berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB).

Beliau berkata, pihak media dan ketua dalam komuniti juga memainkan peranan dalam mempromosi dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kebaikan dan faedah membaca.

Beliau menerangkan, sudut perpustakaan di

negara maju telah pun mencapai kemajuan pesat dengan memulakan perpustakaan asas sehingga kepada perpustakaan berteknologi tinggi untuk menampung setiap keperluan di mana negara ini masing-masing tertinggal dari pembangunan berkenaan.

Oleh itu katanya, adalah penting agar lebih banyak perpustakaan dan sudut membaca ditubuhkan terutama dari organisasi bukan kerajaan dan pihak swasta, yang mana melalui pemantauan beliau jumlah kemudahan berkenaan masih belum mencukupi.

Di Majlis Pelancaran Bulan Membaca hari ini, Awang Haji Sumadi turut melancarkan 'Buku Bulan Membaca' dan seterusnya melawat ke pameran buku yang disertai oleh pihak kerajaan dan kedai buku swasta.

Bulan membaca tahun

ini yang bertepatan 'Memperkuhkan Budaya Membaca' adalah salah satu projek tahunan biro dalam usaha mempertingkatkan budaya membaca di kalangan masyarakat setempat.

Majlis hari ini turut diserikan lagi dengan persembahan koir oleh murid-murid Sekolah Rendah Delima Satu.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Membaca. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Tutong pembuka tirai Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

TUTONG Rabu, 24 Mei. - Daerah Tutong diberi penghormatan pembuka tirai acara Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat pada tahun ini sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 pada 17 Julai 2006.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan di Majlis Perjumpaan Bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Tutong.

Menurut Yang Berhormat, Daerah Temburong merupakan daerah kedua bagi acara ramah mesra yang akan berlangsung pada 29 Julai, diikuti Daerah Belait pada 22 Julai dan Daerah Brunei dan Muara pada 23 Julai di mana pada malamnya persembahan bunga api juga diadakan di Taman Jubli Perak.

Pada perjumpaan yang berlangsung di Dewan Masyarakat Daerah Tutong itu Yang Berhormat menjelaskan, selain acara di peringkat daerah, beberapa acara di peringkat kebangsaan juga turut diadakan yang menghendaki sokongan dan dukungan serta kehadiran rakyat bagi rakyat bagi sama-sama menjayakan dan menunjukkan kesefahaman di kalangan rakyat di daerah-daerah dan juga selu-

ruh lapisan rakyat di negara ini.

"Antara acara peringkat kebangsaan pada 20 Julai ialah Majlis Ilmu yang akan dihadiri oleh peserta negara ini dan juga luar negara, pameran-pameran khusus yang melambangkan kecemerlangan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat, Pertunjukan Akrobatik dari Republik Rakyat China akan diadakan pada 24 hingga 26 Julai 2006, manakala Perlawanan Gasing pada 28 hingga 29 Julai. Pertunjukan Brunei Tradisional Tatoo juga akan berlangsung pada sebelah malam 29 hingga 31 Julai 2006 bertempat di Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Bagi memeriahkan lagi sambutan, ujar Yang Berhormat, juga akan diadakan ialah persembahan Malam Serumpun Seri 60 termasuk Pertandingan Kereta Berhias, Perlawanan Tarik Kalat, Persembahan Kebudayaan dan Persembahan Bunga Api di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Yang Berhormat menyasarkan agar para pemimpin di peringkat akar umbi, terdiri daripada penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang, malah pemimpin-pemimpin persatuan belia, pertubuhan-pertubuhan NGO, sektor swasta, peniaga dan pengusaha, ketua-ketua cawangan jabatan kerajaan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan di Majlis Perjumpaan Bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Tutong. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

dan bukan kerajaan akan bersama-sama berganding bahu dan melibatkan diri serta hadir dalam majlis-majlis tersebut. Lebih-lebih lagi yang melibatkan acara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pegawai Daerah Tutong, Abdul Mutalib bin Haji Idris dalam ucapan alu-aluannya menggariskan persediaan-persediaan bagi beberapa acara utama yang akan diadakan iaitu Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat, persembahan khas kebudayaan bertemakan 'Semarak Kasih Menjunjung Duli', pameran khas dengan tema

'Kepimpinan Cemerlang Teras Kemajuan Negara' dan pertandingan Motorcross dan Endurance.

Menurutnya, sebanyak 21 acara akan dikendalikan sepanjang perayaan di Daerah Tutong di mana Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat akan melibatkan 20 ribu rakyat dan penduduk daerah tersebut.

Agenda lain yang dibincangkan pada perjumpaan itu termasuklah mengedarkan laporan daripada jawatankuasa tertinggi bagi Daerah Tutong mengenai Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat, Persembahan Khas Kebudayaan dan Pertandingan Motorcross dan Endurance 2006.

Beliau berharap dengan pelancaran kempen tersebut para penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang hendaklah peka akan tahap kebersihan kampung dan mukim masing-masing dengan menganjurkan kempen seumpamanya.

Melalui kempen itu akan meringankan kerja berat, di samping memperlihatkan sebuah masyarakat yang bersatu dan bermuafakat dalam mengendalikan sesuatu perkara. Kempen yang diadakan merupakan kesinambungan kempen-kempen kebersihan di masa-masa lalu dan akan diteruskan di masa yang akan datang.



SEMUA pegawai dan kakitangan perlu mempunyai tanggungjawab terhadap menjaga kebersihan bangunan termasuk persekitarannya.

Jerayawara DST dilancarkan

SERIA, Jumaat, 19 Mei. - Sebagai sebuah syarikat yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai telah menjadi tanggungjawab syarikat untuk sentiasa mempertingkatkan mutu perkhidmatan sama ada dari segi teknikal mahupun perkhidmatan pelanggan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Syarikat DST, Haji Marsad bin Haji Ismail di Majlis Perasmian Jerayawara Kumpulan DST yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) di sini.

Bagi pihak syarikatnya beliau amat berbangga dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah memberi kepercayaan kepada syarikatnya untuk terus memberikan perkhidmatan dalam bidang perhubungan telekomunikasi di negara ini.

Majlis dirasmikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Moammad bin Haji Abdul Rahman, diselenggarakan dengan pelancaran semula DST Group Website yang telah diubah dan dipertingkatkan kemudahannya serta pelancaran DST Group Web Portal dan Mobile Portal.

Sejak mula beroperasi pada tahun 1995 kumpulan syarikat berkenaan telah banyak memperkenalkan perkhidmatan bagi keperluan orang ramai di negara ini dan pelanggan-pelanggannya, antaranya perkhidmatan bergerak selular, perkhidmatan telefon awam yang dikenali sebagai Zippi, penyiaran satelit Kristal Astro, perkhidmatan trunk radio (Fascom), laluan internet (Simpur) dan kedai menjual peralatan telekomunikasi Incomm.

Jerayawara berkenaan merupakan salah satu usaha syarikat tersebut untuk memberi peluang

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Moammad bin Haji Abdul Rahman merasmikan majlis berkenaan.

berinteraksi dengan pelanggannya, di samping mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat itu. Daerah Belait dipilih sebagai daerah yang pertama untuk mengadakan jerayawara berkenaan dan seterusnya diadakan di semua daerah dalam masa empat minggu.

Perkhidmatan pelanggan telah dipertingkatkan mengikut keperluan semasa dan sehingga ini sebanyak tujuh kaunter pelanggan telah beroperasi di seluruh negara termasuk sebuah di Daerah Belait. Di samping itu, para pelanggan Prima DST boleh membayar bil-bil mereka di kebanyakan bank di negara ini termasuk Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Pelancaran semula laman web Kumpulan DST yang berwujud baru 'www.dst-group.com' adalah salah satu lagi misi syarikat tersebut di dalam memberikan maklumat dan kemudahan mengenai produk dan jenis perkhidmatan melalui internet secara lebih teratur dengan mengambil kira keperluan pelanggan.

Web Portal dan Mobile

Portal merupakan salah satu usaha syarikat itu dalam mempertingkatkan kemudahan 'customer touch point' kepada pelanggan selain daripada perkhidmatan DSTCare 151 dan perkhidmatan kaunter pelanggan.

My DST Account atau mydst.dst-group.com merupakan perkhidmatan interaktif yang disediakan untuk kemudahan para pelanggan syarikat itu dalam menguruskan akaun mereka seperti bil bulanan, pembayaran bil, langganan nilai tambah dan sebagainya.

Manakala Mobile Portal atau mydst.wap.dst-group.com akan membolehkan para pelanggan mengetahui kedudukan akaun mereka melalui telefon bimbit mereka. Buat masa ini perkhidmatan tersebut hanya untuk kemudahan pelanggan DSTCom dan Simpura sahaja dan perkhidmatan tersebut akan dilaratkan kepada pelanggan Kristal Astro pada masa akan datang.

Majlis bersempena sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia yang diraiikan di seluruh dunia pada 17 Mei setiap tahun dengan tema 'Mempromosikan Keselamatan Cyber Yang Global'.

Promosi cara hidup sihat tanpa merokok

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

SERIA, Isnin, 22 Mei. - Dengan hisapan rokok yang pertama lebih 4,000 jenis bahan kimia yang merbahaya disedut ke dalam tubuh manusia, 400 berpunca dari bahan yang beracun dan 40 daripadanya boleh menyebabkan kanser.

Seramai 10,000 kementerian berlaku setiap hari akibat merokok dan setiap 10 saat di suatu tempat di dunia ini satu nyawa terkorban akibat merokok. Sehubungan itu Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dengan kerjasama Pusat Kesihatan BSP dan ESP Sendirian Berhad menganjurkan Pameran Kempen 100 Hari Tanpa Merokok di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) di sini.

Pameran dirasmikan oleh Pengurus Aset Darat BSP, Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu.

Kempen 100 Hari Tanpa Merokok dilancarkan pada 1 Februari dan berakhir 11 Mei lalu bertujuan mengurangkan sikap merokok di kalangan kakitangan syarikat berkenaan seperti yang diketahui bahawa merokok membahayakan

kesihatan termasuk perokok pasif.

Kempen itu juga bertujuan mempromosikan cara hidup sihat dan persekitaran kerja yang bersih selaras dengan program yang disarankan oleh BSP. Pameran turut disertai Biro Kawalan Narkotik (BKN) yang mempamerkan beberapa contoh najis dadah dan peralatan yang digunakan untuk menagih dadah.



PENGURUS Aset Darat Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu menyaksikan pameran yang disertai oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Jaga kebersihan bangunan dan persekitarannya

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn



KAKITANGAN kerajaan dan Penghulu Mukim bergotong-royong membersihkan persekitaran bangunan.

KUALA BELAIT, Ahad, 28 Mei. - Kempen kebersihan yang dilancarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi jabatan-jabatan di bawahnya dilaratkan serentak ke seluruh daerah di negara ini.

Di Daerah Belait kempen tersebut diadakan di Bangunan Jabatan Kerajaan yang dikendalikan bersama Jabatan Daerah Belait dan Bangunan Banderan Kuala Belait dan Seria.

Kempen yang diadakan sebagai menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam agar rakyat dan penduduk di negara ini melihat kebersihan sebagai perkara yang perlu diberikan perhatian khusus. Kebersihan yang dimaksudkan bukan sahaja dari segi alam persekitaran malahan meliputi pelbagai aspek termasuk kebersihan diri.

Kempen yang dijalankan bukan hanya dilakukan di kawasan persekitaran bangunan bahkan meliputi ke kawasan dalam bangunan termasuk di ruang-ruang pejabat masing-masing. Kempen melibatkan pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan, pasukan beruniform dan penghulu serta ketua kampung.

KESIHATAN

Lipat gandakan pemeriksaan kesihatan secara bersepadu

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Mei. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menyeru pihak-pihak berkenaan supaya melipatgandakan pemeriksaan kebersihan bersepadu, bukan sahaja tertumpu kepada restoran dan kedai makan malahan juga tempat-tempat kemudahan awam.

Yang Berhormat, menegaskan perkara itu di Majlis Pelancaran Program Menjaga Kebersihan Bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Taman Peranginan Tasik.

Menurut Yang Berhormat, usaha-usaha ini bertujuan untuk memastikan tahap kebersihan sentiasa dijaga dan dipantau demi kesejahteraan masyarakat awam dan pengunjung-pengunjung termasuk dari luar negeri.

Yang Berhormat berkata, usaha itu juga akan menjauhkan daripada penyakit, mengekalkan keindahan alam sekitar dan menghindarkan daripada pencemaran.

Di samping itu, Yang Berhormat juga mengingatkan Penghulu-penghulu Mukim,

Ketua-ketua Kampung dengan kerjasama Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung supaya sentiasa bekerjasama dengan penduduk kampung menjaga kebersihan kawasan masing-masing.

Dalam pada itu, orang ramai semestinya juga berperanan dan bertanggungjawab serta memberikan kerjasama sepenuhnya untuk bersama-sama menjaga kebersihan, seperti tidak membuang sampah sarap dan sisa-sisa makanan merata-rata tetapi membuangnya pada tempat yang telah disediakan.

"Saya juga ingin menyarankan kepada orang ramai supaya tidak akan merosakkan kemudahan-kemudahan awam atau sikap pemugut kerana sifat sedemikian bukan sahaja akan mencaatkan kemudahan awam malahan juga hanya tidak dapat digunakan dengan sebaik-baiknya," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, kita juga perlu memastikan suasana persekitaran di tempat kerja berkeadaan bersih dan selesa bagi membolehkan pemberian perkhidmatan yang lebih baik dan sempurna kepada pelanggan.

Yang Berhormat juga menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus menyediakan dan mempertingkatkan kualiti kemudahan-kemudahan rekreasi bagi menggalakkan masyarakat melakukan aktiviti riadah dan sukan.

Menurut Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Zainal Abidin bin Dato Paduka Haji Ahmad selaku Pengerusi Bersama program tersebut, tujuan program itu diadakan adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini yang menekankan tentang kepentingan kebersihan dalam kehidupan kita seharian yang menyumbang pada kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan setiap warga di Negara Brunei Darussalam.

Antara kegiatan yang dijalankan pada hari tersebut ialah penanaman pokok perhiasan oleh Yang Berhormat, membersihkan kawasan tasik dan seterusnya melakukan riadah mendaki bukit di kawasan berkenaan.

Oleh Fae'zah Hayati Haji Abdul Rahman

Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan ketika hadir di Majlis Program Menjaga Kebersihan di Taman Peranginan Tasik.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri semasa memulakan kerja bergotong-royong membersihkan kawasan Taman Peranginan Tasik.

WHO bimbang ancaman Selesema Burung

BERAKAS, Sabtu, 3 Jun. - Masyarakat dunia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) masih bimbang mengenai ancaman wabak Selesema Burung, di mana sehingga kini seramai 124 orang telah mati akibat penyakit yang berbahaya itu.

Baru-baru ini penyakit itu telah menjangkiti enam orang dalam satu keluarga di Republik Indonesia, menunjukkan perkembangan terbaru ancaman jangkitan Selesema Burung dikuatir mula berjangkit dari manusia ke manusia.

Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair melancarkan kebimbangan itu ketika berucap pada Latihan Atas Meja Jawatankuasa Pelan Siap Sedia Pandemik Influenza Kementerian Kesihatan di Kementerian berkenaan di sini.

Bagaimanapun, jelas Yang Dimuliakan, WHO telah membuat kenyataan bahawa jangkitan dari manusia ke manusia yang berlaku itu merupakan sebagai 'isolated case' dan mereka masih membuat pemantauan yang rapi dengannya.

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

"Kejadian yang terbaru itu perlu kita ambil perhatian dengan serius dalam kita membuat persiapan menanganinya kemungkinan ancaman wabak Selesema Burung di negara ini terutama sekali dalam memastikan pelan siap sedia dan tindakan kita di Kementerian ini adalah benar-benar berkesan dan 'implementable'.

Tambahnya, kementerianannya akan memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam membuat pemantauan dan mengawal supaya wabak itu tidak merebak di kalangan penduduk, memberikan pengesanan makmal berlakunya jangkitan ke atas pesakit dan juga memberikan rawatan rapi kepada pesakit-pesakit yang dijangkiti wabak.

Justeru itu, katanya, di samping mempunyai peralatan dan kelengkapan serta penyediaan wad yang khusus, namun yang tersangat penting ialah setiap anggota kakitangan yang dipertanggungjawabkan di kementerian itu perlu mengetahui dan memahami dengan lancar

peranan dan tanggungjawab masing-masing apabila berlaku sesuatu kejadian atau kes jangkitan wabak Selesema Burung.

Sehubungan dengan itu jelasnya, adalah amat perlu kita memastikan terdapat kerjasama erat, koordinasi yang mampat, kerja berpasukan yang tinggi, rangkaian arahan yang jelas dan terarah serta pembuat keputusan yang tegas dan difahami di kalangan semua bahagian dan unit yang terlibat di dalam kementerian.

"Sebarang kepincangan dalam koordinasi dan kerjasama yang diberikan dan keputusan-keputusan tindakan yang kurang jelas sudah barang sententunya akan menimbulkan pelbagai masalah dan menjejaskan keberkesanan tindakan kita," tegasnya.

Latihan Atas Meja itu bertujuan bagi memastikan pemain-pemain utama dalam Pelan Siap Sedia Kementerian Kesihatan mengetahui dan memahami peranan serta tanggungjawab masing-masing.

Ia juga bagi memastikan

kordinasi di kalangan jawatankuasa kerja berjalan lancar selain mengenal pasti sebarang kelemahan atau ruang yang memerlukan penambahbaikan.

Di samping itu, latihan juga dihasratkan akan memberikan hasil yang maksima dan positif ke arah tindakan bersepadu, cepat dan teratur kerana tindakan bersepadu dan cepat boleh mengurangkan kejadian penyakit dan kematian di kalangan penduduk.

Komponen-komponen penting dalam senario latihan itu termasuk pengesanan dan pelaporan, proses membuat keputusan, menggerakkan sumber-sumber, melaksanakan strategi-strategi pengawalan dan pemantauan serta penilaian.

Latihan juga bagi mengenal pasti isu-isu yang mungkin berlaku sebelum, semasa dan selepas tindakan terhadap Pandemik Influenza di peringkat awal meliputi beberapa kawasan di negara ini.

Ia termasuklah perancangan siap sedia, 'surveillans', penyimpanan ubat-ubatan, perhubungan, logistik dan strategi serta tindakan kecekapan dan kawalan.

Penjagaan kesihatan asasi kepada masyarakat

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

JERUDONG, Ahad, 14 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Haji Serbini bin Haji Ali berkata, para doktor dalam penjagaan kesihatan asasi merupakan 'penjaga pintu' di dalam menguruskan penyakit akut dan kronik dalam masyarakat.

Ini kerana, jelasnya, mereka itu menyediakan perkhidmatan bukan hanya merawat penyakit kecil tetapi juga menguruskan yang kronik dan penyakit yang tidak mengjangkit seperti diabetes, hypertension dan asma.

"Mereka itu juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan kesihatan dan kecergasan bagi masyarakat, malah mereka men-

jalankan tugas utama dan penting dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan," tambahnya.

Beliau menjelaskan demikian ketika berucap merasmikan Simposium Penjagaan Kesihatan Asasi Kebangsaan Kedua di sebuah hotel di sini.

Menurutnya, perkembangan profesional berterusan adalah pembelajaran berterusan dan proses berfikir serta pembelajaran maksimum dari pelbagai sumber dan peluang di mana ia muncul dalam pekerjaan para doktor.

Di mana dalam hal ini, tambahnya, disifatkan sebagai satu proses pembelajaran sepanjang hayat bagi setiap individu dan kumpulan yang mana akan membolehkan para

profesional bagi memenuhi potensi mereka sambil dapat memenuhi kehendak para pesakit dan menyampaikan hasil-hasil kesihatan serta ketamanaan penjagaan kesihatan negara.

Katanya, pembangunan profesion berterusan merupakan satu proses yang mana profesional kesihatan mendapatkan yang terkini bagi memenuhi keperluan para pesakit, perkhidmatan kesihatan dan pembangunan profesi mereka sendiri.

Ia termasuk, jelasnya, akuisasi pengetahuan yang berterusan, kemahiran dan tingkah laku bagi membolehkan praktikal yang kompeten.

Menurutnya, simposium sehari itu bukan saja bagi mendapatkan mata untuk penilaian yang diperlukan bahasan mengambill peluang untuk memperolehi bukti terkini dan perkembangan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik dalam masyarakat.

Hampir 200 orang menyertai simposium sehari itu yang terdiri para doktor dan jururawat seluruh negara bertamakan 'Topik Hangat Dalam Penjagaan Kesihatan Asasi'.

Ia dianjurkan oleh Jawatankuasa Penjagaan Kesihatan Asasi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan yang antara lain mengandungi beberapa ceramah dan bengkel dalam hal-hal yang berkaitan penjagaan kesihatan asasi.

Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut terkawal

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 24 Mei. - Kes Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) di negara ini masih berada di tahap melebihi jumlah yang biasa dilaporkan tetapi sejauh ini keadaan itu dapat dikawal dan dipantau oleh Kementerian Kesihatan.

Bagi tempoh 1 Mac hingga 20 Mei lalu, sebanyak 862 kes dilaporkan dan dari jumlah itu, 459 kes dilaporkan pada bulan Mac dan 266 kes pada bulan April.

Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Kalsom binti Abd Latif menyatakan perkara tersebut dalam sidang media mengenai keadaan terkini penyakit HFMD berlangsung di Kementerian Kesihatan di sini.

Beliau menjelaskan, pada

bulan Mac lalu 74 peratus kes melibatkan kanak-kanak di bawah umur lima tahun.

Walaupun jumlah keseluruhan menurun pada bulan April, trend bagi peringkat umur yang terlibat telah berubah, katanya.

Menurutnya lagi, jumlah kanak-kanak terjejas yang berumur lima tahun ke atas meningkat daripada 26 peratus (117 kes) pada bulan Mac kepada 75 peratus (200 kes) pada bulan April.

Pada masa ini, terdapat beberapa buah kelas di enam buah sekolah di Daerah Brunei Muara, Tutong dan Belait ditutup sementara bagi mengelak penyebaran jangkitan HFMD, katanya.

Pada Sidang media itu, beliau turut menasihatkan orang ramai terutamanya ibu-bapa dan pengendali pusat penjagaan kanak-kanak untuk sentiasa menjaga kebersihan.

Lazimnya, HFMD merupakan penyakit biasa dan

kebanyakan penghidap akan sembuh dalam masa beberapa hari, tetapi komplikasi penyakit berkenaan boleh mengakibatkan kematian, jelasnya.

Pemangku Pengarah Kesihatan Alam Sekitar Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said pula berkata adalah penting bagi ibu bapa untuk tidak membiarkan anak mereka yang dijangkiti HFMD bergaul dengan kanak-kanak lain.



PENGARAH Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Kalsom binti Abdul Latif. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

SUKAN

Badminton Sekolah ASEAN Tampilkan persaingan yang terbaik

Oleh Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad ketika melan-
carkan Kejohanan Badminton Sekolah-sekolah ASEAN di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BERAKAS, Isnin, 6 Mei. - Para peserta Kejohanan Badminton Sekolah-sekolah ASEAN diseru menampilkan kebolehan dan memberikan persaingan yang terbaik dengan semangat sukan yang tulen sepanjang kejohanan itu berlangsung.

"Selain mempromosi sukan, aktiviti sekolah-sekolah ASEAN ini juga membantu mengukuhkan perasaan muhibah dan per-

sefahaman di kalangan belia-belia, di samping untuk menghargai kekayaan pelbagai budaya dalam rantau ASEAN," jelas Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad ketika merasmikan Kejohanan Badminton Sekolah-sekolah ASEAN Kali Ke-13 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Katanya, penyertaan dalam sukan mengajar semua pemain mengenai etika kerja keras, reputasi dan latihan yang konsisten supaya mereka terus tekun dengan stamina, kekuatan dan pemikiran yang baik untuk terus memberi persaingan dengan teratur dan berkesan sekalipun dalam kepenatan.

Beliau menambah, ahli sukan juga mengajar kerja sepasukan, membentuk matlamat dan mengejar kece-
merlangan dengan memberi pengalaman untuk mencapai kemenangan dan menerima kekalahan dengan hati yang terbuka.

"Bagi atlet muda, kejohanan ini akan menyediakan peluang yang baik untuk mereka tampil menjadi kebanggaan negara. Saya yakin kejohanan ini akan menyaksikan persembahan yang berkualiti tinggi dengan semangat kesukanan dan perlawanan adil," jelas Timbalan Menteri Pendidikan.

Kejohanan itu disertai oleh tujuh buah negara ASEAN termasuk Indonesia, Republik Filipina, Thai-

land, Malaysia, Republik Singapura, Viet Nam dan Negara Brunei Darussalam sebagai tuan rumah.

Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan termasuk bergu lelaki dan perempuan, perseorangan lelaki dan perempuan, berpasukan lelaki dan perempuan serta bergu campuran.

Kejohanan berkenaan juga bertujuan mengukuhkan solidariti, perpaduan, persahabatan dan persefahaman di kalangan penuntut-penuntut di rantau ini di samping memberi peluang kepada penuntut sebagai atlet untuk meningkatkan kemahiran dan prestasi sukan.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah kejohanan serupa pada tahun 1999 dan 2003.



TIMBALAN Menteri Pendidikan diperkenalkan kepada ketua pasukan yang menyertai kejohanan.

Penyerahan bendera kepada Chef de Mission badminton

Oleh Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 3 Jun. - Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah Kejohanan Badminton Sekolah-sekolah ASEAN Kali Ke-13 bermula pada 5 sehingga 11 Jun di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada kontinjen negara telah diserahkan oleh Penolong Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Haji Mahrub kepada 'Chef de Mission', Awang Mohd. Massa Masdi di Hotel Anggerek, di sini.

Terdahulu, Haji Mahrub berharap penyertaan skuad negara itu akan menjadi

pembuka pintu kepada peserta negara pada kejohanan yang lebih tinggi lagi.

"Pemain perlu menunjukkan kemahiran dan pengalaman untuk menampilkan persaingan yang tinggi sepanjang kejohanan itu nanti", jelasnya kepada 13 orang wakil peserta negara.

Beliau yakin kontinjen negara akan dapat menghasilkan satu keputusan yang membanggakan kepada negara.

Kejohanan ke-13 yang dibahagikan kepada tujuh kategori itu akan disertai oleh negara Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Thailand, Viet Nam, Republik Singapura termasuk Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Kepulangan atlet SUKMA Ke-XI dialu-alukan sangat meriah

WANDAR SERI BEGAVAN, 15 Jun. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam seramai 190 orang atlet dan pegawai yang menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) di Kedah, Malaysia pulang dengan membawa tiga pingat perak dan lima pingat gangsa.

Ketibaan kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yaakub, Setiausaha Tetap Kementerian Berkenan Awang Haji Jemat dan para pegawai-pegawai Kementerian serta keluarga para atlet negara.

Dato Paduka menyambut ketibaan kontinjen-kontinjen dengan mengalungkan selendang bertulis tahniah kepada para atlet-atlet yang berjaya meraih pingat perak dan gangsa di Sukan SUKMA, Kedah Malaysia.

PELITA BRUNEI yang berada di sana turut memebual Chef de Mission Kontinjen Negara iaitu Pengiran Sabri yang menjelaskan mengenai pencapaian atlet negara yang menyertai SUKMA di Kedah adalah mempunyai prestasi dan semangat yang cukup tinggi untuk mencapai sebarang pingat dalam sukan berkenaan.

Oleh disebabkan katanya ada perkara-perkara yang kita tidak nampak, jadi kita merasa bersyukur sahaja tentang apa pencapaian kita perolehi. Namun jelasnya kita jangan berputus untuk meningkatkan prestasi kita dengan lebih tinggi daripada apa yang kita capai sekarang.

Dalam hubungan ini ujarnya lagi sebenarnya kita mestilah meninggalkan apa yang telah dicapai oleh para atlet negara lain, malahan

Oleh Haji Ahmad
Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

mejadikan pencapaian negara lain sebagai membakar semangat dan mendorong ke arah mengimabangi dan mengatasi para atlet negara lain yang mempunyai kemajuan tersebut.

Beliau yang merupakan bekas atlet acara karate seterusnya menjelaskan bahawa kemahiran dan perediaan atlet negara menghadapi SUKMA sudahpun menepati untuk mendapatkan sebarang pingat sama ada pingat emas dan perak.

Menyentuh mengenai perancangan masa depan beliau menasihatkan kepada para atlet negara dan juga persatuan-persatuan sukan negara supaya akan dapat menjalani latihan berterusan, kerana kita ada mempunyai target untuk SUKMA yang 12 pada 2008 di Negeri Terengganu.

"Apa yang dimaklumkan kepada beliau bahawa negeri-negeri lain yang menyertai SUKMA, apabila sahaja mendapat arahan, para atlet tersebut akan terus menjalani latihan seawal-awalnya dengan demikian mereka telah dapat menjamin untuk mendapat pingat 100 peratus", jelasnya.

Dalam hubungan itu beliau mengharap kepada atlet-atlet negara supaya akan berlatih di peringkat awal ini dan pihak-pihak swasta dan kerajaan supaya memberikan peluang serta masa yang lebih untuk para atlet yang terlibat menjalani latihan iaitu selama dua tahun dengan cara ini, negara kita tidak akan ketinggalan untuk mengutip sebarang pingat dalam sukan berkenaan nanti.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub mengalungkan selendang tahniah kepada atlet yang membawa pulang pingat. - Foto : Ramli Haji Tengah.

Lebih 400 orang sertai walkaton

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

JERUDONG, Ahad, 28 Mei. - Lebih 400 orang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya menyertai Walkaton Bertaja JPM yang diadakan di Padang 1 Kelab Polo Jerudong.

Walkaton itu yang bertujuan bagi mendapatkan sumber kewangan untuk disumbangkan kepada Pusat Ehsan, KACA, PAPDA dan jawatankuasa kegiatan-kegiatan keagamaan, kebajikan dan sukan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Antara yang menyertai

walkaton itu ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Yusoff Agaki, para Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan di JPM.

Bagi peserta lelaki mereka berjalan sejauh lima kilometer, manakala peserta wanita hanya sejauh 4.5 km di sekitar kawasan Kelab Polo Jerudong. Sebelum itu, satu sesi senamrobik dijalankan sebagai pemanasan badan yang melibatkan semua peserta.



PARA pemain dan pegawai yang menghadiri Majlis Penyerahan Bendera Kejohanan Badminton Sekolah-sekolah ASEAN. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.



SEBAHAGIAN para peserta yang menyertai Walkaton Bertaja Jabatan Perdana Menteri yang berlangsung di Padang 1 Kelab Polo Jerudong. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

SUKAN

Boling padang terkeluar dari saingan

KOTA STAR, Rabu 31 Mei. - Pencapaian barisan boling padang kurang memberangsangkan dengan acara pairs lelaki hanya memenangi dua perlawanan, manakala acara triple memenangi tiga perlawanan di Green Wisma Darul Aman.

Peserta pairs Mohd. Azmi Haji Idris dan Md. Abdul Halim Razali hanya mengatasi peserta Pahang 10 - 11 dan peserta Melaka 11 - 17 dan tewas kepada Perlis 9 - 17, Pulau Pinang 8 - 24, Selangor 7 - 18 dan Negeri Sembilan 10 - 18.

Pada saingan triple pula gandingan Abd. Faiz Zaidin, Hamzah Haji Md. Japar dan Muhd. Zainuraini Haji Zaini menundukkan peserta Terengganu 11 - 9, Perlis 17 - 8, Perak 19 - 11 dan tumpas kepada Wilayah Persekutuan 10 - 22, Negeri Sembilan 10 - 11 dan Johor 7 - 11.

Gandingan pair hampir



BAGAIMANA ... Dua pemain Brunei Darussalam cuba memastikan kedudukan bola pada saingan perlawanan boling padang pada pertemuan dengan Perlis acara terios di Green Wisma Darul Aman.

melakukan kejutan pada perlawanan terakhir apabila hanya tewas tipis kepada Negeri Sembilan untuk meneruskan cabaran.

Dengan kedudukan tersebut peserta pairs dan triple negara terkeluar daripada saingan seterusnya.

nya.

Mengulas kegagalan tersebut Pengurus Pasukan, Pengiran Md. Salleh Chuchu menyatakan, barisan boling padang berjaya memperlihatkan permainan yang cukup baik walaupun kurang latihan.

Kelemahan mereka, katanya, ialah tidak dapat menyesuaikan pada awal

permainan dan selepas dua tiga perlawanan diharungi barulah mereka dapat menyesuaikan corak permainan mereka.

Begitupun, pada keseluruhan pasukan pairs dan triple memperlihatkan saingan yang cukup baik dengan mengatasi beberapa buah negeri di Malaysia.

Ragbi perlukan pendedahan

KOTA STAR, Rabu 31 Mei. - Skuad Ragbi Brunei Darussalam di SUKMA Ke-XI memerlukan banyak perlawanan pendedahan untuk menimba sebuah pasukan yang mantap dan berpengalaman.

Itulah ulasan yang dapat diutarakan oleh Pengurus Pasukan Ragbi, Christopher Cook ketika diminta mengulas mengenai prestasi anak-anak buahnya pada penyertaan sulung di SUKMA ini.

Jutratulatih itu menyatakan barisan ragbi ini baru saja ditubuhkan dan hampir kesemua mereka belum berpengalaman dalam sehingga mengalami kekalahan yang banyak.

Hampir kesemua kedudukan belum mantap, pertahanan, hantaran dan serangan kurang berkesan dan kelemahan-kelemahan ini akan dapat diperbaiki dengan menyertai beberapa pertandingan atau kejohanan akan datang.

Bagaimanapun tamahnya, pengalaman pertama di SUKMA ini memberikan pendedahan berguna selain ujian kebolehan para pemain.

Di SUKMA Ke-XI ini Brunei Darussalam bermain dalam Kumpulan 'C', tewas kepada Wilayah Persekutuan 0 - 24, tewas kepada tuan rumah Kedah 0 - 33, tewas kepada Sarawak 7 - 12 dan tewas kepada Sabah 0 - 24.



MEREBUT BOLA ... Sebahagian aksi pertemuan Brunei Darussalam dengan Sabah yang berkesudahan Sabah menang 24 - 0.

Ping pong alami semua kekalahan

KUALA MUDA, Isnin 29 Mei. - Laluan cabaran ping pong pada SUKMA Ke-XI ini tersekat pada pusingan permulaan dengan mengalami kesemua kekalahan di Dewan Modenas Gurun.

Barisan muda negara memperlihatkan semangat bertanding yang tinggi, namun disebabkan kurang pengalaman dan pendedahan mereka terpaksa akur kepada pihak lawan yang bermain lebih baik daripada mereka.



Pada saingan acara berpasukan dalam Kumpulan 'B', bertemu Selangor, Mohd. Khairuddin tewas kepada Chew Ming Yip 9 - 11, 4 - 11 dan 9 - 11. Md. Abdul Fizhan Manaf tumpas kepada Peng Tze Kuan, 2 - 11, 2 - 11 dan 4 - 11, manakala Chin Ming Ziu kalah kepada Chee Kien Yoong, 6 - 11, 4 - 11 dan 7 - 11.

Dalam acara perseorangan dan bergu juga masing-masing tewas kepada Terengganu dan Kedah.

Pengurus Pasukan Haji Daud Haji Hitam ketika ditemui menyatakan, para pemain yang dipilih ke SUKMA ini adalah baru pernah didedahkan dan mereka mempunyai bakat yang baik meskipun kalah di kesemua perlawanan.

Pendedahan yang mereka perolehi ini sedikit sebanyak akan dapat memberikan pengalaman berguna untuk meningkatkan lagi prestasi mereka di masa akan datang.

Secara tidak langsung pendedahan seumpama ini amat berguna ke arah membangunkan pemain-pemain muda melalui pengalaman bertanding di luar negara.

CHIN Ming Ziu melakukan smash ketika bertemu pemain Selangor bagi acara berpasukan ping pong yang berkesudahan Selangor menang 11 - 6, 11 - 4 dan 11 - 7 (kiri).



EMPAT atlet negara yang menyumbang dua pingat perak dan dua gangsa dalam acara karatedo di SUKMA XI terdiri daripada Lim Hoi Siang, Mohd. Jamil, Mohd. Fida'yi dan Mohd. Nabil.

Karatedo rangkul dua perak, dua gangsa

KUALA MUDA, Sabtu, 3 Jun. - Kontinjen negara dalam acara karatedo di Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-XI berjaya menyumbang dua pingat perak dan dua gangsa untuk negara.

Dua pingat perak tersebut masing-masing diikuti menerusi acara kumite tidak melebihi 80 kilogram lelaki yang diwakili oleh Lim Hoi Siang dan Mohd. Jamil yang menyertai dalam acara kumite melebihi 80 kilogram lelaki yang diadakan di Dewan Akhlak Lip Seang Kor, Air Mendidih Sungai Petani di sini.

Tumpasnya Lim Hoi Siang kepada Jayaseelan yang mewakili Wilayah Persekutuan dengan kiraan 3 - 5 memusnahkan harapannya untuk menggilap kilauan emas, namun beliau tetap berpuas hati dengan pencapaian pertamanya beraksi di luar negara walaupun mengutip pingat perak.

Lim Hoi Siang masuk ke peringkat akhir setelah melalui dua perlawanan awal iaitu menumpaskan peserta Johor, Yew Min Soon di suku akhir dan Tiagaraj dari Pahang di separuh akhir.

Manakala Mohd. Jamil memasuki peringkat akhir setelah berjaya melewati pusingan awal dengan menumpaskan Mohd. Yusof dari Sarawak dan maju ke babak suku akhir dengan menewaskan Duffy Tan dari pasukan tuan rumah serta diuji menumpaskan K.C. Inthiran dari Selangor untuk maju ke peringkat akhir.

Tewas tipis Mohd.

Jamil 1 - 3 kepada peserta Wilayah Persekutuan, Praviterm tidak melahirkan kekesalan kepada dirinya di perlawanan akhir itu, namun mengakui serba kekurangan pada dirinya khususnya dalam pendedahan dan pengalaman.

Manakala Mohd. Fida'yi yang beraksi dalam acara Kata individu lelaki hanya berpuas hati apabila berjaya mengutip pingat gangsa setelah melewati perlawanan 'repercharge' yang berpihak kepadanya setelah menyingkirkan Amirul Iman dari Wilayah Persekutuan dengan kiraan 2 - 1.

Sebelum itu dalam acara ini Mohd. Fida'yi telah berjaya memasuki pusingan awal dengan mengalahkan peserta dari Sarawak dan seterusnya menumpaskan Salleh Jasmi dari Selangor sebelum ditewaskan oleh johan dalam acara ini iaitu Wong Keng Yinn dari Pulau Pinang untuk memaksanya berentap dalam acara 'repercharge'.

Sementara satu lagi pingat gangsa telah diperoleh kelmarin menerusi Mohd. Nabil yang mengikuti acara kumite di bawah 70 kg dengan menewaskan Ganentheran dari Perak dengan kiraan 3 - 2 dan menang ke atas R Jayaraj dari Melaka dengan kiraan 11 - 7 dalam perlawanan 'repercharge' setelah tewas kepada peserta Pulau Pinang di awal perlawanan dengan kiraan 6 - 7.

Pengurus pasukan, Dayang Sujimah Mejeri menjelaskan, mutu pen-



Liputan Haji
Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@
information.gov.bn
Abu Bakar Haji
Abdul Rahman
bakar.rahman@
information.gov.bn

Foto: Halim Haji
Sulaiman,
Pg. Ibni Pg. Haji
Hidup

capaian anak buahnya amat memuaskan kerana pada pandangannya atlet-atlet berani untuk menghadapi pihak lawan, di samping mempunyai keyakinan diri semasa bertanding.

Namun apa yang diharapkan jelasnya, agar atlet muda ini diberi pendedahan kerana mereka ini jelas kekurangan pengalaman khususnya dalam bertanding di luar negeri.

SUKAN

SUKMA Ke-XI Kedah: BRUNEI DARUSSALAM BAWA TIGA PERAK, LIMA GANGSA

ALOR STAR, Ahad, 4 Jun. - Obor Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-XI di Kedah yang menyala sepanjang sembilan hari sudah dipadamkan dalam Majlis Penutupan Rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdullah Haji Ahmad Badawi di Stadium Darul Aman di sini.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Haji Awang Mohammad bin Haji Daud dan isteri.

Negara Brunei Darussalam yang menyertai temasya ini sebagai pasukan undangan menyertai 14 acara, dengan membawa pulang tiga pingat perak dan lima gangsa dari acara-acara karatedo, tenpin bowling dan silat olahraga.

Selangor muncul juara

keseluruhan dengan memperolehi 629 mata dari 53 emas, 44 perak dan 56 gangsa. Sarawak di tempat kedua dengan meraih 507 mata dari 36 pingat emas, 42 perak dan 55 gangsa, manakala Pulau Pinang mendapat 480 mata dari 36 pingat emas, 40 perak dan 52 gangsa.

Perenang dari Negeri Sembilan, Lew Yih Wey, pula dinobatkan sebagai atlet terbaik wanita dan atlet Pahang yang beraksi dalam

acara angkat berat, Zulkifli Che Rose dinobatkan sebagai atlet terbaik lelaki sepanjang SUKMA Ke-XI.

Kemuncak Majlis Penutupan rasmi SUKMA Ke-XI ialah penyerahan bendera rasmi SUKMA yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia kepada Ketua Menteri Terengganu, Yang Amat Berhormat Dato' Idris Jusoh. Di mana pada tahun 2008 nanti Terengganu mengambil giliran menjadi tuan rumah SUKMA Ke-XII.

Terdahulu sebelum majlis penutupan rasmi, kesemua atlet yang mewakili kontinjen masing-masing berarak lalu memberikan penghormatan dan seterusnya persembahan gimnastik dari Kolej Tentera Udara Malaysia.

Persembahan-persembahan kebudayaan dan nyanyian turut sama menyeronokkan majlis penutup temasya sukan dua kali setahun itu.



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri bin Pengiran Haji Mohamed selaku Chef De Mission ketika mengulas mengenai pencapaian pasukan kontinjen negara di SUKMA XI.

Atlet muda perlu bimbingan - Pendedahan

KEDAH, Ahad, 4 Jun. - Penyerahan kontinjen Negara Brunei Darussalam di SUKMA Ke-XI kurang meyakinkan, namun mempunyai harapan cerah di masa hadapan dengan kehadiran atlet-atlet muda yang memerlukan bimbingan dan asuhan yang berterusan semasa menyertai temasya selama 12 hari ini.

Dengan menyertai 14 jenis acara sukan dengan keramaian kontinjen 186 orang yang ketua oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pg. Sabri bin Pg. Haji Mohammad selaku Chef De Mission hanya termampu meraih tiga pingat perak dan lima gangsa, namun hasrat untuk membawa kilauan emas menyebarkan lautan ternyata hampa.

Ketika bertemu bersama beberapa orang atlet dan jurulatih di venue-venue pertandingan masing-masing mengatakan kurangnya pengalaman dan pendedahan, menjadikan alasan yang sering diberikan apabila diadukan persoalan tentang pencapaian pasukan mahupun atlet itu sendiri.

Merujuk kepada persembahan prestasi kontinjen negara di pentas SUKMA kali ini Pengiran Sabri menjelaskan, jika dilihat melalui 14 jenis sukan yang disertai cuma tiga pasukan sahaja yang berjaya mengangkat nama negara di temasya ini.

Namun, tekan beliau, itu tidak bererti penyertaan pasukan-pasukan yang lain tidak memberi saingan kepada sukan yang dipertandingkan, malahan beliau nampak atlet-atlet negara yang bermain juga memberikan saingan yang sengit malah tahap pencapaian mereka itu seolah di puncak kemenangan sama ada emas, perak atau gangsa.

Katanya, beberapa faktor telah dikenal pasti kenapa perkara tersebut terjadi, namun demikian, jelasnya kita tidak perlu berputus asa disebabkan kerana kita merupakan pasukan jemputan di temasya ini.

Dengan penyertaan ini ia juga sebagai peluang bagi negara membuat pendedahan dan melihat pencapaian-pencapaian sukan di negara kita

di peringkat umur 21 ke bawah.

Ke arah memastikan dan meningkatkan prestasi pencapaian atlet Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang, beliau melihat adalah amat perlu penglibatan agensi-agensi yang lain sama ada agensi kerajaan mahupun swasta atau mana-mana pihak persendirian untuk meningkatkan pencapaian sukan di masa akan datang.

Katanya, penglibatan ini juga kita perlukan dari sokongan dan dorongan ibu bapa di samping keterlibatan para atlet itu sendiri dan dengan ini mungkin akan dapat mempercepatkan peningkatan pencapaian kita di dalam mana-mana acara sukan yang akan kita sertai.

Tegasnya selain daripada itu pendedahan-pendedahan lain juga perlu dibuat secara berterusan sama ada dengan mengadakan persaingan di dalam negara iaitu antara sesama persatuan atau kelab-kelab malah dengan menjemput persatuan atau persekutuan dari luar negara atau kita menyertai acara di luar negara. Jelasnya, dalam pemerhatian beliau semasa berada di Kedah pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak swasta khususnya dalam memberikan kelengkapan atau bantuan-bantuan kewangan kepada atlet adalah amat ketara.

Tambahnya, bantuan tersebut merangkumi dengan memberikan kelengkapan waktu-waktu bekerja secara penuh masa dan mana-mana atlet-atlet yang telah terpilih seawalnya diberi kelengkapan untuk berlatih dengan jurulatih kebangsaan untuk memantapkan persediaan dalam acara yang akan disertai.

Di SUKMA ini beliau juga menggariskan beberapa faktor penyumbang kepada kegagalan kontinjen kita seperti segi umur, kematangan dan kelebihan fizikal (bentuk badan).

Kontinjen negara memperoleh pingat pertama menerusi Izzat Zaini melalui acara pencak silat olahraga kelas A iaitu bagi berat badan 45 hingga 50 kilogram dan diikuti dua lagi pingat gangsa

menerusi rakan sepasukan-nya iaitu Rohana Razali dan Siti Zuliza Omar.

Pingat perak pertama di perolehi menerusi acara tenpin bowling yang disumbangkan oleh gandingan tiga beradik yang terdiri Ak Mohd. Aizat, Ak. Khairul Rijal dan Ak. Izzul Raihan menerusi acara trios.

Dua pingat perak dan dua gangsa disumbangkan oleh pasukan karatedo yang merupakan pasukan paling banyak menyumbang pingat kepada negara di sepanjang SUKMA berlangsung.

Pingat tersebut diperolehi melalui Lim Hoi Siang, Mohd. Jamil dan Mohd. Nabil yang masing-masing menyertai acara Kumitee dan Md. Fida'yi dalam acara Kata.

Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri selaku Chef De Mission ketika mengulas mengenai pencapaian pasukan kontinjen negara di SUKMA Ke-XI.



PERHIMPUNAN sejumlah 11,150 atlet yang mewakili 16 kontinjen semasa penutupan SUKMA Ke-XI Kedah di Stadium Darul Aman. Tuan rumah seterusnya ialah Terengganu pada SUKMA Ke-XII 2008.



Liputan Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Foto: Halim Haji Sulaiman
Pg. Haji Ibni Pg. Haji Hidup



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad dan isteri ketika menghadiri Majlis Penutup Rasmi Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-XI di Kedah.

KE ARAH memastikan dan meningkatkan prestasi pencapaian atlet Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang, beliau melihat adalah amat perlu penglibatan agensi-agensi yang lain sama ada agensi kerajaan mahupun swasta atau mana-mana pihak persendirian untuk meningkatkan pencapaian sukan di masa akan datang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sejurus sebelum berangkat ke Thailand. - Foto: Ramli Tengah.

Orang ramai diingatkan agar tidak menyalahgunakan penggunaan teknologi komunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Peningkatan pesat teknologi komunikasi telah membawa beberapa unsur penyalahgunaan. Memandangkan perkara ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengingatkan orang ramai tentang penyalahgunaan komunikasi teknologi tinggi yang tidak betul melalui SMS, MMS, forum internet, blogs, e-mel, surat layang dan lain-lain untuk tujuan niat jahat dan menghasut.

Amaran ini adalah berikutan dari satu kejadian terbaru di mana tiga orang tempatan telah dihadapkan ke mahkamah dan dituduh melakukan suatu kesalahan kerana mengeluarkan klip video yang dihasilkan melalui komputer yang menunjukkan 'Ahli Kerabat Diraja Yang Terdekat' dengan tujuan untuk menghasut bagi merendahkan taraf dan kedudukan mereka, yang merupakan suatu kesalahan di bawah bab 4(1)(a) dari Akta Hasutan Penggal 24 dan membawa hukuman penjara selama dua tahun dan denda sebanyak \$5,000.00 jika sabit kesalahan.

Dalam pertengahan bulan November 2005, tiga orang Defenden, D1 - Isa bin Haji Jaya (L. 32 tahun), D2 - William bin Rahman (L. 49 tahun) dan D3 - Tuah bin Sabang (L. 41 tahun) telah merakamkan suara mereka dengan menggunakan telefon bimbit dan program 'Face-wave', rakaman suara mereka itu telah disebarkan dengan gambar 'Ahli Kerabat Diraja Yang Terdekat' telah mengucapkan kata-kata

yang telah dirakamkan ke dalam telefon bimbit oleh defenden-defenden tersebut.

Pihak-pihak berkuasa yang berkaitan telah menjalankan penyiasatan yang menyeluruh mengenai kes tersebut dan berjaya membongkar jejak kegiatan yang menyalahi undang-undang itu dan bahawa klip video itu telah diagihkan kepada beberapa orang yang mula diketahui oleh pihak-pihak berkuasa serta ini telah membawa kepada penangkapan defenden-defenden tersebut. Semasa menjalankan penyiasatan, ketiga-tiga orang defenden telah memberikan kerjasama penuh dan hasilnya, mereka mengaku bersalah terhadap tuduhan yang dibuat itu dan telah disabitkan kesalahan serta dihukum penjara selama satu tahun.

PDB seterusnya mengingatkan orang ramai bahawa PDB boleh juga bertindak terhadap sebarang penggunaan yang tidak betul melalui SMS dan MMS dengan menggunakan peruntukan-peruntukan lain undang-undang Brunei, terutama sekali di bawah Bab 4 dari Akta Hasutan Penggal 24 jika perbuatan-perbuatan:

- Melakukan atau cuba, atau membuat persediaan untuk melakukan, atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan, sebarang perbuatan yang bertujuan untuk menghasut;
- Mengucapkan sebarang perkataan yang bertujuan untuk menghasut;
- Mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk jualan, mengagihkan

atau mengeluarkan semula sebarang terbitan untuk menghasut.

Adalah kesalahan-kesalahan dalam makna Akta ini dan jika didapati bersalah, membawa hukuman penjara selama dua (2) tahun dan denda sebanyak \$5,000.00. Bab ini juga memperuntukkan bahawa perbuatan yang semata-mata untuk memiliki adalah juga menjadi suatu kesalahan dan mana-mana orang yang didapati ada memiliki sebarang terbitan untuk menghasut mempunyai kewajipan untuk melaporkannya dan menyerahkan bahan itu kepada Pegawai Menjaga Balai Polis yang berdekatan dengan seberapa segera yang boleh.

Kesalahan-kesalahan besar lain boleh ditangani di bawah peruntukan Bab 31 dari Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 di mana hukuman maksimum yang diperuntukkan adalah penjara selama lapan (8) tahun dan denda tidak kurang dari \$8,000.00.

Orang ramai adalah dengan yang demikian diberi amaran supaya tidak terlibat dalam kegiatan-kegiatan seperti itu kerana ini boleh membawa akibat-akibat yang lebih berat dan sesiapa saja yang mempunyai maklumat mengenai perkara ini hendaklah melaporkannya dengan serta-merta kepada Balai Polis yang berdekatan. Ataupun, mereka boleh menelefon polis, nombor hotline 993 dan identiti orang yang membuat panggilan telefon akan dirahsiakan.

Berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Ke-60 Raja Thailand Menaiki Takhta

Oleh Sahari Akim sahari.akim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Abad, 11 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menghadiri Sambutan Ulang Tahun Ke-60 Raja Thailand Menaiki Takhta.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Berangkat di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat belayar ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul

Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Juga berangkat ke lapangan terbang ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah.

Turut berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Chateria, Menteri-menteri

Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan Timbalan-timbalan Menteri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



PARA pembesar negara menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda berdua untuk menyembahkan selamat berangkat. - Foto: Ramli Tengah.

Perlantikan Ahli Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan mengumumkan penubuhan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah ('Lembaga') selaras dengan Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah 2006 ('Perintah') yang berkuat kuasa mulai 17 Januari 2006.

Lembaga tersebut adalah pihak berkuasa bagi penentuan Undang-undang Islam bagi tujuan perniagaan perbankan Islam, perniagaan takaful, perniagaan kewangan Islam, perniagaan pembangunan kewangan Islam dan mana-mana perniagaan yang berlandaskan prinsip-prinsip syariah dan yang dikawal selia serta di bawah pengawasan pihak berkuasa. Pihak berkuasa bagi tujuan-tujuan perintah ini adalah Menteri Kewangan.

Dengan berkuatkuasanya perintah ini, sebarang urusan niaga institusi-institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam yang berkenaan dengan penderangan produk-produk Islam adalah dikehendaki untuk dihadapkan kepada lembaga tersebut bagi kebenaran yang produk

tersebut adalah selaras dengan hukum syarak sebelum memasuki sebarang urusan niaga. Sesebuah institusi kewangan tidak boleh melantik, mengupah atau mengambil bekerja mana-mana orang untuk menjadi ahli mana-mana badan penasihat syariah atau bertindak sebagai konsultan syariah atau penasihat syariah kepada institusi kewangan tersebut tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Lembaga tersebut.

Berdasarkan kepada Seksyen Lima Perintah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini telah mengurniakan titah perkenan bagi perlantikan keahlian Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah mulai 26 Muharam 1427/25 Februari 2006 seperti berikut:

Ahli Statutori dan Pengerusi: Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan ex officio; **Ahli Statutori:** Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ex officio.

Ahli-ahli: Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja

Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; Dato Seri Laila Jasa Profesor Dr. Anwarullah Shafiuah, Pakar Perundingan Islam

Kementerian Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan; Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Mohd. Taib, Ketua Penasihat Undang-undang Pejabat Peguam Negara.

Ahli Gantian: Awang Haji Japar bin Haji Mai Dain @ Maidin, Jabatan Mufti Kerajaan.

Perlantikan keahlian berkenaan adalah bagi tempoh masa tiga tahun.

Hubungan dua hala dipertingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo bersempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Republik Filipina.

Dalam perutusan baginda, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman di antara Negara

Brunei Darussalam dengan Republik Filipina. Baginda percaya, keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang di peringkat dua hala mahupun di peringkat ASEAN.

Seterusnya dalam perutusan baginda itu berharap semoga PYT Gloria Macapagal-Arroyo sentiasa sihat sejahtera dan rakyat Republik Filipina akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

اودارا برسياه اونتوق كهيدوفن بركوالي تي
UDARA BERSIH UNTUK KEHIDUPAN BERKUALITI

دتریتکن اوله جیاتن فترائن، جیاتن فردان منتري دان دجيت اوله جیاتن فرچیتتن کرلجان، جیاتن فردان منتري، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

BANDAR BRUNEI (IBU KOTA BRUNEI) : PEMINDAHANNYA DARI KAMPONG AYER KE DARAT

OLEH
HAJI MOHAMAD
BIN SALIM

PENDAHULUAN

DALAM Kamus Dewan, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan ketiga 1989, memberi pengertian 'bandar' sebagai tempat atau pusat yang ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan dijalankan. Manakala 'perbandaran', dimengertikan sebagai usaha menjadikan sesuatu kawasan atau daerah dan penduduknya berubah kepada corak perbandaran atau meresap unsur-unsur perbandaran.

Manakala dalam Kamus Besar Utusan susunan Haji Zainal Abidin, Utusan Publication & Distribution, Kuala Lumpur 1996, menjelaskan 'bandar' sebagai pusat ramai penduduk dan terdapat banyak urusan dijalankan, tempat tumpuan pejabat-pejabat, pusat membeli-belah, tempat perniagaan. Sementara 'perbandaran' dijelaskan sebagai pengembangan. Maknanya, tempat berkenaan semakin banyak kegiatan/urusan hairan kerajaan dan penduduk dijalankan, di samping ukuran dan penempatan penduduknya semakin berkembang-meluas.

PENGENALAN

Dalam catatan sejarah, nama 'Brunei Town' (Bandar Brunei) telah mula disebut dan diketahui menerusi laporan pengembaraan orang-orang barat seperti Antonio Pigafetta yang datang ke Brunei pada tahun 1521M, iaitu dalam zaman pemerintahan Sultan Bolkiah. Sebutan 'Brunei Town' (Bandar Brunei) dalam laporan tersebut adalah mengikut perspektif orang-orang barat yang sememangnya ketika itu telah biasa dan lumrah (sudah awal) dengan panggilan 'Town' (Bandar) ke atas 'ibu kota' atau 'pusat pentadbiran', atau 'pusat perdagangan' yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti parit dan jalan raya di sesebuah negeri.



PEMANDANGAN Bandar Seri Begawan dari udara di atas Bukit Syekhklela, memperlihatkan pemandangan ke bahagian hulu Sungai Brunei.

Sebagai pusat pentadbiran atau ibu kota, 'Bandar Brunei' ketika itu mengikut laporan Pigafetta telah dihuni oleh lebih kurang 25 ribu orang penduduk dan terletak di Kampung Ayer:

"... bandar itu (Bandar Brunei atau Kampung Ayer) keseluruhannya dibina di atas air, kecuali istana Sultan dan rumah beberapa orang pembesar. Ia mengandungi 25 ribu keluarga (keluarga di sini mungkin jumlah penduduk - Penulis). Rumah-rumahnya diperbuat daripada kayu menggunakan tiang-tiang tinggi. Bila air pasang, wanita-wanita berperahu menjual barang-barang keperluan... istana raja dibentengi oleh benteng batu yang besar yang mempunyai menara-menara perta-

hanan, dan di menara-menara tersebut terdapat 56 meriam tembaga dan 6 meriam besi..." (Blair & Robertson; The Philippines Island 1493 - 1898, Vol. 33, hal. 221).

Kampung Ayer yang disebut sebagai 'Bandar Brunei' itu, selain adanya penempatan penduduk, dijelaskan juga berperanan sebagai sebuah pelabuhan perdagangan, dan menjadi pusat perdagangan antara Brunei dengan negara-negara luar. Barang-barang yang diperdagangkan termasuklah kapur barus, kulit kayu manis, mutiara, intan, berlian (dari Tanjungpura, Sumatera), emas, ubar, lilin lebah dan wangi-wangian (Awg. Jaafar Mhd. Sab; Kampung Ayer, dalam Pusaka, Pusat

Sejarah Brunei, Bilangan 2, 1988, hal. 27 - 38).

Dari keterangan berkenaan terbukti bahawa Kampung Ayer (Bandar Brunei) yang menjadi pusat ibu negeri atau ibu kota Brunei ketika itu mempunyai kawasan yang luas, bukan hanya setakat di pesisir sungai sekitar Kota Batu, tetapi juga merangkumi penempatan penduduk di kawasan Kampung Ayer yang ada ketika ini.

Selain keterangan yang dibuat oleh Antonio Pigafetta mengenai Kampung Ayer sebagai 'Bandar Brunei' (Brunei Town), terdapat juga laporan dari sebuah manuskrip lama ditulis dalam bahasa Sepanyol yang dikenali sebagai koleksi 'Boxer Codex' yang

bertarikh 1590M (telah diterjemah ke dalam bahasa Inggeris dan koleksi yang dibeli oleh Profesor CR Boxer) (Haji Mohd. Amin Hassan; Boxer Codex: Rakaman Sejarah Brunei Di Akhir Abad Ke 16, dalam Jurnal Darussalam, Bilangan 5; 2004, hal. 87 - 124), iaitu kira-kira 79 tahun selepas laporan Antonio Pigafetta, yang mengatakan bahawa Bandar Brunei (Brunei Town) telah dihuni oleh penduduknya sekitar jumlah 8,000 orang (yang terdiri sebahagian-penduduk yang beragama Islam, manakala sebahagian lagi terdiri daripada orang-orang bukan Islam - Bisaya).

Walaupun jumlah penduduk Bandar Brunei (Brunei Town) yang dilaporkan

oleh koleksi Codex 1590 itu, mempunyai perbezaan besar iaitu berkurang sejumlah 17 ribu orang berbanding dari laporan Antonio Pigafetta 1521. Hal itu mungkin kerana jumlah yang dikira itu hanya secara 'rambang' atau anggaran kasar sahaja, atau kerana penduduk Brunei ketika itu sudah berpindah ke tempat yang selamat akibat serangan tentera Sepanyol yang berlaku pada tahun 1578, namun yang jelas dari laporan berkenaan masih mengungkapkan bahawa Kampung Ayer yang menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Brunei pada abad berkenaan masih dikenali sebagai 'bandar' atau 'town' bagi pelawat-pelawat barat tersebut.

Sikap positif meningkatkan prestasi ke arah kecemerlangan

PERKHIDMATAN Awam (PA) merupakan institusi penting bagi membantu kerajaan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam maju dan berasaskan kepada nilai-nilai murni sejagat. Keberkesanan dan kecekapan jentera pelaksanaan mendukung pembangunan negara meningkatkan kualiti penghidupan rakyat di negara ini.

Untuk mencapai matlamat tersebut jentera PA dikemaskinikan, manakala pelbagai dasar dan program dilaksanakan oleh kerajaan secara berterusan agar penanaman dan penghayatan sikap dan nilai murni diamalkan oleh setiap warga PA di antaranya:

1. **Tanggungjawab** - Pekerja yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan sesuatu tugas bermakna telah diamanahkan untuk menyempurnakan sesuatu tugas dengan bersungguh-sungguh dan merasa bersalah sekiranya gagal menyempurnakan ke tahap yang lebih baik. Sebaliknya pekerja yang tidak bertanggungjawab akan melaksanakan sesuatu tugas secara sambil lewa dan tidak berusaha untuk meningkatkan kualiti kerja.

2. **Berdedikasi** - Pekerja yang dedikasi sanggup melaksanakan kerja lebih daripada yang diharapkan serta tekun menyempurnakannya ke tahap yang terbaik. Mereka ini juga mempunyai dorongan yang tinggi untuk sentiasa meningkatkan prestasi dan bersedia menerima nasihat atau teguran. Pekerja yang tidak mempunyai dedikasi pula selalu mengelak dari tugas atau melaksanakannya secara sambil lewa atau terpaksa semata-mata untuk memenuhi arahan.

3. **Disiplin** - Warga PA yang berdisiplin adalah mereka yang tertib dalam kelakuan dan tindakan, patuh dan taat kepada arahan, peraturan dan undang-undang, berpegang teguh kepada ajaran agama dan sentiasa menjaga maruah diri, organisasi, perkhidmatan dan negara. Warga yang tidak ber-

perkhidmatan dan negara.

melakukan sesuatu yang bertentangan dengan arahan, peraturan dan undang-undang.

4. **Bekerjasama** - Hampir semua jenis tugas dalam sesebuah organisasi memerlukan kerjasama, semangat tolong-menolong amat diperlukan. Kerja yang berat menjadi lebih ringan melalui kerjasama. Tugas yang memakan masa yang lama jika dibuat secara sendiri akan lebih cepat melalui kerja berpasukan. Sifat kerjasama juga dapat mengeratkan hubungan antara anggota organisasi penggabungan tenaga dan pemikiran ini dapat mewujudkan sinergi yang amat penting kepada peningkatan kualiti dan produktiviti.

5. **Bersih** - Warga PA dikatakan bersih jika sikap dan perlakuannya tidak menunjukkan sifat seperti niat jahat, buruk sangka, iri hati, marah, cemburu, dendam dan seumpamanya. Selain itu sikap bersih juga meliputi kebersihan luaran dan persekitaran. Kebersihan terjelma pada perwatakan dan pembawaannya.

6. **Berbudi Mulia** - Satu nilai yang ada pada seseorang yang mudah memberi kesenangan atau menolong orang lain tanpa disuruh dan tanpa mengharap apa-apa balasan. Gerak-geri dan kelakuan yang penuh sopan, tidak menyakiti hati atau menyinggung perasaan orang lain. Teladan baik yang ditunjukkannya dalam kumpulan dan organisasi yang dianggotainya.

7. **Ikhlas** - Pekerja yang ikhlas dalam melaksanakan tugasnya sentiasa menerima tanggungjawab dengan penuh kerendahan dan berusaha menghasilkan prestasi kerja yang terbaik secara berterusan. Kesungguhannya didorong oleh kejujuran dan rasa tanggungjawab dan bukan kerana pujian atau ganjaran.

8. **Tekun** - Pekerja yang tekun komited pada tugasnya dan berupaya memberi sepenuh pempun dalam menyempurnakan tugas tersebut. Pekerja seperti ini akan mengutamakan tugasnya daripada kepentingan diri serta sanggup berkorban masa dan tenaga untuk kepentingan organisasi,

9. **Sabar** - Warga PA yang memiliki sifat sabar akan sentiasa berhemah tinggi, bersopan santun dan tenang walaupun dalam keadaan yang cemas atau amat mencabar. Sifat ini boleh membawa kepada kesempurnaan di dalam melaksanakan sesuatu tugas, di samping membawa keharmonian di dalam sesebuah kumpulan atau organisasi.

Selain itu untuk melaksanakan Etika Kerja yang baik warga PA perlu meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang. Warga PA di samping perlu memiliki nilai dan sikap yang positif seperti yang dinyatakan itu seharusnya juga mencari pendekatan baru bagi meningkatkan kepakaran agar mereka lebih cekap dan inovatif ke arah menyumbang kepada pembangunan negara.

Nilai ditakrifkan sebagai kepercayaan kehendak dan keinginan yang mendorong seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan berasaskan norma-norma utama meliputi perilaku dan amalan masyarakat. Nilai yang wujud dan berkembang dalam diri seseorang atau sesebuah organisasi itu dipengaruhi secara langsung oleh agama dan kepercayaan, budaya dan pandangan dunia masyarakat serta proses pendidikan dan sosialisasi yang dialami.

Manakala etika pula bermaksud tanggungjawab dan tingkah laku seseorang atau profesion terhadap masyarakat terlahgan. Istilah etika berasal daripada perkataan Greek 'ethos' bermaksud khusus kepada perwatakan dan keperibadian. Etika Kerja dapat disimpulkan sebagai panduan tingkah laku yang diikuti oleh manusia yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan. Tidak mengira negara, bangsa dan agama telah menekankan norma moral yang berlandaskan ketinggian akhlak yang diamalkannya.

Jika PA tidak cekap dan tidak berkesan sukar bagi seorang pegawai atau kakitangan sektor kerajaan mahupun sektor swasta memandu negara ke tahap tinggi lagi mantap dan segala program pemba-

BERSEPADU dan bekerjasama perlu dalam Perkhidmatan Awam kerana ianya boleh melahirkan suasana kerja yang gembira dan harmoni malah ianya juga dapat meningkatkan persefahaman dan mengeratkan hubungan silaturahim. Kerja-kerja yang berat akan menjadi ringan dan dapat disempurnakan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan serta dapat menghindarkan anasir-anasir yang tidak baik sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya:

"Daripada Amir bin Hani, sesungguhnya dia mendengar Maawiah berkata: Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sentiasalah dari umatku menegakkan perintah Allah (tolong-menolong di atas kebenaran), mereka tidak dapat ditewaskan oleh orang yang cuba menipu mereka dan orang yang ingin menggagalkan mereka sehinggalah Hari Kiamat dan mereka berhak ke atas itu (tidak dapat ditewaskan)."

ngunan negara tidak akan dilaksanakan dengan sempurna serta imej PA itu sendiri akan terjejas. Dari itu adalah menjadi tanggungjawab setiap warga PA bekerjasama dan bersepadu meningkatkan kecemerlangan PA sebagai satu PA yang tinggi dan berkualiti.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 2 tafsirnya:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksud) dan pencemburuan. Dan bertaqwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat Azab Seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah tentang konsep bekerjasama antara lain baginda bertitah:

"Jabatan kerajaan perlu bekerjasama demi untuk mewujudkan Perkhidmatan Awam yang mempunyai misi dan matlamat yang jelas ke arah jentera pentadbiran yang dipercayai, produktif, efisien dan efektif."

Bersepadu dan bekerjasama perlu dalam PA kerana ianya boleh melahirkan suasana kerja yang gembira dan harmoni malah ianya juga



FOTO HIASAN ... PERKHIDMATAN Awam menjalankan hak dan kuasanya dengan penuh tanggungjawab dan berlaku adil kepada rakyat yang menerima khidmatnya dan merupakan satu institusi utama masyarakat dan negara.

dapat meningkatkan persefahaman dan mengeratkan hubungan silaturahim. Kerja-kerja yang berat akan menjadi ringan dan dapat disempurnakan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan serta dapat menghindarkan anasir-anasir yang tidak baik sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya:

"Daripada Amir bin Hani, sesungguhnya dia mendengar Maawiah berkata: Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sentiasalah dari umatku menegakkan perintah Allah (tolong-menolong di atas kebenaran), mereka tidak dapat ditewaskan oleh orang yang cuba menipu mereka dan orang yang ingin menggagalkan mereka sehinggalah Hari Kiamat dan mereka berhak ke atas itu

(tidak dapat ditewaskan)."

Bekerjasama bermaksud saling tolong-menolong untuk kebaikan. Oleh kerana hampir semua jenis tugas dalam sesebuah organisasi atau jabatan memerlukan kerjasama, semangat tolong-menolong ini amat diperlukan. Kerja yang berat menjadi lebih ringan melalui kerjasama. Tugas yang memakan masa yang lama jika dibuat secara sendiri akan lebih cepat melalui kerja berpasukan.

Sifat kerjasama juga dapat mengeratkan hubungan antara anggota organisasi dan penggabungan tenaga dan pemikiran ini dapat mewujudkan sinergi yang amat penting kepada peningkatan kualiti dan produktiviti. Pekerja yang mempunyai sifat bekerjasama senang melaksanakan sesuatu tugas secara berkumpulan. Mereka percaya kerja berpasukan dapat menjana

idea yang lebih bernas dan jitu. Mereka juga percaya banyak masalah yang boleh diselesaikan secara berkumpulan.

Sebagai warga PA hendaklah membulatkan tekad untuk sentiasa bersepadu serta mempunyai sifat yang terpuji lagi mulia agar mereka dapat merealisasikan kecemerlangan dalam PA.

Dalam buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja PA Negara Brunei Darussalam menerangkan, konsep bersepadu itu iaitu hendaklah bekerja dengan semangat berpasukan, berunding dalam menyelesaikan masalah dan bermesyuarat untuk membuat sesuatu keputusan serta merujuk kepada peningkatkan kualiti dan produktiviti. Pekerja yang mempunyai sifat bekerjasama senang melaksanakan sesuatu tugas secara berkumpulan. Mereka percaya kerja berpasukan dapat menjana

Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya:

"Dari Abi Musa dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Orang mukmin dengan orang mukmin itu adalah seperti sebuah bangunan, menguatkan antara bahagiannya dengan sebahagian yang lain." Kemudi-an Baginda menyilang kuat di antara jari-jari Baginda.

Oleh itu sebagai warga PA mestilah mempertingkatkan semangat sifat bersepadu, tolong-menolong dan bekerjasama demi mewujudkan satu PA yang cemerlang. Sifat yang tidak mahu bekerjasama dan mementingkan diri sendiri dalam sesuatu pekerjaan apatah lagi dalam PA ini akan mendatangkan natijah yang tidak baik dan menjejaskan prestasi serta produktiviti kerja.

SUDUT PERKHIDMATAN AWAM

SELAMAT DATANG



BERSAMA MENJAYAKAN WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE - 21

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

BANDAR BRUNEI (IBU KOTA BRUNEI) PEMINDAHANNYA DARI KAMPONG AYER KE DARAT

Dari muka 1

Justeru di kawasan tersebut terdapatnya ramai penduduk, adanya istana sultan, adanya penempatan pegawai-pegawai (para pembesar) yang rumah-rumah mereka juga berfungsi sebagai 'pejabat' pentadbiran, yang lebih penting lagi, adanya pelabuhan tempat dijalankan urusan niaga di kalangan penduduk setempat dan dengan di kalangan pedagang-pedagang luar yang datang berdagang ke negeri ini. Dengan demikian dari suasana kependudukan dan aktiviti kehidupan di Kampong Ayer itu ditanggap oleh mereka sebagai wujudnya istilah 'bandar' atau 'town'.

Dari maklumat-maklumat berkenaan, jelas membuktikan bahawa ibu kota atau pusat pentadbiran kerajaan (tradisional) Brunei sejak sekian lama (sejak awal kesultanan Islam akhir abad ke 14 atau lebih awal lagi) sehingga kepada kedatangan orang-orang barat (khususnya penjajah British) di akhir abad ke 19, adalah terletak di Kampong Ayer. Walaupun pada akhir abad ke 16, dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan, pusat pentadbiran kesultanan dipindah ke Tanjung Kindana, dan selepas pertengahan abad ke 17, dalam zaman pemerintahan Sultan Abdul Hakkul Mubin, pusat pemerintahan kerajaan dipindah dari Kota Batu ke Pulau Chermin.

PERJANJIAN PERSAHABATAN - GREAT BRITAIN 1906

Kedatangan penjajah British ke wilayah Brunei yang bermula dengan kehadiran James Brooke di Kuching pada tahun 1839, membuka lembaran sejarah baru yang amat merugikan kepada kedaulatan Brunei terutama ke atas beberapa wilayahnya khusus di Sarawak.

Dengan kelicikannya, James Brooke telah berjaya memperdaya (memperalat) Pengiran Muda Hashim untuk menyingkirkan Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muhammad Salleh yang ketika itu menjadi 'Gubernur', wakil Sultan bagi mentadbir Sarawak.

Dengan keluarnya Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muhammad Salleh dari Sarawak, telah memberi kemenangan kepada James Brooke yang terus berani menceroob dan menguasai wilayah-

wilayah Brunei. Demikian juga wilayah-wilayah Brunei di sebelah Sabah, orang-orang British juga telah menguasai kawasan pantai barat. Hal demikian menjadikan pemerintahan Kesultanan Brunei semakin tersepit dan kedaulatannya semakin tergugat.

Akhirnya Brunei terpaksa membuat perjanjian 1888 dengan Kerajaan British demi untuk mengekalkan wilayahnya dari terus dibungkus oleh kelikatan orang-orang British yang bertindak di sebalik perjanjian 'pajakan/sewa' tanah-tanah dengan sultan dan para pembesar yang menguasai wilayah-wilayah terbabit. Perjanjian 1888 dikenali sebagai Perjanjian Naungan Brunei kepada Great Britain, dalam zaman pemerintahan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin yang ditandatangani pada 17 September 1888.

Sekali lagi di akhir zaman pemerintahan baginda, Brunei membaharui perjanjian dengan Great Britain dikenali sebagai Perjanjian 1906, yang membawa kepada penempatan seorang Residen British di Brunei. Perjanjian berkenaan ditandatangani pada dua tarikh berasingan iaitu pada 3 Disember 1905 oleh pihak Brunei dan pada 2 Januari 1906 oleh pihak British.

Residen British pertama yang dilantik di Brunei ialah 'Mc Arthur'. Dalam era awal pentadbirannya, beliau telah menghadapi beberapa masalah utama dalam mengenalkan pentadbiran moden ala British. Antara masalah tersebut ialah kesulitan mendapatkan tenaga-tenaga pentadbir/pegawai yang berkelayakan dan mahir untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran. Selain itu beliau juga menghadapi masalah sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas pentadbiran, di samping masalah mendapatkan bahan-bahan binaan dan tenaga buruh yang mahir.

Dengan keadaan yang serba kekurangan itu, beliau secara perlahan dan berhati-hati telah memulakan langkah-langkah perlu untuk menggerakkan pentadbiran beliau, seperti bertindak menubuhkan 'Pejabat Pos' pada Oktober 1906 (Pejabat Pos telah ditubuhkan beberapa tahun lebih awal di Brooketown, Muara) dengan menjual 'setem' untuk urusan pemindahan hak milik tanah, penyediaan tanah dan kutipan

hasil mahsul kerajaan.

Selain bertugas sebagai 'Pentadbir', beliau juga bertindak selaku 'Bendahari'. Untuk itu beliau telah memulakan langkah awal dengan mengenakan 'Peraturan Kastam' yang dikuatkuasakan pada April 1906, dan enakmen berkaitan diluluskan pada akhir 1906. Pengeluaran permit lesen bagi urusan import tembakau dan lain-lain juga dibuat.

Adalah dipercayai pada peringkat awal pejabat-pejabat tersebut beroperasi di rumah kediaman Residen British yang terletak di Sungai Lampai telah dijadikan penempatan awal pentadbiran berkaitan, termasuk penempatan 'Balai Polis' (termasuk penjara), Pejabat Kastam dan Dermaga.

"... A Wharf was built at the site of the Residency. The old consular agent's house over the water was brought and adapted to form a temporary office and court house. The hill side of the Residency site was cleared and leveled and temporary police barracks, lock-up, police station, and clerk's quarters built on the thus obtained." (Laporan Tahunan 1906, hal. 19). Selain pembinaan bangunan-bangunan yang disebutkan, sebatang jalan raya sejauh satu setengah batu dibina sepanjang pinggir Sungai Brunei menuju ke kediaman Residen.


Statistik pendapatan kerajaan pada tahun 1906 menunjukkan bahawa sejumlah 272,115.58 ringgit telah dikumpul. Daripada jumlah itu termasuk 200 ribu ringgit adalah wang yang dipinjam dari Kerajaan Persekutuan Negeri-Negeri Melayu. Daripada jumlah itu juga termasuk antaranya pendapatan yang diperolehi dari permit lesen berjumlah 12,210 ringgit; Kastam 7,720 ringgit dan Pos dan penjualan setem berjumlah 1,742 ringgit.

CADANGAN PEMINDAHAN DARI KAMPONG AYER KE TANAH DARATAN

Selain daripada itu Mc Arthur mengarahkan supaya pusat pentadbiran (pemerintahan kesultanan) negeri yang asalnya telah beroperasi di Kampong Ayer sebelum termeterainya Perjanjian 1906 itu, dipindahkan ke darat (tapak Bandar Seri Begawan sekarang). Hal itu dilihat oleh beliau akan lebih sesuai dan banyak kebelaannya berbanding dengan



KEINDAHAN Bandar Seri Begawan yang dilihat dari udara di atas Kampong Ayer, pemandangan ke arah Barat Laut. Kawasan lapang yang kelihatan adalah tapak bangunan Yayasan Hassan Sultan Haji Bolkiah sekarang dan di kawasan ini ketika Perang Dunia II pernah digugurkan bom oleh pihak Berikat dalam usaha menentang pendudukan tentera Jepun.



KAMPONG Ayer yang menjadi ibu kota Kesultanan Brunei sejak kurun ke-15, telah berperanan sebagai salah sebuah pusat pemerintahan dan pelabuhan perdagangan dengan dunia luar di Pulau Borneo. Pemandangan akhir abad ke-19.

penempatan di air seperti sebelumnya. Hal itu juga mungkin kerana pegawai-pegawai Residen British yang berkhidmat ketika itu adalah lebih selesa tinggal di darat untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran harian kerajaan, "The country will not, and cannot, ever really advance until the capital is on dry land."

Di samping itu Mc Arthur juga mengarahkan supaya penduduk Kampong Ayer berpindah ke darat dalam usaha beliau untuk memelihara dan menjamin tahap kesihatan penduduk dari sebarang jangkitan penyakit, selain mengurangkan kesesakan penempatan pembinaan rumah-rumah penduduk pada masa akan datang.

Justeru beliau percaya, apabila penempatan di tanah daratan mula dibuka, tentunya penempatan baru itu akan menjadi pusat 'bandar', di mana pelbagai kemudahan awam dan keperluan harian penduduk akan disediakan, dan penduduk dari kawasan lain akan semakin bertumpu dan berpindah ke Kampong Ayer untuk menikmati kemudahan berkecaraan. Kerana itu penempatan di Kampong Ayer akan bertambah padat, selain pertambahan yang diakibatkan daripada perkembangan ahli sesebuah keluarga.

Langkah seterusnya yang dilakukan oleh Mc Arthur, ketika itu ialah memindah rumah kediaman Residen yang asalnya terletak di air di Sungai Lampai ke penempatan baru di darat, yang sehingga kini dikenali sebagai 'Bubungan Dua Belas'.

Walaupun kerja-kerja awal pemindahan ke darat itu secara perlahan dilakukan di peringkat awal tahun pentadbiran Residen, namun cadangan dan arahan yang dibuat oleh pihak pentadbiran masih kurang mendapat sambutan dari penduduk Kampong Ayer, terutama pemindahan rumah-rumah ke darat. "...of land settlement and the settlement of Brunei (new) town is the vital question at present facing the government." (Laporan Tahunan 1911, hal. 21).

Hanya setelah beberapa tahun kemudian, apabila pihak pentadbiran Residen semakin rancak membangunkan pembinaan bangunan-bangunan sementara pejabat kerajaan dan disusuli dengan pembersihan tapak-tapak bagi pembinaan bangunan perniagaan terutama lot-lot kedai, yang mula ditawarkan untuk dijual sekitar tahun 1910, baharulah nampak sedikit kemajuan dan keghairahan penduduk Kampong Ayer, khususnya para peniaga China untuk berpindah ke darat.

"... The Chinese shops have all been removed to terra firma. Fourteen lots were originally applied and sold and the agreement made was that by 1st July 1910, the Chinese should migrate to these on bloc." (Ibid).


Sambutan dingin untuk pemindahan tersebut, mungkin berpunca dari sikap atau perspektif penduduk Kampong Ayer yang rata-rata terdiri dari orang-orang Melayu yang masih lagi tebal dengan budaya kekeluargaan; berjiran dan berkampung dalam senang dan susah. Di samping disebabkan oleh masalah pencarian rezeki dan nafkah hairan keluarga yang banyak bergantung dan bersumber dari kehidupan di air (laut dan sungai) seperti pekerjaan sebagai nelayan; pekilong, pemukat, pengabat, penuku, perambat dan sebagainya, mengambil bakau, mengambil daun, berniaga sebagai pengalu, padian dan seumpamanya.

Dalam laporan tahun 1908, dikatakan masyarakat Kampong Ayer masih teragak-agak dan lambat (contemplate) membuat keputusan mengenai cadangan berkenaan. Terdapat juga ada ketua keluarga berhasrat mahu mengikuti perpindahan itu, jika isteri-isteri mereka mahu menyertainya. Sikap demikian menunjukkan adanya

rasa tidak mahu berenggang atau berjauhan dengan sanak saudara. Selain terdapatnya persepsi tidak mahu mengubah dan beralih kepada corak pekerjaan baru, telah menghamburkan cadangan berkenaan dilaksanakan dengan pantas.

Pada tahun 1909 dijelaskan terdapat sedikit perubahan sikap menerima dan mengakui faedah tinggal di darat. Satu penempatan kecil penduduk mula mendiami kawasan tanah di Tumasek, di mana beberapa orang Pengiran yang berpengaruh (orang bergelar ?) telah mendirikan tempat kediaman mereka. Tanah-tanah di Sungai Tekuyung dan Sum-biling juga telah diberikan kepada pemohon (Laporan Tahunan 1909, hal. 10). Penempatan tersebut rata-ratanya masih berhampiran dengan air/sungai.

Justeru pada tahun 1910, maksud pemindahan itu dapat dilaksanakan dengan pembinaan beberapa buah lot-lot kedai, dan tawaran-tawaran jualannya banyak direbut oleh peniaga-peniaga China yang sedia ada berkedai di Kampong Ayer sejak sekian lama. Keadaan itu dikatakan sebagai "It ... the commencement of the land settlement." (Laporan Tahunan 1910, hal. 1).



Menanamkan sifat bertanggungjawab faktor utama keselamatan di jalan raya

ngajian tinggi. Pasukan Polis Diraja Brunei juga mengadakan sekatan jalan raya di seluruh negara dalam usaha mengurangkan kadar pengguna yang melanggar peraturan dan undang-undang.

Menurut kenyataan dari Pasukan Polis Diraja Brunei bahawa statistik kemalangan jalan raya di negara kita adalah meningkat dari setahun ke setahun sejak 2003 - 2005. Sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab kita pengguna jalan raya supaya mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya kerana jika semua orang bersikap demikian setentunya dapat mengurangkan kesan-kesan di jalan raya.

Yang sebenarnya keselamatan diri bergantung kepada perilaku individu itu sendiri, kerana itu Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan sebagai mana firman-Nya dalam Surah Al Baqarah ayat 195, tafsirnya:

"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan."

Bukankah kita sebagai pengguna jalan raya telah diberikan panduan dan peringatan serta diadakan ujian sebelum diberikan lesen memandu, maka jadikanlah panduan dan peringatan itu sebagai amalan, dengan mempraktikkannya, umpamanya kita dilarang mengekori kereta di hadapan dalam

jarak yang dekat, kita dilarang memotong di tempat yang tidak selamat seperti di selekoh, tempat yang ada tanda tidak boleh memotong dan kita diminta mengikut peraturan jalan raya seperti mematuhi lampu isyarat, memakai tali pinggang keselamatan, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan sebagainya. Tetapi apakah ertinya jika peraturan ini dilanggar dan tidak dipatuhi? Menggunakan jalan raya ikut sesuka hati, bukankah ini namanya mengundang kecelakaan dan menempah maut?

Sememangnya benar dan diakui bahawa kesabaran seseorang benar-benar teruji ketika memandu di jalan raya. Apa tidaknya, apabila melihat pengguna tidak mengikut peraturan, tidak bertimbang rasa, tidak bertolak ansur, ditambah pula di kala jalan raya penuh sesak. Maka di sinilah perlunya sifat sabar, timbang rasa, tolak ansur, tolong-menolong, dan berfikir dengan waras dan bijak, dengan memberikan laluan dan ruang kepada mereka yang memerlukan. Percayalah jika kita menolong orang, maka Allah akan menolong kita. Bukankah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda, tafsirnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu, ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Dan sesiapa yang

menolong memudahkan orang yang susah, Allah Subhanahu Wata'ala akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala menolong hamba-Nya selama mana hamba itu mahu menolong saudaranya." (Diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim).

Kita sebagai manusia tidak setiap masa ingat, tetapi ada masanya kita lupa, ada masanya kita lalai dan tersilap. Oleh itu berhati-hatilah, jangan disebabkan kelalaian dan kesilapan itu akan membawa padah, baik kepada diri sendiri mahupun orang lain. Apatah lagi hingga menyebabkan kerugian yang lebih besar iaitu kematian.

Bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku ketika berada di jalan raya, ikutilah nasihat dan panduan seperti memastikan kenderaan dalam keadaan yang baik dan selamat. Dan jangan lupa berdoa kepada Allah Sub-

hanahu Wata'ala, sebagai mana yang diajarkan iaitu dari Surah Az Zuhurf ayat 13 - 14, tafsirnya:

"Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kamu, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali."

Dari Surah Ar Rad ayat 11, tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana disebabkan kesalahan mereka sendiri, maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahannya itu dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya."

YANG sebenarnya keselamatan diri bergantung kepada perilaku individu itu sendiri, kerana itu Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al Baqarah ayat 195, tafsirnya:

"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan."

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa jua larangan-Nya. Dengan cara ini mudah-mudahan kita mencapai ketenangan, keselamatan dan kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan nikmat dan rahmat-Nya jua, negara kita dapat mencapai kemakmuran dan kemajuan sehingga dengannya kerajaan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rakyatnya. Di antara kemudahan itu ialah jalan raya.

Jalan raya merupakan kemudahan awam yang menjadi penghubung di antara daerah ke daerah, kampung ke kampung dan ke mana jua tempat yang dituju khususnya bagi orang yang menggunakan kenderaan, dan tidak terkecuali orang yang berjalan kaki. Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab semua pengguna menjaga dan memelihara

kemudahan ini, dan menjadikannya tempat selamat dan bukan tempat kecelakaan.

Adalah tidak dapat dinafikan dan kita hendaklah akur bahawa punca kemalangan yang berlaku di negara ini adalah disebabkan perilaku pengguna jalan raya itu sendiri. Sedangkan semua orang tahu bahawa akibat kemalangan itu boleh menyebabkan kerugian harta benda, kecederaan bahkan kadangkala kematian.

Tetapi apakah tidak ada jalan untuk mengelakkan daripada perkara ini berlaku? Jawapannya ialah pengguna mesti sedar, peka dan patuh terhadap undang-undang dan peraturan jalan raya.

Bila kita bercakap mengenai keselamatan jalan raya, maka sudah tentu ada kaitannya dengan Pasukan Polis Diraja Brunei kerana mereka merupakan agensi penguatkuasaan undang-undang yang diamanahkan untuk menjaga keamanan negara, yang antara agenda utama mereka ialah menjaga keselamatan di jalan raya.

Ke arah menyedarkan pengguna jalan raya dan sebagai langkah mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ini, Pasukan Polis Diraja Brunei tidak kendur-kendur dan sentiasa berusaha memahamkan dan memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang undang-undang dan peraturan jalan raya. Baru-baru ini iaitu pada 18 Mei 2006, Pasukan Polis Diraja Brunei telah mengukuhkan Kempen Keselamatan Jalan Raya dengan tema 'Meningkatkan Kesedaran Keselamatan Di Jalan Raya'.

Bagi menjayakan kempen tersebut beberapa aktiviti diadakan, antaranya mengedarkan 'pamphlet-pamphlet', mengadakan majlis forum, memberikan ceramah mengenai undang-undang lalu lintas dan isu-isu kemalangan jalan raya di sekolah-sekolah dan institusi pe-

ADALAH tidak dapat dinafikan dan kita hendaklah akur bahawa punca kemalangan yang berlaku di negara ini adalah disebabkan perilaku pengguna jalan raya itu sendiri. Sedangkan semua orang tahu bahawa akibat kemalangan itu boleh menyebabkan kerugian harta benda, kecederaan bahkan kadangkala kematian.

وقت سمبهيڤ، امساک، شوروڤ دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڤ، امساک، شوروڤ دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 10 جمادی الاول، 1427 برسماان دغن 7 جون، 2006 هيڤڤ کھاري ثلاث، 16 جمادی الاول، 1427 برسماان دغن 13 جون، 2006 اداله سفر دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروڤ	ضحی	مسيحي
جمادی الاول									جون
10	12.20	3.46	6.31	7.46	4.33	4.43	6.06	6.31	7
11	12.20	3.46	6.31	7.47	4.33	4.43	6.06	6.31	8
12	12.20	3.46	6.31	7.47	4.33	4.43	6.06	6.32	9
13	12.21	3.46	6.32	7.47	4.33	4.43	6.07	6.32	10
14	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	11
15	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	12
16	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	13

وقت ۲ سمبهيڤ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڤ فرض جمعة دسلوروه نگارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تغھاري.

HIDUPKAN WAKTU MAGHRIB DENGAN SEMBAHYANG SUNAT AWWABIN



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

WAKTU di antara dua Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak adalah antara semuliamulia dan seafdal-afdal waktu untuk dimakmurkan dengan amal ibadat serta menjauhi segala kelalaian dan kebatilan. Oleh kerana itu, elok benar jika ia diisi dengan amalan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti membaca Al-Qur'an, berzikir dan lain-lain seumpamanya. Lupakan hiruk-pikuk dunia dengan segala macam perkara yang melalaikan!

Menurut ulama, antara amalan yang paling afdal dikerjakan pada waktu tersebut ialah mendirikan sembahyang sunat. Sembahyang yang sunat dikerjakan pada waktu tersebut ialah Sembahyang Sunat Awwabin. Antara para sahabat yang dikhabarkan mengerjakan Sembahyang Sunat Awwabin ini antaranya ialah Abdullah bin Mas'ud, Abdullah bin 'Amru, Salman Al-Farisi, Abdullah bin 'Umar dan Anas bin Malik Radiallahuanhum.

Apakah dia Sembahyang Sunat Awwabin itu dan bagaimana kaifiat mengerjakannya?

SIAPAKAH MEREKA GOLONGAN AWWABIN ITU?

Awwabin bermaksud orang-orang yang bertaubat dan kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala, penuh keikhlasan dalam ketepatan mereka terhadap-Nya dan meninggalkan kecenderungan serta dorongan hawa nafsu insani semata-mata kerana-Nya. Sembahyang ini dinamakan juga dengan nama Sembahyang Sunat Ghaflah kerana orang-orang yang mengerjakannya bertaubat, mengingati serta kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala tatkala orang lain lalai dari mengingati-Nya pada waktu tersebut kerana makan malam ataupun kerana kesibukan menyediakannya, tidur dan sebagainya.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Adz-Dzaariyaat tafsirnya:

"Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja: Masa

Bilangan 226

dari waktu malam, untuk mereka tidur." (Surah Adz-Dzaariyaat: 17).

Sebahagian ulama berpendapat bahawa ayat ini diturunkan kepada mereka yang menghidupkan waktu di antara dua Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak dengan mengerjakan sembahyang.

Allah Ta'ala berfirman lagi tafsirnya:

"Di antara ahli-ahli kitab itu ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada agama Allah yang benar); mereka membaca ayat-ayat Allah (Al-Qur'an) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang)." (Surah Ali 'Imran: 113).

Imam Sufyan Ats-Tsauri berkata: "Telah dikhabarkan kepadaku bahawa golongan yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah orang-orang yang mengerjakan sembahyang di antara waktu Maghrib dan Isyak."

Awwabin bermaksud membuat amal ibadat dengan bersembahyang dan menghadap Allah Ta'ala dan digelar ia Sembahyang Sunat Awwabin, kerana pada waktu di antara Maghrib dan Isyak, pada lazimnya jiwa manusia lebih cenderung untuk berehat setelah penat bekerja di siang hari dan sebilangannya pula lebih cenderung pada waktu tersebut untuk menikmati ataupun menyediakan jamuan makan malam.

KAIFIAT SEMBAHYANG SUNAT AWWABIN

Sembahyang Sunat Awwabin ialah sembahyang sunat yang tidak disunatkan berjemaah. Ianya sunat dikerjakan selepas Sembahyang Fardu Maghrib dan berakhir dengan masuknya waktu Isyak dan afdal sembahyang ini dikerjakan segera setelah selesai sahaja dari mengerjakan zikir-zikir Sembahyang Fardu Maghrib berserta Ba'diyyahnya. Tidak dinamakan Sembahyang Sunat Awwabin jika ia dikerjakan sebelum mengerjakan Sembahyang Fardu Maghrib, kerana waktu untuk menunaikan Sembahyang Sunat Awwabin belum lagi masuk, begitu juga jika waktu Maghrib sudah habis, kerana waktu Sembahyang Sunat Awwabin itu mengikut waktu Sembahyang Fardu Maghrib.

Begitu juga sunat diqada' jika tidak berpeluang menunaikan dalam waktunya kerana Sembahyang Sunat Awwabin ini terikat dengan waktu (An-Nafli Al-Mu'aaqqat).

Pada ghalibnya (kebisaannya), Sembahyang Sunat Awwabin ini dikerjakan sebanyak enam rakaat, akan tetapi ianya boleh juga dikerjakan sekurang-kurangnya dua rakaat, ataupun empat rakaat dan sebanyak-banyaknya pula ialah dua puluh (20) rakaat dan lebih baik dikerjakan secara dua-dua rakaat seperti mana zahir sabda Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Sembahyang (sunat) waktu malam dan siang itu dua-dua rakaat." (Hadis riwayat Imam Abu Daud, At-Tirmidzi, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban).

Niat Sembahyang Sunat Awwabin

أستغفر الله وأتوب إليه

ertinya: "Sahaja aku Sembahyang Sunat Awwabin dua rakaat kerana Allah Ta'ala."

SURAH-SURAH YANG DIAMALKAN OLEH ULAMA

Tidak terdapat mana-mana nas hadis sahih mahupun hasan yang menyebutkan tentang surah-surah yang sunat dibaca ketika melakukan Sembahyang Sunat Awwabin. Kebanyakan hadisnya bertaraf sangat daif dan sebilangannya pula maudhu' (hadis yang sengaja direka-reka).

Bagaimanapun, dalam Kitab Fath Al-'Allam disebutkan surah-surah yang diamalkan oleh para ulama, antaranya ialah pada tiap-tiap rakaat selepas membaca Surah Al-Faatihah dibaca Surah Al-Ikhlas enam kali, kemudian membaca Surah Al-Falaq sekali dan kemudian Surah An-Naas sekali.

Sebilangannya pula membaca ayat Al-Kursi atau Surah Al-Qadr, kemudian membaca Surah Al-Ikhlas, kemudian membaca Surah Al-Falaq dan Surah An-Naas.

Sebilangannya pula membaca Surah Al-Kaafirun pada rakaat pertama dan Surah Al-Ikhlas pada rakaat kedua berdasarkan pendapat Imam Ibnu Hajar Al-Haitami yang mengatakan bahawa Surah Al-Kaafirun dan Surah Al-Ikhlas ini sunat dibaca dalam mana-mana sembahyang sunat yang tidak dikhususkan bacaannya.

Selepas memberi salam, terdapat beberapa amalan doa yang biasa menjadai amalan para ulama, antaranya ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَغْفِرُكَ بِهَذَا الْحَبْلِ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ وَأَسْأَلُكَ بِكَ

عَافِيَتِي يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ (Rakaat)

ertinya: "Ya Allah, sesungguhnya aku memohon permeliharaan-Mu atas keimananaku di waktu hidupku dan ketika matiku, dan selepas matiku maka peliharakanlah ia (imanku) atas diriku. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap sesuatu."

اللَّهُمَّ اسْتَوْفِ عَمَلِي فِي حَيَاتِي وَعَمَلِي فِي بَعْدِي وَتَقَبَّلْهُ مِنِّي (Rakaat)

ertinya: "Ya Allah, aku memohon pemeliharaan-Mu atas agamaku, maka peliharakanlah ia (agamaku) atas diriku di waktu hidupku dan ketika matiku dan selepas matiku."

FADILAT SEMBAHYANG SUNAT AWWABIN

Banyak hadis yang menjanjikan ganjaran yang indah dan lumayan kepada

mereka yang mengamalkan Sembahyang Sunat Awwabin ini. Akan tetapi, hadis-hadis tersebut kebanyakannya sangat daif dan tidak kurang pula yang maudhu'. Hadis-hadis sebegini tidak boleh dijadikan iktibar apatah lagi sebagai sandaran.

Maka sebagai jalan untuk menjaga kesucian hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini, adalah lebih baik dan selamat dalam perkara fadilat Sembahyang Sunat Awwabin ini, kita bersandar sahaja kepada hadis-hadis yang benar-benar sahih dan sabit daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai fadilat sembahyang sunat secara umum. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Rabi'ah bin Ka'ab Al-Aslami Radiallahuanhu, bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda kepadanya: maksudnya:

"Pohonlah sesuatu (kepada)ku. Lalu aku (Rabi'ah) berkata: Aku memohon kepada Tuan untuk menemani Tuan di Surga. Lalu Baginda bersabda: Ada lagi? Lalu aku (Rabi'ah) menjawab: Itu sahaja. Baginda bersabda: Bantulah aku (untuk memperbaiki) dirimu dengan memperbanyakkan sujud (sembahyang sunat)." (Hadis riwayat Imam Muslim).

Imam Ahmad pula meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, yang maksudnya:

"Sesungguhnya yang pertama sekali akan dihisab segala amal perbuatan manusia pada Hari Kiamat ialah tentang sembahyangnya. Allah berfirman kepada Malaikat-Nya, sedang Dia Lebih Mengetahui: Periksalah sembahyang hamba-Ku, apakah cukup ataupun kurang? Kalau cukup catatlah cukup dan kalau kurang (sembahyang fardu mereka), maka Allah berfirman lagi: Periksalah adakah hamba-Ku ini mempunyai amalan (sembahyang) sunat? Jika ternyata terdapat amalan sembahyang sunatnya, lalu Allah berfirman lagi: Cukupkanlah kekurangan sembahyang fardu hamba-Ku itu dengan amalan sembahyang sunatnya. Kemudian diperhitungkanlah amal perbuatannya itu menurut cara sedemikian." (Hadis riwayat Imam Ahmad).

WALLAHU'ALAM

Bersifat jujur dalam kehidupan seharian

KEJUJURAN adalah salah satu sifat yang perlu ada dalam diri dan kehidupan kita, sama ada dalam sesebuah rumah tangga, pergaulan sehari-hari ataupun dalam masa menjalankan sesuatu amanah yang dipikulkan ke atas diri kita. Tanpa kejujuran tentulah akan timbul berbagai-bagai perkara yang tidak baik dan tidak diinginkan.

Cuba kita bayangkan apa akan terjadi jika sekiranya sifat jujur ini tidak dimiliki oleh setiap orang yang melibatkan diri dengan perniagaan? Menimbang dan menyukat tidak betul dan lebih teruk lagi menjual sesuatu yang tidak baik, buruk dan tidak dapat digunakan lagi dan sebagainya tentulah akan merugikan para pembeli. Penjual juga akan menerima akibatnya. Betapa tidaknya tentu orang tidak akan suka membeli di tempat yang ia pernah menjadi mangsa.

Dalam sebuah hadis diceritakan: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melihat tumpukan makanan yang akan dijual, maka Rasulullah memasukkan tangannya ke dalam tumpukan itu dengan terasah basah. Rasulullah bertanya: "Apakah ini hai penjual makanan?" Jawabnya: "Kena hujan ya Rasulullah". Rasulullah bertanya: "Mengapakah kau tidak meletakkan di atas hingga dilthit orang?". Siapa yang memalsu atau menipu bukan dari golongan kami."

Berpandukan daripada hadis ini terang dan jelas larangan ketidakjujuran dan malah kita disuruh berlaku jujur dalam sesuatu hal. Walaupun dalam hadis ini kita diberi gambaran tentang suruhan berlaku jujur dalam masa berjual beli tetapi ia mempunyai tujuan yang luas. Walaupun dengan

perkataan lain kita disuruh berlaku jujur di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja.

Dalam sesebuah rumah tangga misalnya, anak mestilah jujur terhadap ibu bapanya ataupun penjaganya. Suami mestilah jujur terhadap isteri dan sebaliknya. Kalau sifat jujur ini tidak dimiliki sudah tentu akan menggonggongkan keteguhan dan kerukunan rumah tangga itu. Betapa tidaknya kalau si isteri sudah tahu yang suaminya tidak jujur, tidak mustahil pula ia akan membalas dengan ketidakjujuran juga dan akhirnya akan porak-perandalah rumah tangga itu.

Dalam hubungannya dengan orang ramai pula, kalau sekali kita tidak jujur orang tidak akan percaya kepada kita buat selama-lamanya dan adalah susah untuk menarik kepercayaan mereka itu lagi.

Sementara itu dalam sesebuah syarikat swasta, gedung-gedung perniagaan ataupun kontraktor-kontraktor yang sedia membuat sesuatu projek, adalah perlu bagi setiap tenaga penggerakannya daripada serendah-rendah kakitangan sehingga membawa kepada orang yang terpenting memiliki sifat jujur. Kalau terselit di dalamnya kakitangan yang tidak jujur maka sudah tentulah akan menjejaskan kepercayaan orang ramai, sebab model yang paling utama ialah kejujuran dan bukanlah harta yang bertimbun-timbun semata-mata.

Cuba kita tanya kepada diri kita sendiri, apakah kita percaya kepada orang-orang yang tidak jujur? Tentunya tidak, sebab pengalaman pertama memberikan jalan kesedaran supaya tidak terkena buat kali kedua. Dan

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

apakah kita mahu tidak dipercayai oleh orang lain? Tentu juga tidak. Di sini nampaklah kepada kita bahawa kejujuran adalah salah satu keperluan dalam kehidupan.

Dalam sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Tiada beriman orang yang tiada jujur dan tiada beragama orang yang tidak menyempurnakan janji."

Oleh yang demikian, memandang kepada hasil-hasil yang tidak diinginkan apabila seseorang itu membebelakangi sifat jujur, maka kita perlulah mengambil langkah yang positif untuk mempraktikkan sikap jujur ini. Ia bukan sahaja perlu untuk dipergunakan dalam masa menjalankan sesuatu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita malahan untuk dipergunakan pada setiap detik dan ketika.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Telefon bimbit - Mudahkan perhubungan

MENURUT Kamus Dewan telefon bermaksud alat untuk bercakap dengan orang yang jauh dengan menggunakan tenaga elektrik dan kawat atau hubungan satelit. Telefon memang salah satu alat perhubungan yang banyak membantu manusia sejak ianya mula diperkenalkan lagi. Pada masa kini, telefon telah mengalami evolusi dari sebuah telefon yang memerlukan wayar kepada telefon yang tidak menggunakan wayar. Malah telefon pada masa kini ada yang mempunyai pelbagai bentuk dengan saiz yang kecil. Ini sekali gus memudahkan pengguna untuk membawanya ke mana-mana sahaja. Kemudahan perhubungan ini dikenali sebagai telefon bimbit.

Telefon bimbit pada masa kini bukan sahaja ber-

peranan sebagai salah satu alat perhubungan malah ianya telah dipelbagaikan kemudahannya seperti penggunaan kamera digital, televisyen, kemudahan radio, jam, diari dan banyak lagi. Segala kemudahan ini bergantung kepada jenis-jenis telefon bimbit yang dimiliki oleh pengguna tersebut. Kecanggihan teknologi ini telah membuatkan ramai penggunaannya berasa terpuak akan perkhidmatan yang terdapat di dalam sesebuah telefon bimbit tersebut.

Kehadiran telefon bimbit di dalam dunia yang serba canggih dan moden ini adalah sebagai salah satu rahmat kepada penggunaannya, kerana ianya telah dapat menjimatkan tenaga, memudahkan perhubungan, menjimatkan wang dan sebagainya. Sebagai contohnya ialah penggunaan kamera digital pada telefon

bimbit. Penggunaannya telah dapat menjimatkan penggunaan tenaga kitani dengan tidak perlu membawa kamera digital yang lain cukuplah dengan penggunaan kamera digital yang terdapat pada telefon bimbit. Dari segi kewangan pula, kitani tidak perlu membeli kamera digital lagi cukuplah dengan penggunaan telefon bimbit sahaja.

Walaupun telefon bimbit banyak memberikan segala kemudahan kepada penggunaannya, namun terdapat segelintir masyarakat yang menyalahgunakan alat tersebut sebagai salah satu alat untuk membalas dendam, menaburkan fitnah, membuat ugutan dan sebagainya. Di antaranya menggunakannya untuk menyebarkan fitnah kepada orang yang tertentu sama ada menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas

(SMS) dan perkhidmatan pesanan bergambar (MMS) dan sebagainya. Ini terbukti apabila adanya beberapa aduan yang dikeluarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan mengenai masalah ugutan yang telah diterima oleh segelintir pelajar di negara ini sehingga melibatkan campur tangan pihak polis. Berita mengenai ugutan ini pernah disiarkan oleh salah sebuah akhbar tempatan di negara ini pada tahun yang lepas.

Tambahan lagi dengan adanya kemudahan teknologi MMS telah memudahkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menghantar gambar-gambar lucu yang diambil daripada internet. Gambar-gambar ini dimuat turunkan dari internet lalu menghantarnya kepada rakan-rakannya yang lain sebagai salah satu hiburan sesama mereka. Bahkan ada yang lebih

berani lagi apabila mereka yang tidak bertanggungjawab ini berkomplot sesama mereka dengan melakukan aksi atau gaya lucu dan kemudian menghantarnya kepada rakan-rakannya yang lain bagi tujuan yang sama.

Kesimpulannya, kecanggihan teknologi pada masa kini haruslah digunakan dengan penuh bijaksana agar kitani dapat hidup dalam keadaan aman, damai dan sejahtera. Apatah lagi negara kitani adalah salah sebuah negara yang mendukung falsafah Melayu Islam Beraja.

Abdul Muin bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867,
Kampung Serdang,
Jalan Kota Batu,
BD 2117,
No k/p: 00-291429.

TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Merokok - Semua Pihak Komited Menanganinya'. Tarikh tutup 21 Jun 2006.
2. 'Kekalkan Budaya Bersopan Santun Dalam Kehidupan Harian'. Tarikh tutup 28 Jun 2006.
3. '39 Tahun Memerintah Di Atas Takhta'. Tarikh tutup 5 Julai 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.e-mel:
pelita@brunet.bn

Terpulang kepada
pengguna memanfaatkannya

SETELAH tercipta telefon bimbit di dunia ini, masyarakat merasa lebih mudah dalam perhubungan malah lebih cepat dalam menyampaikan maklumat dari pelbagai aspek.

Namun sejauh manakah kebaikan yang terdapat dengan kemudahan canggih seperti ini yang antaranya juga boleh mendatangkan keburukan dalam pelbagai masalah yang timbul.

Antara masalah yang sering dikaitkan dengan telefon bimbit di dada akhbar, di corong-corong radio dan televisyen ialah menggunakan telefon bimbit ketika memandu yang boleh membawa kepada kecuai jalan raya.

Tetapi masih terdapat masyarakat menuliskan telinga dan membutakan mata tentang perkara seumpamanya sehinggalah pihak berkuasa memberikan surat undangan untuk menjelaskan denda mereka ke mahkamah

nanti.

Bagi mereka yang terabit sudah pasti akan merasa 'jara' namun bagi mereka yang belum lagi terabit akan sentiasa memandang remeh tentang perkara yang boleh mendatangkan maut di jalan raya itu.

Selain kecanggihan telefon bimbit yang membuatkan manusia lupa akan undang-undang yang ditetapkan, telefon bimbit juga boleh mendatangkan keruntuhan rumah tangga atas penyalahgunaan individu itu sendiri.

Keruntuhan rumah tangga yang dimaksudkan ialah seperti masalah penghantaran pesanan ringkas kepada suami atau isteri orang sama ada secara sengaja atau tidak terpuanglah kepada si suami atau isteri berkenaan menyelaikannya.

Yang lebih teruk lagi apabila si suami melafaskan talak melalui pesanan ring-

kas (SMS) yang boleh menyebabkan kemuskilan di mahkamah syariah, memeningkan para hakim mengadakan siapa salah dan siapa betul. Semuanya kerana kecanggihan telefon bimbit.

Bukan sekadar penghantaran pesanan ringkas yang salah namun ancaman dan ugutan dari mereka yang tidak dikenali boleh membuatkan si penerima pesanan ringkas itu sentiasa dalam dilema.

Begitu juga halnya dengan pesanan ringkas yang palsu seperti menawarkan hadiah beribu ringgit atau mengarahkan si penerima menghantar kepada 10 orang yang lain untuk mendapatkan hadiah tertentu atau tawaran-tawaran yang lain juga boleh memperdayakan si penerima.

Semuanya terpuang kepada pengguna untuk menggunakan kecanggihan telefon bimbit dengan bijaksana.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Manfaatkan Kecanggihan Telefon Bimbit Dengan Bijaksana'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Kemodenan menjadikan lagi kecanggihan bertambah-tambah dari pesanan ringkas kini beralih kepada panggilan video yang mengelakkan penipuan berlaku, sering dikaitkan dengan lokasi sebenar si pengguna.

Melalui pesanan ringkas ramai di antara mereka akan menyatakan kedudukan yang tidak betul dengan menjelaskan kepada yang bertanya sedang dalam perjalanan pada hal masih berada di rumah untuk menyenangkan hati yang bertanya.

Dengan adanya panggilan video, si pemanggil akan tahu di mana tempat sebenar si penerima dengan melihat sendiri lokasi sebenar si penerima.

Semua kemudahan yang tercipta oleh manusia tidak akan bertahan lama dan tidak

juga boleh di kata kan sempurna kerana ia masih ciptaan manusia, tidak ada yang sempurna.

Memanfaatkan kegunaan telefon bimbit dengan sebaiknya adalah antara cara untuk mensyukuri nikmat Allah yang telah pun memberikan akal fikiran manusia mencipta kemudahan yang kita miliki kini.

Tanpa telefon bimbit segala urusan akan berjalan agak perlahan dan lama tambahan pula era globalisasi hari ini inginkan semuanya 'express' dan berjalan dengan sempurna.

Zuhairy bin Jumat,
No. 9, Simpang 396-93-164,
Kampung Jerudong,
BG 3122,
No. k/p: 00-272844

Semua urusan mudah dan cepat

DENGAN adanya kecanggihan teknologi seperti telefon bimbit yang merupakan sebuah alat komunikasi yang serba lengkap ini maka alat-alat komunikasi seperti kemudahan telefon awam semakin kurang digunakan. Ini adalah disebabkan kecanggihan telefon bimbit yang mempunyai pelbagai fungsi membuatkan setiap orang ingin memilikinya. Tidak hairanlah telefon bimbit yang mempunyai pelbagai jenama yang berlainan terus mendapat tarikan di pasaran dunia pada masa ini.

Salah satu kecanggihan yang terdapat pada telefon bimbit ialah untuk membuat dan menerima panggilan. Sebagai penghubung keluar-

ga, sanak saudara dan sahabat handai terutama dalam keadaan suka dan duka kita perlu menggunakannya dengan bijaksana. Maka tidak wajar seseorang itu sekiranya dia menggunakan perkhidmatan ini untuk membuat panggilan kecemasan yang palsu kepada pihak-pihak yang tertentu dan sebagainya.

Kalau pada masa dahulu apabila kita hendak berhubung dengan seseorang yang jauh, kita terpaksa menulis surat dengan panjang lebar untuk menyatakan sesuatu tetapi sekarang dengan adanya kecanggihan telefon bimbit yang berperanan sebagai alat komunikasi untuk membuat dan menerima perkhidmatan pesanan ringkas

(SMS). Maka mudahlah bagi kita untuk membuat pesanan ringkas dengan cepat tanpa kita bersusah payah menulis surat, meletakkan setem dan menghantarnya ke Pejabat Pos.

Oleh itu disarankan kepada remaja-remaja yang memiliki telefon bimbit yang canggih supaya menggunakan kecanggihan ini dengan bijaksana sesuai dengan kita sebagai makhluk Allah yang dikurniakan akal untuk berfikir agar menggunakan kecanggihan ini sekadar untuk merehatkan minda dan jangan sampai melalaikan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Peranan telefon bimbit juga boleh menerima dan

menghantar e-mel melalui internet. Kita boleh menghantar e-mel kepada seseorang kita suka asalkan tidak mengandungi 'virus' yang boleh merosakkan telefon bimbit seseorang. Telefon bimbit yang berkamera pula, boleh menghantar dan menerima gambar melalui perkhidmatan pesanan bergambar (MMS) terus ke internet dan gambar yang diambil itu pula boleh ditambah dengan maklumat sampingan seperti tempat di mana gambar itu diambil dan sebagainya.

Maka janganlah kita gunakan kesempatan ini untuk menghantar gambar-gambar yang boleh merosakkan akidah dan minda kita.

Kita juga dapat melayari internet untuk mengetahui informasi dunia seperti berlakunya gempa bumi di Yogyakarta, pergolakan politik di Iraq dan sebagainya.

Pendeknya, beruntunglah kita dapat memiliki sebuah telefon bimbit canggih yang membanggakan seterusnya gunakan kecanggihan berkenaan secara bijaksana agar kecanggihan ini dapat membentuk diri kita sebagai insan yang berilmu.

Siti Nor Muslihah binti Haji Yakub,
No. 40, Kampong Bukit Barun, Layong,
Tutong, TG 1143,
No k/p: 01-035736

Jangan sampai
terleka, khayal

DEWASA ini telefon bimbit tidak hanya digunakan sebagai alat untuk berbual dan menghantar perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), malahan penggunaannya lebih meluas selari dengan peralihan teknologi yang semakin banyak terdapat di setiap keluaran telefon bimbit terbaru di pasaran.

Bilangan penggunaannya juga semakin hari semakin bertambah, baik dari kalangan yang masih di peringkat rendah hinggalah ke pesara yang 'celik' menggunakan medium ini.

Para pengeluar bersaing sesama sendiri dalam menghasilkan telefon bimbit yang lebih inovatif dan 'distinctive' dari pesaingnya di pasaran. Keuntungan menjadi keutamaan mereka dan dalam hal ini tidak wajarlah jika dikatakan teknologi yang mereka hasilkan itu membawa kesan negatif kepada pengguna. Sebaliknya, jika dilihat dari sudut positif, kecanggihan teknologi ini lebih banyak membawa kebaikan daripada keburukan, terpuang kepada cara kita menggunakannya.

Dengan kecanggihan telefon bimbit terkini yang lengkap dengan pelbagai fungsi menarik dan 'versatile', seperti keupayaan memuat turun data audio dan video, e-mel dan sebagainya, kita sebagai pengguna haruslah tahu memanfaatkannya dengan baik. Janganlah terlalu leka hingga mengabaikan kerja dan tanggungjawab, malahan masa dan wang ringgit turut terbuang begitu saja.

Ada juga yang menjadi trend sebilangan pengguna yang kerap menukar telefon bimbit setiap kali model terbaru menembusi pasaran. Di sini, bukanlah hendak mempertikaikan tetapi biarlah mengikut kemampuan. Ini kerana, ada sesetengah orang yang seolah-olah menunjuk-nunjuk. Memanglah tidak dinafikan juga telefon bimbit mampu memberi indikasi status kita kepada orang lain, tapi tidak perlulah berlebihan-lebih.

Kes menyalahgunakan kecanggihan telefon bimbit ini bukanlah perkara baru untuk kita, malahan mungkin juga awda sendiri pernah menjadi mangsanya. Sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan telefon bimbit sebagai medium untuk menyebarkan fitnah dan mengabaikan orang lain. Tidak kurang juga ada yang menjadi mangsa atas kebodohan diri sendiri dan tanpa disedari kesempatan ini telah dimanipulasi oleh pihak lain yang tidak bertanggungjawab itu. Akhirnya, ia hanya akan mencemarkan nama baik sendiri dan keluarga serta kelak dipandang serong oleh masyarakat.

Kesimpulannya, segala-galanya terletak di tangan awda. Jadilah pengguna yang bijak dan sentiasa berhati-hati agar tidak menjadi mangsa perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab itu.

Norhafizah binti Karim,
No. 802, Kampong Panchor Murai,
Jalan Kulapis, BH 3123,
No. k/p: 00-313224

REMAJA

DI HADAPAN KITA CABARAN DAN HARAPAN

KEPANTASAN perubahan yang kita lalui sekarang telah membuktikan banyak penemuan-penemuan baru yang meliputi pelbagai aspek sama ada ia di dalam bidang teknologi maklumat, budaya, penerangan, dunia siber, dan bidang keilmuan tinggi yang kini mendominasi keperluan harian warga dunia masa kini. Hakikat sedemikian membawa banyak implikasi kepada kita sebagai sebahagian dari warga tersebut yang bersama-sama di dalam lingkaran perubahan dan kehendak semasa. Bila keadaan sedemikian ini rancak berlaku, kita perlu melihat dan meletakkannya sebagai cabaran baru yang menjanjikan harapan untuk memberi ruang kepada kita bersama-sama aktif.

Pembinaan tamadun baru bukan merupakan satu halangan yang menjadikan kita. Cuma sebagai penumpang perubahan, akan tetapi kita perlu menyertai perubahan dengan menawarkan kemahiran dan kebolehan yang kita ada. Inilah sebenarnya yang perlu dimiliki

oleh generasi muda kita yang akan kita jadikan sebagai generasi pelapis dalam meneruskan kesinambungan perubahan dan kehendak sekeliling itu. Meskipun perubahan ini ada kalanya terlalu rumit untuk kita lalui dan capai, namun penyertaan kita biarlah lebih memberikan satu perspektif yang bertujuan ke arah mewujudkan peranan baru yang berkesinambungan. Peranan sedemikian itu ialah membina perubahan dan mencengkam peluang kemajuan. Masa depan harus dibina dengan meletakkan asas-asas yang boleh menentukan sejauh mana kita boleh menikmati dan menangani perubahan tersebut. Hal ini penting dijadikan sebagai asas dan sumber bagi menentukan apa yang boleh kita sumbangkan.

Di peringkat ini sebagai generasi penyambung perkembangan dan kemajuan Negara, adalah wajar ia dijadikan sebagai pelantar yang akan memandu untuk menjadikan sumbangan kita itu bermakna. Di sinilah sebenarnya kita perlu melihat akan laluan dan hala tuju

masa depan untuk dibina dengan lebih bererti. Di hadapan kita meskipun banyak laluan dan cabaran yang perlu dihadapi, kita jangan mudah menyalah. Perubahan yang tangkas dan begitu cepat berlaku, adalah merupakan proses yang mewujudkan suasana dan iklim yang begitu kompetitif. Daya fikir, kemahiran dan juga kecemerlangan kita dalam menangani perubahan itulah yang perlu diletakkan bersama keadaan sekeliling yang berlaku. Kita perlu menjadi orang mahir, berpengetahuan, dan kita perlu menjadi orang yang aktif dalam menyertai perubahan sekeliling.

Maknanya di sini, kita perlu bijak dalam menentukan penyertaan, bagaimanakah yang paling sesuai dan mempunyai impak yang jelas terhadap keinginan kita untuk menyertai kemajuan. Ia perlu lebih fokus dan terarah dalam menentukan peta laluan pencapaian. Menentukan aspek dan bilangan yang memerlukan kemahiran perlu dijawab dengan bekalan diri yang cukup lengkap dengan keilmuan tinggi dan kemahiran mencukupi. Kita

OLEH H. A. MANAP

tidak boleh berpuas hati setakat apa yang kita ada. Kita perlu berani menerokai pembaharuan dan kita juga perlu lebih bersemangat tinggi untuk mencapai matlamat pembaharuan diri. Kita perlu berubah dari takuk lama ke arena baru. Biarlah apa yang kita lalui itu nanti menghasilkan perubahan diri yang lebih bermakna. Kita perlu melihat jauh ke hadapan dan menentukan bagaimana kita mencorakkan perubahan dan bukannya perubahan mencorakkan kita.

Inilah yang menuntut diri kita untuk lebih proaktif dan mampu berdaya saing semata-mata untuk menuju ke arah matlamat perkembangan maju. Justeru cabaran dan harapan di hadapan kita perlu direalisasikan sebagai sumbangan bererti yang tidak boleh diambil ringan. Kita perlu menjadi pelaku yang membentuk perubahan dan menjadikannya sebagai aset penting dalam mewujudkan kemajuan. Kita mestilah mempunyai nilai diri yang tinggi, di samping memiliki kualiti yang

boleh dibanggakan. Itulah nanti namanya pembaharuan yang lebih bererti kepada kita. Generasi muda belia dan remaja, perlu belajar memahami kehendak perubahan sedemikian ini. Kendatipun ia banyak mengundang kita untuk lebih matang mempelajarinya dan kita juga pada waktu yang sama perlu tahu menilai antara yang membawa natijah baik dan sebaliknya.

Biarlah perubahan yang membawa cabaran dan harapan ini, menjadi ruang yang akan melahirkan kesan baik kepada generasi muda belia dan remaja keseluruhannya. Keadaan sekeliling yang akan kita lalui akan lebih mencabar sebaik kita melangkah jauh, di sinilah kita dituntut untuk dapat mewujudkan jati diri yang kental dan tahan lasak serta mampu berdaya saing. Ciri-ciri sedemikianlah yang sepatutnya menjadi pakaian dan benteng yang akan menolak perubahan sosial yang merosak dan mengambil baik perubahan sosial yang positif.

E-ISLAM KIOSK MEMBENTUK INFORMASI TEPAT

Berita dan foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Khamis, 18 Mei. - Sebagai mendukung hasrat kerajaan untuk mewujudkan rangkaian maklumat Islam yang menjurus kepada satu cara hidup yang bersifat syumul Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan Jerayawara Program Promosi Perkhidmatan e-Islam Informasi Kiosk.

Sehubungan itu sebuah Mesin Informasi Elektronik (kiosk) ditempatkan di Masjid Mohammad Jamalul Alam bagi membantu dan menambah penyebaran maklumat dan perkhidmatan agama Islam kepada orang ramai melalui teknologi terkini.

Jerayawara itu diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam dirasmikan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh bertujuan untuk meningkatkan cara hidup Islam dan penyebaran agama Islam.

Selain itu jerayawara juga untuk meningkatkan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan Islam, menyelaraskan informasi dan berinteraksi dengan kementerian-kementerian swasta dan kumpulan sasaran.

Mesin kiosk seberat 70 kilogram dibuat daripada besi mempunyai ketinggian lima kaki, mengandungi bahan dan maklumat berbentuk multimedia. Pada masa ini terdapat 13 tajuk utama dimuatkan dalam mesin itu yang secara ke-

seluruhannya mengandungi bahan-bahan dan maklumat perkhidmatan agama Islam iaitu Pengurusan Jenazah, Majlis Ugama Islam, Syiar Islam, Tahfiz Al-Qur'an, Perundangan Islam, Masjid, Da'wah Islamiah, Syaria, Haji dan Umrah, Pengajian Islam, Projek e-Kerajaan, Laman Web dan Maklumat Islam dan Umum. Sebuah mesin serupa juga ditempatkan di Masjid Pekan Seria.

Bahan dan maklumat yang terkandung dalam mesin tersebut akan dikeselirakan setiap tiga atau empat bulan sekali tertakluk kepada keperluan dan permintaan organisasi dari masa ke semasa.

Mesin berkenaan akan dikawal dan diperhatikan oleh sistem administrasi melalui kawalan jauh dan pengguna yang tidak memanfaatkannya dengan baik dan sempurna akan dapat dikesan. Selain itu pihak pengurusan sistem tersebut juga boleh mengetahui keramaian pengguna mesin tersebut. Jerayawara serupa juga diadakan serentak di Masjid Hassanah Bolkiah, Tutong.

Menurut Pemangku Penolong Pengarah Pentadbiran dan Ketua Pusat Teknologi Maklumat, Awang Haji Abu Bakar bin Mohd. Don sebanyak 18 unit mesin kiosk di beberapa lokasi yang terpilih bagi mengadakan jerayawara seumpama itu yang merupakan salah satu projek e-Kerajaan Kementerian Hal Ehwal Ugama.



KETUA Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh menyampaikan serah terima mesin kiosk dan dokumen promosi kepada wakil Masjid Pekan Seria.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 725 keluaran 31 Mei 2006 ialah

Bangunan Pejabat Daerah Tutong dan Pejabat-pejabat Kerajaan, Daerah Tutong.

Pemenang Soalan Alai Pintar 725 keluaran 31 Mei 2006

Mohd. Iham bin Sabtu,
Sekolah Menengah Sharif Ali.
Umur : 12 tahun

Mohd. Asri bin Abi,
Sekolah Rendah Kiarong.
Umur : 10 tahun

Mona Melissa Chin @ Winnie,
Maktab Sains Paduka Seri
Begawan Sultan.
Umur : 14 tahun

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 727

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

.....

.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 727

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

.....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 727,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

CERPEN

OLEH ABYANA

PERJALANAN RINDU

KELIHATAN Mariam meletakkan talam yang berisi dengan dua cawan, sebiji teko dan sepiring jering yang bersalut dengan kelapa bercampur gula. Mariam lalu menuangkan kopi panas ke dalam cawan suaminya, sambil memerhatikan suaminya berselera menjamah jering tersebut.

"Wah asyik betul abang membaca surat khabar tu? Ada berita baik ke bang?" Tegur isteri kesayangannya dan ibu kepada empat orang anak-anaknya.

"Hmmmm ialah Yam berita biasa ... Peperangan, pertempuran sana sini, ini pulak, berita dari negeri jiran kita, Penyakit Selesema Burung bertambah berleluasan," jawab Haji Tuah seperti dalam kerisauan.

"Bagaimana dengan penyakit Kaki, Tangan dan Mulut di negara kita ni bang?" Beria-ia isterinya bertanya.

Haji Tuah menjawab, "Alhamdulillah, telah dapat dibanteras oleh pihak kesihatan, tambahan lagi atas kerjasama rakyat sendiri dengan melakukan dan mengikut semua nasihat yang disarankan oleh pihak-pihak berkenaan.

"Negara kita ni makmur. Rakyat mudah mencari rezeki. Tetapi khabarnya di negara lain, ada yang rakyatnya kebuluran. Betul kan bang?" tanya Mariam sambil melepaskan punggungnya pada kerusi berdepanan dengan suaminya.

"Memang benar kata Yam tu. Kita patut bersyukur kerana negara kita aman. Kalau di negara lain, hari-hari berperang. Hari-hari pembunuhan, nak cari sesuap nasi pun susah," jawab Haji Tuah sambil meneguk kopinya.

"Bila abang makan jering bersalut kelapa ni, abang teringat kepada anak-anak kita. Dah lama juga mereka tidak balik. Rindu pulak rasanya," kata Haji

Tuah cuba mengalih tajuk perbualan. "Mereka macam abang juga, suka makan jering campur kelapa."

"Mereka tu sibuk dengan kerja dan keluarga masing-masing. Kita doakan saja mereka tu hidup bahagia. Tanggungjawab kita mendidik dan membesarkan mereka sudah selesai. Kita pun sudah tua. Elok kita tumpukan sahaja kepada amal ibadat untuk bekalan akhirat." Hajah Mariam tahu kala itu suaminya merindui anak-anak mereka.

"Oh ya, pagi ni abang nak ke bandar. Kalau Yam

nak ikut, bersiaplah."

"Apa halnya bang?" Tanya Mariam pendek.

"Abang nak pergi ke Darussalam Holdings."

"Abang nak naik haji lagikah?" Mariam ingin kepastian dari mulut suaminya yang penuh dengan mamahan jering.

"Kalau boleh tiap-tiap tahun abang nak ke sana. Lagipun kita dah tua. Anak-anak semua dah besar dan berumah tangga. Abang nak gunakan rezeki yang kita dapat itu untuk buat amal ibadat."

Hajah Mariam mengikut saja apa kata suaminya. Dia bersiap dan tidak lama kemudian mereka berdua sudah berada dalam kereta. Haji Tuah memandu kereta dengan tenang menuju ke bandar. Dalam perjalanan itu Haji Tuah teringat sepanjang perjalanannya ke Tanah Suci Mekah.

Sepuluh tahun yang lalu, buat pertama kalinya dia mendapat kesempatan untuk menjadi tetamu Allah. Dia merasa bertuah kerana diizinkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengerjakan Rukun Islam Kelima itu. Baginya itulah peristiwa paling bersejarah dalam hidupnya yang tidak dapat dilupakan. Akan kekal menjadi kenangan seumur hidupnya.

Sebenarnya sudah lama dia berhasrat untuk menunaikan haji ke Tanah Suci Mekah. Tetapi kerana sibuk dengan tugasnya sebagai seorang pegawai polis maka cita-cita itu cuma terlaksana setelah dia bersara. Dengan wang pampasan yang diterimanya dia berjaya menjejaskan kakinya ke Tanah Suci Mekah. Kini dia sedar bukannya mudah untuk menjejaskan kaki ke Tanah Suci yang menjadi tumpuan umat Islam daripada seluruh pelusuk dunia itu. Tambahan pula jauhnya beribu kilometer dari tanah air. Banyak wang, masa dan tenaga yang terpaksa dikorbankan demi untuk

menyahut seruan itu.

Dia tidak dapat melupakan betapa banyak dugaan serta cabaran yang terpaksa ditempuhnya sebelum menjejaskan kaki ke Tanah Suci itu. Perjalanan bermula dengan menaiki kapal terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ke Jeddah selama sembilan jam. Kemudian dia menaiki bas selama lapan jam lagi merentasi padang pasir yang kering-kontang untuk sampai ke Madinah.

Dia teringat betapa sayu dan hibanya hati ketika menziarahi makam Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Memang benarlah Baginda pemimpin unggul sepanjang hayat. Semasa hidup Baginda dihormati dan disayangi dan setelah wafat pun Baginda dirindui oleh umat Islam dari seluruh pelusuk. Masing-masing menziarahi makam Baginda sebagai menandakan kasih sayang dan penghargaan di atas jasa Baginda.

Dia masih ingat, selama lapan hari dia berada di Madinah, dia dapat mengerjakan sembahyang fardu sebanyak empat puluh waktu di Masjid Nabawi. Dia juga mem-banyakan bacaan selawat kerana dia tahu berselawat itu banyak kelebihannya. Dan setiap kali menziarahi makam Baginda dia mencari peluang untuk sembahyang sunat dan berdoa di Raudhah, kerana dia tahu di situlah antara tempat yang doa mudah dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Antara doa yang dipohonnya ialah supaya mudah rezeki, sihat tubuh badan dan dapat mengerjakan amal ibadat. Dan alhamdulillah, dia merasakan doanya telah dimakbulkan Tuhan kerana sejak balik dari menunaikan haji rezekinya bertambah. Dusun buah-buahan miliknya seluas tiga ekar itu telah mengeluarkan hasil. Hasil daripada kebun buah-buahan itu akan digunakannya untuk menunai-



••••• "MEREKA tu sibuk dengan kerja dan keluarga masing-masing.

Kita doakan saja mereka tu hidup bahagia. Tanggungjawab kita mendidik dan membesarkan mereka sudah selesai. Kita pun sudah tua. Elok kita tumpukan sahaja kepada amal ibadat untuk bekalan akhirat." Hajah Mariam tahu kala itu suaminya merindui anak-anak mereka.

kan ibadat haji ke Tanah Suci Mekah. Dia ingin mengulangi sekali lagi ibadat hajinya. Banyak kenangan di Tanah Suci yang tidak dapat dilupakannya.

Dan paling tidak dapat dilupakannya ketika dia menjejaskan kaki ke Masjidil Haram. Perasaannya sebak dan air matanya berlinangan sebaik pandangannya terhunjam ke arah Ka'abah yang menjadi tumpuan arah kiblat umat Islam seluruh pelusuk dunia. Masih terbayang di ruang matanya lautan manusia yang berpakaian serba putih yang melambangkan kesucian hati dalam usaha mendekatkan diri kepada Ilahi, memenuhi setiap ruang Masjidil Haram. Tanpa membezakan warna kulit dan darjat keturunan, masing-masing bergandeng bahu berjalan ke satu arah mengerjakan tawaf mengelilingi Ka'abah.

Di rumah Allah itu tidak ada perbualan hal keduniaan apatah lagi

perdebatan politik yang menggugat perasaan, kerana masing-masing tekun mengerjakan amal ibadat. Ada yang bertawaf, berzikir, membaca Al-Qur'an dan sembahyang sunat. Masing-masing tenggelam dalam ketakwaan.

Dia juga tidak dapat melupakan peristiwa wukuf di Padang Arafah. Lautan manusia memenuhi padang pasir yang penuh rahsia itu. Di bawah pancaran sinar matahari yang memijar dan boleh merentungkan kulit itu para jemaah dengan pakaian ihram dan rambut kusut melafazkan talbiah, takbir dan tahmid yang bergema ke angkasa.

Masih terbayang di ruangan matanya bagaimana tetamu Allah itu merebut untuk melontar jamrah di Mina. Masing-masing menghayati peristiwa Nabi Ibrahim yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk membuat korban dengan menyembelih anaknya Nabi Ismail. Dalam

perjalanan ke tempat korban, mereka dihasut oleh iblis lalu Nabi Ibrahim melontar dengan batu-batu ke arah syaitan itu. Semua kenangan itu menjelma satu persatu dalam fikirannya. Walaupun kini sepuluh tahun sudah itu tidak dapat dilupakannya. Ka'abah seolah melambai kedatangannya, ucapan talbiah, takbir dan tahmid masih terngiang di telinganya. Rasa khusyuk dan tawaduk ketika memanjatkan doa di Raudhah kembali menguasai fikirannya. Kerana itulah dia berazam untuk menunaikan ibadat haji untuk ke dua kalinya.

"Berhati-hati, bang!" kata Hajah Mariam bila melihat beberapa orang kanak-kanak sekolah sedang melintasi di jalan raya.

"Alhamdulillah, selama tiga puluh tahun abang dapat lesen memandu belum pernah terlibat dalam kemalangan di jalan raya. Abang amalkan, pandu cermat jiwa selamat,"

katanya sambil ketawa kecil.

"Jangan takbur bang, nanti diduga Allah" Hajah Mariam mengingatkan suaminya.

"Insya-Allah, tahun ini kita akan pergi ke Tanah Suci Mekah," kata Haji Tuah seolah sengaja mengubah tajuk perbualan sambil mencuit dagu isterinya.

"Dahlah tu bang, nanti ada mata yang memandang kita, kurang elok pulak, dah tua-tua begini" Namun jauh di lubuk hati Hajah Mariam dia merasakan kebahagiaan yang tidak ternilai harganya, gurauan suaminya mengingatkan dia merasa seperti tiga puluh tahun yang lalu.

"Semoga kami akan terus bahagia bersama, di samping anak-anak dan cucu yang kami cintai, amin," Hajah Mariam berdoa dalam hati.

Manakala Haji Tuah terus memandu dengan penuh berhati-hati, biarlah perjalanan mereka dengan



PARA pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah bergambar ramai bersama Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah sebelum bertolak ke Kuala Lumpur. - Foto ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Gunakan biasiswa yang dianugerahkan

Oleh Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

BERAKAS, Selasa, 6 Jun. - Dalam meningkatkan bidang penghafalan Tahfiz Al-Qur'an lima orang pelajar Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB) kini berada di Kuala Lumpur, Malaysia bagi melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma di bidang hafaz Al-Qur'an di Darul Qur'an, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Pelajar-pelajar tersebut ialah, Awangk Fairuz bin Pengiran Rosley, Mohd. Fikri bin Haji Sharbini, Najwa Iman Zahidah binti Haji Aspar, Noorimi binti Mohd. Salimi dan Norrahmatul Adawiyah binti Mohamed adalah atas biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selama tiga tahun.

Penghantaran pelajar-pelajar institut berkenaan

adalah satu perkembangan yang baik dalam usaha pihak-pihak terlibat untuk memberikan nilai tambah yang terbaik kepada sistem pengajian dan fungsi ITAQSHHB.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah; Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Kasim bin Metali dan Pengetua ITAQSHHB, Ustaz Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Pemilihan pelajar-pelajar tersebut berdasarkan sesi ujian bertulis dan temu duga yang merupakan prasyarat penerimaan masuk ke Darul Qur'an, Malaysia. Ujian bertulis yang dikendalikan oleh panel penemu duga

husus daripada Darul Qur'an JAKIM telah diadakan pada 6 Mei lalu di mana seramai 13 orang calon ITAQSHHB yang merupakan pemegang sijil G.C.E 'O' Level tahun 2005 telah mengikutinya.

Dalam ucapan nasihat Pengetua ITAQSHHB di Majlis Doa Kesyukuran sehari sebelum penghantaran pelajar-pelajar berkecuali menekankan agar mereka sentiasa menjaga sum'ah atau imej pelajar-pelajar dan menunjukkan budaya Brunei yang luhur serta memberikan kerjasama kepada pihak penguurusan Darul Qur'an.

Pelajar-pelajar berkecuali dinasihati untuk memanfaatkan peluang keemasan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menunjukkan kemampuan dengan bersungguh-sungguh.

Ilustrator berbakat, dedikasi menjadi pilihan penerbit

Oleh Hariyani Haji dan Taty Rohaini Awang Maidi

BERAKAS, Selasa, 6 Jun. - Ilustrator berbakat, dedikasi dan kreatif sering menjadi pilihan penerbit yang sentiasa mementingkan nilai bahan terbitan mereka supaya akan ditatap oleh pelbagai golongan pembaca.

Menurut Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Awang Haji Saifon, sebagai ilustrator seseorang perlu mempunyai bakat, pengetahuan asas, keyakinan, penghayatan dan kefahaman yang tinggi.

"Selain itu, kegigihan untuk menembusi tahap yang dikehendaki sudah tentu mengkehendaki bidang kemahiran yang tinggi, di samping daya kreatif yang boleh membantu kesempurnaan ilustrasi yang dihasilkan," jelas Dato Paduka di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Melukis Ilustrasi Buku Cerita Bergambar 2005.

Walaupun negara belum mampu melahirkan ramai pakar ilustrator, ujar beliau, namun kita tetap berbangga dengan sebahagian ilustrator yang mempunyai bakat dan mampu menghasilkan

ilustrasi yang mermaid dan bermutu tinggi dan sering terdapat melalui buku dan majalan terbitan tempatan.

Beliau berharap Bengkel dan Peraduan Pelukis Ilustrasi yang sering dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mencorakkan suasana dan perkembangan bidang pengilustrasian di negara ini dengan lebih maju dan mampu menampilkan lebih banyak pakar ilustrator yang berpotensi untuk keperluan dan masa depan negara sesuai dengan suasana dan keadaan zaman yang semakin berkembang dalam semua bidang kehidupan.

Peraduan yang dianjurkan ini bertujuan untuk mendorong pelukis-pelukis tanah air melibatkan diri dalam bidang ilustrasi, di samping mencari bakat baru yang berpotensi dan seterusnya memberikan pendedahan kepada mereka menyertai penerbitan buku berilustrasi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu hasil ilustrasi yang menarik sesuai dengan kehendak cerita dapat memberi kesan yang baik



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Awang Haji Saifon menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

terhadap pembacanya terutama golongan kanak-kanak dan secara tidak langsung sudah tentu akan menanamkan tabiat suka membaca di kalangan mereka.

Dari 91 penyertaan, 50 daripadanya telah berjaya memasuki pusingan kedua pengakhiran dan dalam pusingan itu pula, 20 peserta berjaya melepasi peringkat saringan dan memasuki senarai terpilih, bagaimanapun dalam pusingan terakhir, seramai lapan penyertaan telah dinilai sebagai peserta terbaik dan tiga daripadanya berjaya menduduki tempat teratas.

Pada majlis itu, beliau juga menyempurnakan pe-

nyampaian hadiah dan cenderamata kepada lapan peserta terbaik.

Johan disandang oleh Awang Haji Mohd. Abidin bin Haji Rashid dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak \$2,000.00, sementara naib johan, Awang Mohammad Rezuwan bin Haji Jamaeh juga menerima wang tunai sebanyak \$1,500.00, manakala tempat ketiga pula, Awang Mohd. Denny Azriman bin Haji Madni menerima wang tunai sebanyak \$1,000.00.

Bagi menyerikan lagi majlis tersebut, persembahan sketsa daripada kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka bertajuk 'Mimpi Raja Malik Aslam' turut dipersembahkan.

Dari muka 3

Dengan perpindahan peniaga-peniaga China (hanya sejumlah kecil sahaja peniaga China masih tinggal di Kampong Ayer) menjalankan perniagaan di darat itu, disusuli dengan corak dan jenis perniagaan yang semakin berkembang dan berbilang-bagai, lama-kelamaan telah dapat mengubah corak kehidupan masyarakat Kampong Ayer sedikit demi sedikit. Hal itu telah juga meningkatkan urusan perdagangan di bandar, di mana "the Kedayans now being able to come ... for frequent purchases", dan usaha memperbaiki taraf kebersihan bandar bertambah (Ibid, hal. 21).

PERBANDARAN DAN PENDAPATAN TAHUNAN

Dengan kewujudan dan bermulanya penempatan di tanah daratan itu sekali gus pembinaan nilai-nilai hidup di 'bandar' pada tahun 1910, dapat dibuktikan dengan adanya keterangan sejumlah pendapatan kerajaan yang dimuatkan dalam

laporan tahunan 1911 di bawah tajuk 'Perbandaran' (Municipal). Sedangkan pada tahun 1906 hingga 1910, pendapatan kerajaan menerusi tajuk berkenaan tidak didapati.

Pendapatan kerajaan berkaitan perolehan hasil dari kerja-kerja 'Perbandaran' yang dilaporkan pada tahun 1911 ialah sejumlah \$517.00. Jumlah berkenaan mungkin kutipan Hasil daripada sewa kedai atau cukai tanah (tapak kedai) atau kutipan daripada jualan lot-lot kedai berkenaan.

Selain daripada itu jumlah lot-lot kedai yang telah dibangunkan sehingga tahun 1911 ialah sebanyak 26 buah. Kerja-kerja meratakan tanah, pembinaan jalan-jalan raya dan lampu-lampu jalan dan longkang-longkang bagi menjaga kebersihan bandar dilakukan oleh pentadbiran Residen berjalan terus bagi menampung jumlah pendudukannya.

Walaupun demikian, biarpun kawasan penempatan baru itu terus ditamban dan dibangunkan den-

gan bangunan-bangunan kedai serta bangunan-bangunan pejabat pentadbiran kerajaan, lokasi tersebut mendapat dua sebutan yang berbeza iaitu 'bandar' (town) dalam istilah pentadbiran, dan 'pekan' dalam sebutan penduduk tempatan.

Sebagai contoh ialah terbinanya sekolah Melayu yang pertama di kawasan berkenaan pada tahun 1915 (dipercai terletak di sekitar Jalan Pemancha atau Jalan Sultan sekarang) telah disebut sebagai 'Sekolah Melayu Pekan Brunei'. Sebutan berkenaan masih terdapat sehingga tahun 1937, 1939 dan 1941.

Istilah 'Pekan' dalam percakapan harian bagi kalangan masyarakat setempat memang lazim diketahui, seperti mana juga mereka menyebut 'Pekan Belait', 'Pekan Tutong' dan 'Pekan Muara'. Namun dari perspektif pentadbiran Residen ianya disebut sebagai 'Town' (Bandar).

Sebutan sebagai 'Brunei Town' (Bandar Brunei) ter-

pakai dalam laporan-laporan tahunan yang disiapkan oleh pegawai-pegawai Residen yang terdiri dari kalangan orang-orang British. Sebutan 'Brunei Town' sememangnya telah digunakan juga dalam laporan tahunan sebelum tahun 1910, dan sebelum 1906 dalam lain-lain dokumen penulisan orang-orang barat.

ENAKMEN LEMBAGA- LEMBAGA BANDARAN 1958

Walaupun penempatan di darat itu telah diwujudkan secara agresif pada tahun 1910, di mana pentadbiran kerajaan di bawah Residen British mula bertapak di 'Bandar Brunei' (Pekan Brunei), dan kegiatan-kegiatan perniagaan lain terutama kedai-kedai beroperasi dengan majunya, namun pentadbiran Residen British belum menyediakan satu peruntukan enakmen (undang-undang) khusus bagi mengawal dan melaksanakan pentadbiran harian mengenai, seperti mana 'Enakmen Polis tahun 1906' dan 'Enakmen Pastam/ Dermaga' tahun 1906'.

Hanya diketahui bahawa undang-undang bagi mengawal perlaksanaan pentadbiran 'Bandar Brunei' (Pekan Brunei) itu dilakukan menerusi kuat kuasa 'Enakmen Lembaga Kesihatan 1920'. Ertinya selama 10 tahun sejak 1910, Bandar Brunei (Pekan Brunei) ditadbir di bawah kuasa Residen British.

Enakmen berkenaan kemudiannya telah dipinda untuk mengadakan satu peruntukan undang-undang berasingan bagi membolehkan 'Bandar Brunei' (Pekan Brunei) ditadbir melalui 'Enakmen Lembaga-Lembaga Perbandaran (Pindaan) 1958'. Ertinya mulai tahun 1958 'Bandar Brunei' (Pekan Brunei) baru ditadbir di bawah satu undang-undang berasingan, iaitu 48 tahun selepas ianya dibangunkan pada 1910, dan selama 38 tahun ditadbir bersama di bawah Enakmen Lembaga Kesihatan 1920.

KESIMPULAN

1) Cadangan pemindahan pusat pentadbiran kerajaan ke darat di bawah

Residen British pada tahun 1906, mendapat sambutan dingin penduduk Kampong Ayer. Hanya pada tahun 1910 pemindahan itu berjalan lancar dan agresif dengan orang-orang (peniaga) Cina merebut peluang menjalankan perniagaan 'berkedai' di blok-blok bangunan kedai yang dibangunkan.

2) Bermulanya kerja-kerja 'perbandaran' dilakukan sejak tahun 1910 di sekitar bangunan-bangunan kedai, dan pendapatan hasil di bawah tajuk 'Municipal' (Perbandaran) dilaporkan dalam tahun 1911.

3) Terdapat panggilan/sebutan berbeza ke atas penempatan baru itu, 'Brunei Town' dan 'Pekan Brunei'. Hal ini dibuktikan adanya sebutan kepada 'Sekolah Melayu Pekan Brunei' pada tahun 1915, 1937, 1939 dan 1941.

4) Tidak ada undang-undang (enakmen) khusus diperuntukkan bagi menangan pentadbiran 'Brunei Town' - 'Pekan Brunei' sejak tahun 1910. Pada tahun 1920 'Brunei Town' -

'Pekan Brunei' mula ditadbir dan berada di bawah bidang kuasa 'Enakmen Lembaga Kesihatan 1920'.

5) Hanya pada tahun 1958, baharulah 'Brunei Town' ditadbir secara khusus di bawah bidang kuasa 'Enakmen Lembaga-Lembaga Perbandaran 1958 (Pindaan)', dan dipisahkan dari 'Enakmen Lembaga Kesihatan 1920'.

6) Tahun 1910 bolehlah disahkan sebagai bermulanya perkembangan pesat 'Brunei Town' - 'Pekan Brunei' di tanah daratan. Bagaimanapun tahun 1906 bolehlah pula dianggap sebagai period (langkah) awal bermulanya proses kepada mengisi penempatan sebuah bandar baru di darat, selepas Kampong Ayer, yang mana sebahagian dari keperluan-keperluan asas seperti jalan raya dan bangunan-bangunan sementara pejabat kerajaan dan rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai Residen British dibangunkan. Tahun 1910 lot-lot kedai mula dibangunkan dan lain-lain kemudahan awam pusat bandar giat dibangunkan.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

ORANG PENCEN

Orang pencen
tak perlu kerja
beristerahat
dan beribadat.

Orang pencen
jangan banyak cakap
diam
jadilah penasihat.

Orang pencen
banyakkan aktiviti
berjalan dan berlari
hilangkan kolesterol
serta darah tinggi
jauhkan berbual di kedai kopi
jadilah seorang berpencen
yang sejati
beramal kepada Illahi.

KATOK I

Seketika wajah ini dibanjiri senyuman
maka hati ini pun memendam rasa
entah tiada siapa dapat mengetahui
mungkin aku bertepuk sebelah tangan
atau hanya sebuah angan-angan.

Masa tetap berlalu
usia ini semakin hari digamit keuzuran
senyumanmu subur dalam igauan
lantas hati ini pun terpaut
kau katok diusik dilema
bersama memori yang dusta.

Terfikirlah hati ini sayang
kau katok bukan sebarang
kau adalah idola dalam hidupku
kau bagaikan sebutir mutiara
terbenam di lumpur yang dalam
cahayanya tetap bersinar
walaupun gerhana seribu tahun.

HADIRMU

Hadirmu
mengimbu kembali kenangan silam
menyusur Sungai Belait dan Bukit Puan
keriuhan angin motor sangkut memecah
keletihan
deruan ombak mencium bibir tebingan
jalan ke Kampong Ratan, Tenajur dan Teruan
jambatan besi merah terentang kelesuan
air sungainya sentiasa menggamit kerinduan
betapa hati ini terlena dalam buaian.

Di perbatasan sekolah
kau dan teman-teman membersihkan halaman
basikalmu dan Zainab masih terbayang
aku dan Badaruddin bermain di padang
anak-anak berteriak, berkejaran
menangkap belalang
loceng sekolah memecah kedinginan
cikgu Jali segak mengepit fail
memulakan tugasan.

Hari ini usia kita dimamah waktu
kenakalan senda guraumu masih sehebat dulu
anak-anak cucu kita mengulum jejari hantu

kedewasaan mereka mengubah zaman lalu
kecanggihan IT dan komputer tetap menunggu
betapa kehadiranmu mengimbu kenangan itu.

DI BILIK REHAT GURU-GURU SR TUNGKU

Di bilik guru rehat ini
tika kita masih bersama
kita sering membicarakan
soal peribadi
soal situasi alam sekitar
soal-soal lain
tak kurang juga melucukan
penuh gelak ketawa.

Kini
bilik rehat guru
sudah senyap sepi
kerana kalian telah jauh melangkah
membawa nasib sendiri-sendiri
hanya tinggal ristaan dan kenangan
bayangan kita kian menghilang
suara-suara melucukan kian malap
apatah lagi ketawa tiada bersahut.

Kawan
andainya kau berpijak di bumi lain
ingatlah
kenanglah akan bilik guru rehat ini
kerana ia penuh dengan pelbagai misteri
ia penuh seribu cerita-cerita
ia penuh dengan berjuta kenangan
yang tak boleh kita lupakan.

Padahal
di bilik guru rehat inilah
membuatkan bibit-bibit kemesraan
mengocek kasih
dan bermacam pergilakan
andainya kita masih bernafas.

Pg. Hj. Idris bin Pg. Hj. Ismail

BUNGA

Bunga
untukmu sebagai tanda kasihku
nafas mengencang
gugur satu persatu dedaunan
ambil semula daun itu.

Bunga
untukmu sebagai tanda aku kekasihmu
nafas memburu
gugur satu persatu bunganya
ambil semula bunga itu.

Bunga
untukmu sebagai tanda aku terima kasih
nafas berdiam
gugur satu persatu tangkai bunga
ambil dan buang tangkai bunga itu.

GITAR 'SKY LARK'

Goyang badan boleh dibuatnya
inikan lagi gambus
tiap kali diketik
atas bawah berdengung
rangkaian mana pun berguna.

sungguh hebatnya engkau
kalau tiada mungkin periuk belanga jadi
hiburan
yang dahulu lain yang sekarang
luas pemandangan banyak pengalaman
aku turut mesra
rasa ingin dipeluk cium
kekasihku aku hampir memilikimu ...

BURUNG KECIL

Biarkan dia menjelajahi
umat manusia lebih sedikit daripadanya
ramai sudah terkorban
umpan lagi banyak dipasang di mana-mana
nak kata kasihan itu tak dapat diselamatkan
gumpalan jasad banyak yang terkaku.

Kecilnya badan
empat hari tentu dah lenyap
cendawan tumbuh ikuti nasib hidupnya
itulah burung yang bukan burung!
lantailah tempat bersemadanya.

Ali Termizzi H. R.

PERPISAHAN DAN PERTEMUAN

Perpisahan berbisik di ruang nafasku
setiap nafasku membilang masa dan waktu
mengukur jarak perpisahan dan pertemuan
biarkan dunia pemisah dibenci
namun pertemuan tetap bersemi
disanjung mulia lagi berharga
kerana bayangannya dibening mata
moga-moga ia menjadi kenyataan
perpisahan pertemuan permainan zaman.

UTUSAN TERAPUNG

Gerangan apakah yang diutus?
padatnya nota-nota tiada berkoma ...
bait-baitnya tiada bernoktah
utusan panjang berjela-jela
tiada ada makna
laksana air sungai mengalir
tanpa penghujungnya
terapung sampah tiada sudahnya
melimpah-limpah ...
terumbang-ambing ke tepian danau
di bibir tebingnya ditumbuhi lumut
melekat membalut ...
di dataran bait-baitnya.

Gerangan siapakah yang mengutus?
tanpa nama ... tiada alamatnya
songsang terbalik suara hatinya
pada utusannya terapung jua
di dasar air hitam keruh warnanya
itu mainan anak-anak hingusan
belum tahu baca:
A ... B ..., Ba ... Ta ...
bermandi-mandian di tepian damai.

Pada siapakah gerangan nak diutus?
pada anak hingusan ...
atau remaja gila-gilaan ...
atau jejak patriotisme ...
yang tiada kenal siapa bapanya
yang tiada tentu hala tujuannya
yang hanya bersandar di kerusi goyang ...

Menghulur kedua-dua belah tangannya
tanda terima utusan yang mencakar
suaranya bisu telinganya tuli
masih jelas terapung-apung
didasar danau yang hampir kering
serpihan berkecai terburai
semua utusan terapung berselerakkan
hanyut ditiup badai.

Seribadi

KERUAT

Detik yang terlewat
menggari aku di kandang jerat
perburuan terlalu singkat
cedera merempuh jerangkap pukat
luka yang perlu dirawat
sembuh tidak terubat
namun parut masih pekat.

Ketika merenung balingkawat
kau muncul menjawab
seraya pesanan kembali ligat
engkaulah buruan yang menyengat
kembara yang semakin hebat
mengejar warna nikmat
di depanku kau tercegat.

GURINDAM MULUT

Bagaimana mahu menjawab
kerana itu bukan soalan;
bagaimana mahu berkuta
kerana itu bukan penyata;
bagaimana mahu bercerita
kerana itu bukan hak;
bagaimana mahu menanya
kerana itu bukan benar.

Yang bernama mulut adalah bibir
yang namanya bibir adalah lidah
yang bernama lidah adalah gigi
yang namanya gigi adalah gusi
yang bernama gusi adalah rahang
yang namanya rahang adalah lelangit
yang bernama lelangit adalah tekak
yang namanya tekak adalah mulut.

HANYUT

Sesudah malam larut
ke mana sisa-sisa siang hanyut
dan mampukah mendampar surut
ketika bintang mula susut.

Apa yang ada di tengah malam
selain laut langit yang kelam
di mana uras akan tenggelam
tatkala bulan sudah padam.

Cahaya lampu maya
kembali menyala
dan sisa-sisa malam terlupa
untuk disit semula.

Z. A. Brunei



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 14 JUN

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.15	MEMORIES (Maalaala Mo Kaya) Sr.2 - 'Pilat'
11.00	SCREECH OWL
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	CYBERCHASE
4.45	MONSTER BY MISTAKE SR. 3
5.15	FAR FETCHED
5.45	BERITA
6.00	DRAMA - 'Senja Berbunga'
6.31	AZAN MAGHRIB
6.45	SINAR SR. 2

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	MUZIK '05
7.48	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.15	DRAMA - 'Wira'
9.30	LEGENDA SR. 2
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE 2006 FIFA WORLD CUP IN GERMANY
11.00	LIFE WITH BONNIE
11.30	DARK ANGEL YR. 2
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 15 JUN

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	MEMORIES (Maalaala Mo Kaya) SR. 2 - 'Pilat'
11.00	HALF WAY ACROSS THE GALAXY AND TURN LEFT
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	DRAMA - 'Matahariku'
12.22	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	LIVING
1.30	JUST FOR VARIETY
2.30	ANIMATION FEATURE
3.48	AZAN ASAR
3.53	ANIMATION FEATURES - Sambungan
4.15	ATOM YR.1
4.45	DRAGON TALES SEASON 1
5.15	BEYOND 2000 SR. VII
5.45	BERITA
6.15	RECORD BREAKERS
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATS

MALAM

7.00	SURAH SURAH PILIHAN
7.30	WARTA ISLAM
7.49	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA: 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu'
11.30	WAYANG PILIHAN - 'Storm In Summer'
1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 16 JUN

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	PLAY WITH SESAME
10.45	FRANKLIN
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL 10
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARU JUMAAT - Siaran langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	MENARA SUMBER - Ulangan
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Jeans'
3.48	AZAN ASAR
3.55	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	BERITA
6.15	SYIAR MASJID
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	BICARA IMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	KOLEJ
7.49	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL

9.00 DIARI BINTANG KECIL

9.30	BIOLOGIC
10.00	NEWS AT 10
10.45	KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDRAMA - 'Wakaf'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 17 JUN

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	WHAT'S WITH ANDY
10.45	HOLLY'S HEROES
11.15	IMPIAN - 2ND RUN
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD SPORT
12.22	AZAN ZUHUR

PETANG

12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Aftershock'
2.15	DRIVE SR. 2
2.45	ODD SPOTS
3.15	THIRD WATCH
3.48	AZAN ASAR
4.00	AROUND THE WORLD IN 80 DAYS
5.00	THE NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRL
5.30	JUST A KID - 'Caitling's Way'
5.45	BERITA
6.15	IN THE NAME OF ISLAM
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.30	TSUNAMI AFTERMATH: THE ROAD TO RECOVERY
7.47	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DARI STUDIO 1
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Aftershock 2'
12.00	GROUND FOR LIFE
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 18 JUN

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	ANIMATION HOUR -

'Super Robot Monkey Team Hyperforce Go'

10.45	ACCORDING TO JIM
11.15	PADA SUATU HARI
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Tobias Totz'
12.22	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	GILLETTE WORLD OF SPORT SR. 2
1.30	PERTANDINGAN AKHIR BINTANG KECIL 2006 - Siaran Langsung
3.30	BEING EVE
3.48	AZAN ASAR
4.00	PERTANDINGAN MARI BERCERITA SEPARUH AKHIR - DAERAH TEMBURONG
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT SR. 3
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
5.45	BERITA
6.00	THE WONDERFUL WORLD OF PLANET
6.30	COLORS OF THE EAST
6.33	AZAN MAGHRIB

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA SR. 3
7.49	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Senario The Movie'
10.00	NEWS AT 10
11.30	JESSICA
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 19 JUN

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	MEMORIES SR. 2 - 'Apples, Oranges and Bananas'
11.00	HALF WAY ACROSS THE GALERY AND TURN LEFT
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	'SQUIGGLEVISION'
4.45	101 SQUARE - Siri Baru
5.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
5.45	BERITA
6.00	BIG CAT DIARY SR. 6
6.34	AZAN MAGHRIB

6.45 BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	LINGKARAN IMAN
7.50	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Ragam Kehidupan'
9.30	INFOSIHAT
10.00	NEWS AT 10
10.30	GILLETTE 2006 FIFA WORLD CUP
11.00	THE WHOLE STORY
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 20 JUN

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	MEMORIES SR.2 - 'Posporo'
11.00	HALF AWAY ACROSS THE GALERY AND TURN LEFT
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CEDRIC SR. 2
4.45	WHY WHY FAMILY
5.15	INNOVATION
5.45	BERITA
6.00	KID SINAR SR. 3
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-ISLAM

MALAM

7.00	DRAMA - 'Percayakah Inda'
7.30	DOKUMENTARI - 'Primat'
7.50	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TINJAUAN
9.30	DRAMA - 'Bila Mama Pakai Celana'
10.00	NEWS AT 10
10.30	BOLA SEPAK PIALA DUNIA 2006 - Live dari Dewan Raya 'Costa Rica Vs Poland'
12.15	VERTIAS THE QUEST - Final
1.15	MISS MATCH
2.15	FILLER SPORTS PRO
2.30	BOLA SEPAK PIALA DUNIA 2006 - LIVE 'Paraguay Vs Trinidad & Tobago'
5.10	DOA DAN SIARAN TAMAT



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/PDP/052/2006

SUPPLY AND DELIVERY OF 4C/240 SQMM
KLPE/SWA/PVC LV CABLE.

Tarikh tutup : **20 Jun 2006, hari Selasa jam 2.00 petang.**
Harga Tawaran: \$200.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$50.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu kategori 6(f), 6(g) dalam Kelas II, III, IV, V atau VI. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat 4, Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Bahagian Perbekalan, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BPP/057/2006

"MAINTENANCE OF COMPOUND LIGHTS AT HIJAU
BAIDURI, BALAI PENGHADAPAN BUKIT KAYANGAN
RUMAH AMBAR KASTURI AND RUMAH AWANG ALAK
BETATAR FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS"

Tarikh tutup : **27 Jun 2006, hari Selasa jam 2.00 petang.**
Harga Tawaran: \$200.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$50.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong Elektrik Kelas III ke atas kategori 7a & 7b sahaja. Dokumen-dokumen dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Lantai Bawah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian: Sila sertakan salinan 'Business Names Enactment, 1958 - Section 16 & 17' semasa menghantar dokumen ke Lembaga Tawaran Kecil.



**JABATAN PERTUBUHAN -
PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR
NEGERI DAN PERDAGANGAN**

JAWATAN KOSONG DI WORLD INTELLECTUAL
PROPERTY ORGANIZATION (WIPO) GENEVA, SWITZERLAND

NO.	JAWATAN	TEMPAT	TARIKH TUTUP
1.	Senior Analyst - Grade P.4	Geneva	19 Jun 2006
2.	Senior Technical Information Officer - Grade P.4		
3.	Senior Information Officer - Grade P.4		
4.	Senior Legal Officer - Grade P.4		
More information can be found at WIPO website : http : //www.wipo.int or e-mail : personnel-mail@wipo.int .			

Syarat Asas :-

1. Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
2. Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan ijazah dan pengalaman bekerja di bidang yang berkenaan.
3. Calon-calon berminat dikehendaki menghantar butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) berserta maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkenaan.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:-

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa,
Kementerian Hal Ehwat Luar Negeri dan Perdagangan,
Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC),
Jalan Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

Nombor Telefon : 2383374/ 2383378/ 2383389
sambungan 1836
Nombor Faks : 2383167
E-Mel : dio@mfa.gov.bn



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

BILANGAN TAWARAN: APM.2006/ SH-12

1. TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk kerja-kerja berikut:- TAWARAN BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH "WATER-PROOFING FOR R.C. GUTTERS " DI BANGUNAN TERMINAL BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan :-

"TAWARAN BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH "WATERPROOFING FOR R.C GUTTERS" DI BANGUNAN TERMINAL, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

BILANGAN TAWARAN: APM. 2006/SH-12

Kepada:
Pengerusi,
Jawatankuasa Sebut Harga,
Jabatan Penerbangan Awam,
D/a Bangunan Terminal, Tingkat 2,
Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Perhubungan, BB2513,
Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga yang beralamat di atas tidak lewat jam 2.00 petang, **hari Selasa, 20 Jun 2006.** Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen Tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Kompleks Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan membawa Cop Pengesahan Syarikat.

BILANGAN TAWARAN: JPA/APM.2006/05

1. TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut:- TAWARAN BAGI - TO SUPPLY AND INSTALL LUX-OLON ALLUMINIUM LINEAL CEILING AT VIP CORRIDOR AND GROUND FLOOR, TERMINAL BUILDING BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan :-



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS JUALAN LELONG

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa Jualan Lelong bagi kenderaan-kenderaan yang disebutkan di bawah ini akan diadakan pada tarikh **27 Jun 2006, hari Selasa** dari jam 9.30 pagi bertempat di Kawasan Bangunan Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam.

BIL.	BILANGAN PENDAFTARAN	JENIS KENDERAAN	TARIKH MEMBELI
1.	BG 6461	TOYOTA LAND CRUISER	25.04.1987
2.	BG 7122	LAND ROVER	29.08.1989

Syarat-syarat Jualan Lelong:-

